[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

**PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Bil. 21** ***Rabu*** **27 April 2005**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 3)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):**
- **Kekurangan Bekalan Minyak Diesel**
  - *Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]* (Halaman 29)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2005 (Halaman 30)
Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 (Halaman 115)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 27 April, 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada peringkat ini saya rasa sampai masanya untuk saya membuat sesuatu dua pesanan kepada Dewan yang mulia ini.

Yang pertamanya dalam sesi jawab lisan saya lihat ada soalan-soalan yang berkehendakkan jawapan begitu spesifik hinggakan tidak ada ruang untuk soalan tambahan dibuat. Contohnya, berapa jumlah jambatan konkrit umpamanya sudah siap untuk sesuatu tempat katakan, Tanjung Kasihan dan berapakah jambatan konkrit akan dibuat pada tahun ini jumlahnya.

Di sini pada amnya seharusnya tiada persoalan yang boleh timbul lagi kerana tidak ada isu yang timbul atas perkara ini - begitu spesifik. Kadangkala soalan seperti ini boleh ditujukan terus kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dengan surat. Kalau beberapa surat umpamanya tidak dilayani barulah kemungkinan untuk dikemukakan di sini. Ini tidak bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh mengemukakan soalan-soalan seperti ini di Dewan yang mulia ini jikalau diterima.

Yang keduanya, itulah sebabnya juga jika jawapan dari menteri telah dikemukakan begitu lengkap dan spesifik, saya sebagai Yang di-Pertua kadangkala enggan membenarkan soalan tambahan dalam situasi yang sedemikian, kerana kita beroperasi dalam masa yang terhad dan kita perlu beralih ke subjek lain bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk membuat ataupun mengemukakan soalannya.

Yang ketiganya, jika soalan tambahan umpamanya yang tidak menepati subjek yang dipersoalkan boleh ditegur sebagai soalan lain. Jawapan yang tidak menepati

soalannya itu boleh juga ditegur sebagai jawapan yang lain. Oleh itu soalan dan jawapan mestilah menepati seperti yang dikehendaki.

Yang keempat, pada amnya saya memberi lebih masa pada perkara-perkara yang bercorak nasional, menarik, isu semasa ataupun perkara-perkara pada amnya yang mempunyai kepentingan orang ramai.

Yang kelima, soalan dan soalan tambahan yang berupa berkehendakkan maklumat atau penerangan tidak sesuai jika ia berupa soalan itu untuk memalukan seseorang ataupun umpamanya untuk menguji pengetahuan seseorang itu jikalau .......

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** ....... nanti saya habis dahulu ya. Jikalau umpamanya seorang itu sudah mempunyai pengetahuan yang sedemikian, bak kata pepatah Melayu ‘sudah gaharu cendana pula, setelah tahu bertanya pula’ ataupun ‘sudah terang bersuluh pula’. Jawapan daripada kerajaan atau menteri hendaklah dihormati. Perkara Yang Berhormat hendak mengkritik dan sebagainya adalah satu perkara yang boleh dibuat di masa yang sesuai.

Yang keenam, pada saya setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini adalah *special* belaka. Setiap orang mempunyai keistimewaannya sendiri dan tidak ada yang serupa. Ada yang pintar berucap, ada yang berisi ucapannya dengan penyelidikan serta *research* yang dibuatnya, ada yang menarik ungkapannya dan juga ada yang kurang menarik. Cara, tempo dan rentak perbahasan berlainan. Saya terima hakikat ini dengan syarat bahawa mereka yang berbuat demikian tidak melanggari peraturan dan mengemukakan apa-apa pendapat mereka dalam soalan mahupun dalam ucap dengan sopan.

Dalam suasana ini, salah satu kualiti yang harus ada pada Ahli-ahli Parlimen ialah bukan sahaja boleh berucap dan saya percaya, semua Ahli Yang Berhormat boleh berucap, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat juga harus ada mempunyai kebolehan sabar untuk mendengar, boleh berucap dan begitu juga kita boleh mendengar orang lain berucap. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mendengar ucapannya apabila ia berucap, ia juga harus mendengar jika Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berucap.

Yang akhirnya, apabila merujukkan sesuatu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, hendaklah ia menyebut gelaran atau kawasan, umpamanya Yang Berhormat

itu, ataupun Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung itu ataupun Tanjung ini dan tidak menyebut nama atau sebutan lain seperti “kamu, engkau, awak, aku”. Ini adalah untuk mengelakkan perbincangan berada di aras peribadi kerana segala yang diucapkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah sepatutnya berasaskan kepada prinsip bahawa ia adalah dibuat untuk kepentingan orang ramai. Sekian.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menghalang pembalakan haram dan program-program baik pulih/tanaman semula hutan di Malaysia.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menghalang pembalakan haram di Malaysia, Akta Perhutanan Negara 1984 telah dipinda dan dikuatkuasakan pada tahun 1993, di mana penalti untuk pencerobohan hutan telah dinaikkan kepada RM500,000 dan penjara tidak melebihi 20 tahun dengan penjara mandatori tidak kurang dari satu tahun berbanding penalti sebanyak RM10,000 dan atau penjara tidak melebihi tiga tahun sebelum pindaan dibuat.

Selain itu, Jabatan Perhutanan sentiasa menjalankan pemeriksaan di lapangan bagi mengawal keadaannya. Di antara usaha yang dilaksanakan ialah:

(i) penubuhan Pasukan Penguatkuasaan Hutan;

(ii) mengadakan rondaan di kawasan sensitif termasuk menggunakan helikopter;

(iii) menjalankan sekatan jalan raya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak haram;

(iv) menggunakan teknologi pendirian jauh ataupun *remote sensing* dan sistem maklumat geografi ataupun *GIS System* untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan;

(v) mengadakan sistem balai pemeriksaan hutan di mana semua lori yang membawa kayu balak dikehendaki mempunyai pas memindah yang dikeluarkan oleh Balai Pemeriksa Hutan; dan

(vi) menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga mempunyai rangkaian sumber maklumat untuk mendapatkan maklumat awal tentang pencerobohan hutan dan semua aduan awam yang diterima akan disiasat dan diambil tindakan. Hasil dari langkah-langkah yang telah diambil tersebut, bilangan kes pencerobohan hutan yang telah dikesan didapati telah menurun dari 191 kes pada tahun 1992 kepada 21 kes pada tahun 2003.

Berhubung usaha untuk membaik pulih atau menanam semula hutan, Jabatan Perhutanan ada menjalankan program tanaman menggaya yang merupakan rawatan pemulihan hutan di kawasan hutan selepas pembalakan, kawasan bekas tanaman pindah, kawasan hutan miskin serta kawasan hutan yang telah dicerobohi. Ia dilaksanakan untuk membantu memulihkan isi kandungan hutan supaya mencapai ke tahap yang dikehendaki terutama dari segi komposisi jenis pokok yang mempunyai pasaran dan bermutu tinggi.

Spesies pokok yang dipilih adalah seperti meranti tembaga, meranti sarang punai, meranti rambai daun, kapur, jelutung serta spesies-spesies lain yang bermutu tinggi. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya senang kerana menghalang pembalakan haram ini termasuk Sabah dan Sarawak atau di Semenanjung sahaja.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, statistik yang diberikan termasuk juga Sabah dan Sarawak.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di dalam perlembagaan, hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh yang demikian penguatkuasaan di dalam negeri-negeri adalah tertakluk juga kepada pentadbiran dan garis panduan Jabatan Perhutanan Negeri. Persoalan saya sekarang ialah pembalakan haram memang berlaku tetapi ia bukan berlaku di

hutan yang dinamakan *permanent forest estate* di mana pembalakan dijalankan mengikut prinsip-prinsip *sustainable hill* ataupun *sustainable managemant*.

Tetapi pembalakan haram adalah di kawasan-kawasan yang lain oleh yang demikian apakah langkah-langkah yang diguna oleh kerajaan bagi mengelakkan pembalakan di hutan-hutan yang lain bukan hutan *the permanent forest estate*. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Mambong itu tepat kerana kalau kita perhatikan pembalakan di kawasan-kawasan hutan simpan kekal itu memang dijalankan secara teratur, tetapi masalahnya ialah biasanya kalau dijalankan di kawasan-kawasan tanah kerajaan ataupun milik sendiri di mana biasanya terdapat pencerobohan yang berlaku iaitu daripada luar kawasan yang dibenarkan.

Itulah sebabnya baru-baru ini semua kita telah pun menasihatkan semua Pegawai-pegawai Hutan walau pun ia akan mengambil masa yang lebih sedikit untuk memberi lesen pembalakan ataupun lesen untuk mengeluarkan kayu tetapi untuk memastikan bahawa sempadan-sempadan kawasan pembalakan itu dapat disemak dengan betul supaya tidak ada pencerobohan. Biasanya pencerobohan itu berlaku kerana mereka keluar daripada sempadan yang dihadkan yang ditetapkan dan mereka hendakkan lesen itu dikeluarkan dalam tempoh yang singkat selepas kelulusan diberikan oleh kerajaan negeri. Kita telah pun menasihati supaya berhati-hati sebelum lesen dikeluarkan supaya semua kerja awal di siap sebelum lesen pembalakan dikeluarkan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita faham tanah-tanah yang dimiliki oleh kerajaan mestilah ada permohonan ke atas pembalakan. Tapi bagaimana tanah-tanah milik sendiri umpamanya katakan tanah Putrajaya dia ada 1000 ekar tanahnya, ada kayu-kayu balak di situ. Apakah apabila kayu-kayu balak ini dikeluarkan juga dianggap sebagai satu pencerobohan tanah-tanah milik sendiri memang ada minta sikit penjelasan.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk tanah milik sendiri sebenarnya Jabatan Perhutanan cuma bidang kuasanya ialah cuma untuk pastikan sekiranya pemilik tanah sendiri tersebut ingin mengeluarkan kayu daripada kawasan

miliknya barulah kita barulah cuma kita beri lesen untuk mengeluarkan kayu tetapi kita tidak ada kawalan terhadap hutan tersebut.

Sekiranya pemilik itu ingin mengusahakan tanah tersebut dan apabila kayu itu ditebang bila dia hendak keluarkan kayu daripada kawasan itu dia mesti mendapat kelulusan untuk mengeluarkan balak, itu sahaja peringkat bidang kuasa kita. Di sinilah di mana kerajaan negeri atau pihak-pihak berkuasa tempatan boleh memainkan peranan mereka untuk melihat tentang sensitiviti sesuatu tempat itu sebelum sesuatu cadangan atau pelan pembangunan diluluskan.

2. **Tuan Haji Ismail bin Abd Muttalib [Maran]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah pertubuhan yang telah didaftarkan oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan di seluruh negara dan berapakah jumlah pertubuhan-pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftaran mereka serta apakah sebab-sebab utama pembatalan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]**: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember, 2004 dapat sejumlah 102,226 pertubuhan termasuk cawangannya telah didaftarkan di seluruh negara. Daripada jumlah itu sebanyak 1,071 pertubuhan termasuk cawangannya telah dibatalkan dalam tahun 2004.

Sebab utama yang mengakibatkan kepada pembatalan pertubuhan tersebut adalah:-

(i) kegagalan pertubuhan yang berkenaan menyampaikan penyata tahunan yang diwajibkan di bawah Akta Pertubuhan 1966;

(ii) pertubuhan berkenaan didapati melanggar peruntukan-peruntukan perlembagaannya;

(iii) pertubuhan yang berkenaan menjalankan tujuan-tujuan lain selain daripada tujuan-tujuan yang didaftarkan;

(iv) pertubuhan yang berkenaan tidak wujud lagi; dan

(v) pertubuhan dibubarkan di atas kehendak ahli-ahli pertubuhan itu sendiri.

Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengemukakan soalan tambahan. Remaja ataupun belia adalah merupakan masa depan bukan sekadar harapan negara kita. Saya kira lebih kurang 41% penduduk negara ini adalah terdiri daripada kaum belia atau remaja. Saya kira sebahagian besar daripada pertubuhan-pertubuhan yang dibatalkan adalah juga terdiri daripada pertubuhan belia. Apakah langkah kementerian bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam membantu persatuan-persatuan belia ini supaya dapat memastikan pertubuhan-pertubuhan mereka tidak dibatalkan dan bukan sekadar mengambil tindakan bagi membatalkan pertubuhan-pertubuhan tersebut. Terima kasih.

**Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pertubuhan-pertubuhan belia dapat berjalan mengikut peraturan yang ditetapkan, pihak kementerian melalui Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Persatuan telah mengadakan dan akan terus mengadakan kursus-kursus dan bimbingan-bimbingan mengenai urusan pentadbiran dan undang-undang persatuan. Terima kasih.

**Dato' Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato’ Setiausaha Parlimen. Pertubuhan sukarela ini biasanya berkhidmat berasaskan dengan kesukarelaannya untuk berkhidmat tanpa sebenarnya mementingkan pulangan keuntungan material. Saya dapati banyak persatuan-persatuan ini sebenarnya dia tidak menghantar laporan itu dan telah dibatalkan, tetapi persatuan itu terus wujud maknanya terus melaksanakan program dan aktiviti contohnya persatuan belia dan apabila hendak dihidupkan semula kita dapati dia kena tukar nama baru.

Saya hendak tanyalah Dato’ Setiausaha Parlimen boleh tidak? Nama lama itu dikekalkan, sebab nama lama ini sebenarnya dia ada dia punyai integrasi dia yang tersendiri. Biasanya bila hendak dihidupkan semula pihak pertubuhan dikehendaki boleh, tetapi kena tukar nama baru. Saya hendak bertanya boleh tidak, dirayu supaya nama yang lama itu dikekalkan balik. Terima kasih.

**Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sesuatu pertubuhan yang telah dibatalkan boleh mengemukakan pendaftaran semula kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan dan kita akan memberi pertimbangan. Terima kasih.

3. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah pelan struktur pembangunan industri makanan halal negara telah dilaksanakan dan apakah peranan yang dapat dimainkan oleh rakan-rakan ASEAN bagi memantapkan lagi program pembangunan industri ini di Malaysia .

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berhasrat membangunkan seluruh Malaysia sebagai hak pengeluaran produk halal yang berpotensi dari sumber dan kredibiliti. Selaras dengan ini Jemaah Menteri pada 2 Oktober, 2002 telah melantik Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI menerajui penyelarasan strategi dan program pembangunan hak halal melalui penekanan kepada peranan kementerian serta agensi kerajaan perundangan, persijilan, logo, sistem prosedur pembangunan institusi standard dan akreditasi insentif penglibatan industri penjenamaan dan promosi dan pengiktirafan dan kerjasama antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung peranan kementerian dan agensi kerajaan melalui jawatankuasa teknikal menjadikan Malaysia *hub* pengeluaran produk halal yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Peranan 14 agensi kerajaan persekutuan dan semua kerajaan negeri diselaraskan untuk melaksanakan elemen-elemen pembangunan hak halal.

Antara kementerian dan agensi yang terlibat termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Standard Malaysia (JSM). Pada 15 Januari, 2004 logo halal Malaysia telah didaftarkan certification mark di bawah Akta Cap Dagangan 1976. JAKIM telah diberi hak milik logo halal Malaysia dan sijil halal JAKIM kini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang direka oleh SIRIM. Dari segi perundangan dan prosedur Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna turut meminda peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 1975 bagi mengelakkan penyalahgunaan perkataan halal oleh pengeluar produk-produk dan pengusaha premis.

JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri juga telah menyeragamkan logo, prosedur, persijilan, borang permohonan, caj persijilan dan melanjutkan tempoh sah sijil halal JAKIM Jabatan Agama Islam negeri dari setahun ke dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan lagi program pembangunan industri halal negara, Malaysia turut bekerjasama dengan negara ASEAN lain dalam meningkatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap logo dan produk halal Malaysia. Antara inisiatif diadakan termasuk penubuhan kumpulan kerja mengenai makanan halal yang mana Malaysia berperanan sebagai urus setia. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan untuk oleh kumpulan kerja ini ialah mengujudkan sistem akreditasi bagai pengeluar-pengeluar makanan halal Asian, pendaftaran senarai pengawet halal, pembangunan sumber manusia dan pertukaran maklumat.

Kerajaan juga bertujuan menjadikan standard halal Malaysia untuk persijilan halal sebagai tanda aras untuk mewujudkan satu standard global.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan kepada pembangunan *hub* halal terkanun dalam Pelan Induk Perindustrian II dan Dasar Pertanian Negara. Pelan Induk Persendirian III yang sedang disediakan akan terus memberi penekanan terhadap sektor ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri yang telah menerangkan kesanggupan Malaysia untuk menjadi negara yang membekalkan makanan halal ke seluruh negara ASEAN dan seluruh dunia. Apa yang saya timbulkan pada pagi ini iaitu sejauh manakah penguatkuasaan kita pada mana-mana badan yang akan diberi tanda halal untuk membekalkan makanan halal ke negara ASEAN dan seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa pendekatan yang diambil oleh kerajaan pertama memperkukuhkan dari segi penguatkuasaan dengan menambah pegawai di JAKIM dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Dari segi JAKIM seramai lebih kurang 600 pekerja akan diambil untuk tujuan tersebut. Manakala dari segi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna seramai daripada 1,200 orang lebih kurang pekerja akan ditambah kepada lebih 5,000 dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.

Di samping itu dari segi kedudukan global, pengeluar produk-produk halal di negara lain, kita mengadakan kerjasama dengan 21 buah negara melibatkan badan-badan yang memberi persijilan dan kita mengiktiraf persijilan tersebut.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita menyebut produk halal, kita hanya bergantung kepada tumpuan kita kepada makanan halal sahaja tetapi kita jarang-jarang sekali menyebut tentang produk kita seperti barang-barang kita daripada kulit, daripada kain dan sebagainya yang di cop tanda halal.

Setakat hari ini dalam pasaran saya tidak nampak lagi ada barang-barang seperti kulit dan sebagainya yang ditandakan tanda halal kerana barang-barang seperti ini adalah amat penting bagi pengguna-pengguna umat Islam terutamanya di Timur Tengah ataupun di negara-negara Islam yang lain. Tapai kalau sekiranya kita sebagai negara Islam yang boleh mengeluarkan produk halal ini saya percaya akan menarik lagi pembeli-pembeli atau pelabur-pelabur untuk datang ke negara kita. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah keadaan ini ataupun produk halal ini dikeluarkan daripada negara kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, maksud halal di sini tidak tertumpu semata-mata kepada industri makanan, ia meliputi makanan dan juga produk-produk konsumen seperti kosmetik, farmasi, kulit dan sebagainya. Untuk makluman dari segi saiz pasaran untuk produk halal keseluruhannya bukan makanan semata-mata lebih kurang USD2.1 trilion. Manakala dari segi makanan USD150 bilion. Yang Berhormat nyatakan tidak terdapat dalam produk-produk lain mungkin kerana pada masa ini tumpuan oleh pengusaha adalah dalam bidang-bidang makanan.

Walau bagaimana pun kementerian sebenarnya memang menggalakkan umpamanya dari segi kulit. Ada pengeluar-pengeluar yang menghasilkan produk kasut umpamanya yang meletakkan ini ada elemen-elemen yang tidak halal dan kita menggalakkan supaya kita mengeluarkan produk kulit yang halal supaya ini dapat dipasarkan bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya seterusnya apakah daya usaha kementerian untuk meningkatkan had halal Malaysia ini di peringkat antarabangsa? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua pendekatan penting yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

Yang pertama, untuk meningkatkan standard halal kita untuk menjadi satu *benchmarking* di peringkat dunia dan ini memerlukan beberapa strategi, pertama, mendapat pengiktirafan daripada beberapa buah negara Islam yang utama seperti Arab Saudi, Mesir, Pakistan dan sebagainya.

Yang kedua, untuk mendapat pengiktirafan OIC melalui mesyuarat pegawai-pegawai kanan yang akan diadakan pada bulan Mei dan seterusnya di OIC Summit.

Di samping itu kita melihat di sudut untuk mendaftar dengan WIPO standard halal tersebut dan juga dengan negara-negara utama yang membeli produk halal seperti di Amerika Syarikat, Eropah, Timur Tengah dan sebagainya. Ini adalah usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan standard Malaysia kepada peringkat antarabangsa.

Yang ketiga, dari segi kapasiti pengeluaran, kita tahu pada peringkat ini kapasiti pengeluaran halal negara kita tidak begitu tinggi, walaupun dari segi makanan yang diproses kita mengeksport lebih kurang RM6 bilion setahun berdasarkan kepada *figure* pada tahun 2004. Tetapi dari segi produk halal yang dieksport tidak begitu besar. Sehubungan dengan itu, kerajaan menyediakan insentif dalam pelbagai bentuk dari segi pinjaman, geran pasaran dan sebagainya supaya sektor swasta mengambil daya inisiatif untuk meningkatkan daya mampu pengeluaran produk halal kita, kerana kita tahu dari segi ekonominya kita berada dalam ekonomi pasaran dan orientasi kepada pengeluaran produk halal ini dijalankan oleh pihak swasta.

4. **Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah pelan tindakan untuk menjayakan sifar serta jangka masanya dan dalam masa yang sama apakah langkah-langkah untuk mengurangkan keperluan tenaga kerja asing di Malaysia.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, pengangguran sifar tidak mungkin dapat dicapai kerana terdapat sebahagian daripada rakyat yang tidak mahu

dan tidak dapat bekerja atas pelbagai alasan. Dalam pada itu, kadar pengangguran di bawah 4% adalah dianggap sebagai kadar guna tenaga penuh. Sekiranya kadar pengangguran jatuh di bawah 3% ia akan menimbulkan pelbagai masalah seperti peningkatan kadar upah dan kadar *turn over job hoping* yang tinggi. Bagi membolehkan lebih ramai lepasan sekolah mendapat pekerjaan dengan gaji yang tinggi, mereka digalakkan menjalani latihan kemahiran sebelum memasuki pasaran pekerjaan.

Kementerian ini menyediakan Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Hi-Tech), Japanese-Malaysia Technical Institute untuk melatih lepasan sekolah dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh industri. Di samping itu, institusi latihan lain juga disediakan oleh pelbagai kementerian seperti Kementerian Belia dan Sukan, MARA serta Kementerian Pendidikan Tinggi. Selain itu, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja menjalankan sesi kaunseling dan ceramah kerjaya untuk pelajar-pelajar sekolah bagi memperluaskan pengetahuan mereka tentang bidang-bidang kerjaya yang boleh diceburi berdasarkan kepada minat dan kebolehan pelajar. Kementerian juga melatih lepasan-lepasan SPM dalam pelbagai bidang kemahiran di peringkat diploma dan persijilan.

Di samping itu, kementerian ini juga menggalakkan semua pencari kerja supaya berdaftar dengan sistem Electronic Labour Exchange (ELX) untuk mendapatkan pekerjaan. Pihak majikan juga diminta melaporkan kekosongan jawatan mereka kepada sistem ELX ini supaya permintaan dan kekosongan dapat dijodohkan. Sehubungan itu, agensi pekerjaan swasta juga membantu dengan cara memadankan pencari kerja dengan kekosongan jawatan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing lazimnya bekerja dalam sektor yang kotor, susah dan berbahaya seperti sektor perladangan, pembantu rumah, pembinaan, pembuatan, perkayuan, pembalakan dan lain-lain lagi. Kerja-kerja ini tidak diminati oleh pekerja tempatan. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan keperluan tenaga kerja asing di negara ini, kerajaan menggalakkan majikan yang terlibat dalam sektor industri berintensif buruh bertukar kepada yang berintensif modal dengan menggalakkan penggunaan automasi dan mekanisasi, meningkatkan penyertaan wanita dan pasaran dalam pasaran buruh.

Pihak kementerian juga meminta syarikat-syarikat mengadakan penawaran kerja kepada anak-anak tempatan terlebih dahulu sebelum ditawarkan kepada pekerja-pekerja asing. Di samping itu juga, pihak kementerian sentiasa mengadakan program-program menawarkan kerja seperti Sure Kerja yang sedang rancak dilaksanakan di seluruh negara sekarang. Terima kasih.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada 20 Februari 2005 Yang Berhormat telah menyatakan bahawa ada pengangguran sebanyak 600,000 daripada rakyat tempatan. Daripada 600,000 ini 180,000 kelulusan PMR, SPM dan STPM, 18,000 ialah siswazah. Sedangkan dalam masa yang sama Yang Berhormat mengatakan bahawa kita terpaksa menggunakan lebih daripada 2.6 juta pekerja asing yang membawa kepada aliran keluar wang Malaysia ini sebanyak RM2 bilion setahun. Adakah ini menunjukkan bahawa kadar pengangguran ini boleh sampai kepada sekurang-kurangnya 1% ataupun kurang daripada itu. Bagaimana Yang Berhormat menyatakan tidak mungkin sampai? Ini saya minta jawapan.

Soalan yang kedua, saya tidak nampak satu perancangan yang konkrit untuk merancang dan melaksanakan program modal sumber manusia yang realistik dan pragmatik sejajar dengan keperluan ekonomi Malaysia.

Yang ketiga, nampak tidak ada kesungguhan yang tepat kementerian ini untuk merancang modal sumber manusia bersama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Kenapa ini berlaku? Dan kalau ada sila minta penjelasan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Sebenarnya itu sangkaan buruk sahaja tiada kesungguhan yang tepat. Sebenarnya pihak kementerian sedang melatih seperti mana yang saya sebutkan tadi lepasan SPM dari angka 17,000 pada tahun ini kepada 25,000 pelajar-pelajar lepasan SPM dan di samping itu juga kita mengadakan program-program lain termasuklah program-program menghantarkan pelajar-pelajar kita untuk mendapat kemahiran yang lebih tinggi, sama ada dalam negeri dan juga luar negeri melalui usaha sama dengan pihak negara Jepun.

Saya hendak sebut di sini bahawa kita mempunyai perancangan-perancangan yang sangat baik dan konkrit untuk memastikan bahawa guna tenaga tempatan itu diutamakan. Tetapi malang seribu kali malang apabila kita tawarkan kepada beberapa

sektor pekerjaan kepada anak-anak Malaysia, mereka ini tidak dapat membuat ataupun memberikan pekerjaan. Umpamanya, dalam bidang pertanian, perhutanan, perladangan, pembinaan, pembuatan dan juga perkhidmatan. Saya hendak sebut kalaulah semua yang menganggur yang disebutkan tadi 18,000 orang, kalau hendak bekerja dalam sektor-sektor ini tidak ada seorang pun yang menganggur. Tetapi apabila kita menawarkan usaha-usaha Sure Kerja sebagai contohnya tidak ada yang hendak bekerja. Umpamanya Perodua hari ini masih memerlukan 500 orang lagi pekerja *technician*, tidak ada yang hendak pergi. Mydin yang menawarkan 300 hingga 500 pekerja tak juga yang hendak pergi. Samsung pun begitu juga, termasuklah pekerjaan-pekerjaan yang lain.

Jadi, pengangguran ini tak boleh dikaitkan dengan banyaknya jumlah pekerja asing datang ke Malaysia. Jumlah pekerja asing datang bekerja di Malaysia memang ramai, tetapi ini merupakan sektor-sektor yang tidak sesuai untuk diusahakan oleh anak-anak tempatan, umpamanya di peringkat buruh kerana mereka berpendapat itu kerja kotor, kerja bahaya, gaji rendah dan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang begitu baik. Jadi, sektor-sektor ini dimonopoli, diboloti oleh pekerja-pekerja asing. Sekiranya kita tidak mempunyai pekerja asing banyak syarikat ataupun ladang-ladang ataupun pihak pembinaan, *construction* akan mati di tengah jalan dan ini akan menjejaskan ekonomi negara. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah membuat begitu banyak aktivitinya. Soalan saya kita tahu untuk menjadikan sifar amat sukar sekali, tetapi bolehkah pihak kementerian menjelaskan kadar pengangguran empat tahun kebelakangan ini, dan apakah yang dimaksudkan dengan guna tenaga pengangguran. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kadar pengangguran empat tahun kebelakangan ini saya ingin sebutkan, bagi tahun 2000 kadar penganggurannya 3.1%; bagi 2001 – 3.6%; bagi tahun 2002 – 3.5%; bagi tahun 2003 – 3.6%; dan bagi tahun 2004 – kadarnya juga dalam sekitar 3.6% lebih sedikit. Kita menganggarkan bahawa untuk tahun 2005 kadar penganggurannya turun disebabkan oleh penawaran kerja yang cukup banyak iaitu dalam 3.4%. Saya ingin sebutkan bahawa sangatlah sukar untuk kita

menjadikan sifar pengangguran disebabkan oleh pelbagai alasan termasuk yang dinyatakan oleh Pengkalan Chepa tadi 1% - sangat sukar.

Tetapi ingin saya sebutkan di sini bahawa pengangguran boleh diistilah ataupun dikategorikan kepada empat jenis pengangguran:

(i) pengangguran geseran - iaitu pekerja yang bertukar kerja yang mengambil masa untuk mendapat pekerjaan baru;

(ii) pengangguran struktur - pekerja yang tidak dapat bekerja akibat penggunaan robot, mesin jentera, peralatan canggih dan sebagainya;

(iii) pengangguran pusingan – akibat turun naik ekonomi, kemelesetan, inflasi dan sebagainya; dan

(iv) pengangguran bermusim – seperti nelayan di Pantai Timur, Kelantan, Terengganu, Pahang yang tidak dapat ke laut apabila musim tengkujuh tiba.

Terima kasih.

5. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan kadar penurunan hutan bakau, paya dan tanah lembap mengikut negeri dan apakah sistem pemantauan dan pengawalan yang sedia ada untuk mencegah penyelewengan dan melindungi tanah lembap di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S.G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sebelum menjawab soalan ini membuat sedikit pembetulan kepada soalan tambahan yang dikemukakan untuk soalan 1 oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan. Sebenarnya statistik yang saya berikan tadi adalah untuk Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Saya mohon maaf di atas kesilapan yang berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 2004 Malaysia masih mempunyai seluas 566,856 hektar hutan paya laut ataupun bakau dan 1,544,457 hektar hutan paya gambut seperti berikut, iaitu:

**Hutan Paya Laut**

| Negeri | (Hektar) |
|---|---|
| Semenanjung Malaysia | 99,797 |
| Sabah | 340,689 |
| Sarawak | 126,400 |

**Hutan Paya Gambut**

| Negeri | (Hektar) |
|---|---|
| Semenanjung Malaysia | 300,000 |
| Sabah | 124,457 |
| Sarawak | 1,120,000 |

**Hutan Paya Laut (Bakau)**

| Negeri | (Hektar) |
|---|---|
| Semenanjung Malaysia | 476,714 |

Sebanyak 77% daripada jumlah keluasan hutan tersebut telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal dan baki kawasan seluas 130,142 hektar terletak di tanah kerajaan. Bagi hutan paya gambut pula seluas 1,860,214 hektar atau 77.3% telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal dan baki kawasan terletak di kawasan tanah kerajaan.

Adalah didapati pada tahun 2004 keluasan hutan paya laut ataupun bakau yang terletak dalam hutan simpan kekal di Malaysia adalah 436,714 hektar, berbanding dengan 444,806 pada tahun 1990 iaitu pengurangan sebanyak 1.8%.

Dalam usaha melindungi tanah lembap di seluruh negara kerajaan telah mengisytiharkan empat kawasan sebagai kawasan perlindungan di bawah Konvensyen Ramsar iaitu kawasan Tasek Bera seluas 38,444 hektar di Pahang pada tahun 1995 dan diikuti pula Pulau Kukup – 647 hektar, Tanjung Piai – 526 hektar dan Sungai Pulai – 9,126 hektar di Johor pada tahun 2003. Dan pada awal tahun ini satu lagi kawasan di Sarawak juga diisytiharkan sebagai kawasan perlindungan. Di samping itu, kerajaan terus melaksanakan langkah-langkah berikut bagi melindungi tanah lembap di seluruh negara iaitu:

(i) kawasan hutan berkenaan yang masih berstatuskan tanah kerajaan diwartakan sebagai hutan simpan kekal;

(ii) status hutan-hutan yang telah diwartakan sebagai hutan simpan kekal dikekalkan; dan

(iii) pelaksanaan rancangan pengurusan hutan yang komprehensif oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Terima kasih.

**Tuan Teng Boon Soon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, selepas berlakunya malapetaka Tsunami kita lebih melihat pentingnya hutan bakau ini bagi keselamatan rakyat keseluruhan. Jadi, apa yang saya ingin tahu ialah adakah kemampuan penguatkuasaan Kerajaan Pusat dari segi undang-undang untuk menangani penyelewengan mencukupi. Adakah denda-denda di bawah undang-undang yang sedia ada mempunyai kesan *deterrent* untuk menyekat ulang berlakunya penyelewengan yang tidak menghirau kepentingan orang ramai, maka keluasan tanah lembap akan terus merosot. Jika tiada undang-undang sedemikian, apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan kedudukan yang kurang meyakinkan.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan dalam 14 tahun kebelakangan ini, kita perhatikan ada pengurangan kawasan bakau ini sebanyak 1.8%. Jadi, itulah sebabnya perkara ini telah pun diutarakan kepada Majlis Perhutanan Negara di mana semua menteri besar digesa supaya memastikan bahawa kawasan yang telah dikenal pasti itu sebanyak 132 ribu hektar lagi diwartakan sebagai hutan simpan kekal supaya kawasan ini boleh diselamatkan.

Pada masa yang sama juga kementerian telah menubuhkan satu *task force* yang merangkumi pegawai-pegawai tinggi kementerian dan juga semua pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak untuk mengenal pasti kawasan-kawasan di mana kita boleh buat penanaman semula. Kita telah pun mengenal pasti lebih kurang 1000 hektar untuk percubaan pertama untuk penanaman semula spesies bakau atau spesies-spesies lain yang sesuai mengikut keadaan kawasan pantai. Terima kasih.

**Ir. Hasi bin Haji Mohammaad [Pontian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada empat kawasan yang didaftarkan dengan Konvensyen Ramsar, satu di Pahang dan tiga di Johor, apakah punca ataupun sebab-sebab yang didapati atau yang dikenal pasti oleh kementerian yang menyebabkan

negeri-negeri lain yang memiliki kawasan yang sama luas, kawasan-kawasan yang sesuai untuk digazet sebagai kawasan tanah paya laut untuk didaftar di bawah Konvensyen Ramsar, tidak dapat dibuat, hanya empat sahaja sehingga setakat ini. Apakah perkara-perkara yang menyebabkan kementerian tidak dapat mengenal pasti kawasan-kawasan di negeri-negeri lain.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, Konvensyen Ramsar ini adalah satu konvensyen antarabangsa di mana sekiranya tempat ini diisytiharkan maka kita juga mendapat bantuan kewangan dan juga kepakaran dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memastikan bahawa kita dapat menjalankan kerja-kerja pemuliharaan. Jadi, kita tidak boleh mengisytiharkan semua kawasan ini di bawah Ramsar tetapi terpulang juga kepada PBB untuk terima cadangan kita.

Baru-baru ini kita juga telah memulakan satu lagi usaha iaitu di Sarawak, satu kawasan yang kita cadang dan berusaha untuk memastikan bahawa ia juga diisytiharkan sebagai kawasan lembap Ramsar.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang tapak Ramsar ini sebenarnya di Sarawak, Taman Negara Kuching, telah pun dimasukkan pada minggu yang lepas, 24 April 2005. Sekarang Kerajaan Negeri Sarawak mengenal pasti lebih kurang tiga lagi kawasan yang akan dimasukkan di dalam tapak Ramsar. Tetapi soalan saya kali ini adalah berkaitan dengan penanaman semula hutan bakau. Pada tahun 1970-an, saya dalam tempoh lima tahun membuat kajian tentang penanaman semula dan didapati berjaya bagi dua spesies bakau.

Oleh yang demikian, saya rasa yang 1,000 hektar ini untuk satu tapak uji kaji ini tidak perlu. Adakah kerajaan ingin terus menanam di mana-mana tempat yang ketiadaan hutan bakau ini. Tidak payah membuat uji kaji lagi kerana pada pendapat saya memang boleh berjaya.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita bukan berada di peringkat uji kaji. Apa yang saya maksudkan tadi kita telah mengenal pasti 1,000 hektar untuk kita memulakan penanaman semula tembakau ini. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah pun memohon peruntukan sebanyak RM100 juta untuk melaksanakan rancangan *rehabilitation* hutan paya laut ini.

Jadi, kos sebenarnya agak tinggi kerana kalau kawasan itu berlumpur maka kosnya adalah lebih kurang RM15 ribu sehektar, tetapi kalau sekiranya tanah berpasir kosnya meningkat sehingga RM50 ribu sehektar. Masalah yang kita hadapi ialah masalah kewangan, jadi kita telah pun meminta dan sekiranya ia mendapat kelulusan maka kita akan melaksanakannya secara besar-besaran dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

6. **Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan rancangan kementerian untuk membekalkan telefon komunikasi untuk kampung-kampung di pedalaman negeri Sarawak.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian memang prihatin dalam menyediakan kemudahan infrastruktur komunikasi, khasnya menyediakan talian telefon di kawasan-kawasan luar bandar dan perkampungan di negara ini termasuk di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif menyediakan talian telefon di kawasan-kawasan luar bandar dan perkampungan di buat melalui dua pendekatan iaitu:

(i) melalui dana pemberian perkhidmatan sejagat yang diperolehi melalui sumbangan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002; dan

(ii) projek pemberian perkhidmatan sejagat *(universal service provision* - USP) kerajaan di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan oleh kementerian ini.

Melalui dana pembelian perkhidmatan sejagat yang diperolehi dari sumbangan syarikat-syarikat komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membekalkan perkhidmatan komunikasi melalui talian tetap:

(i) 500 talian individu; dan

(ii) 30 talian telefon awam ke setiap daerah di kawasan-kawasan kampung dan pedalaman.

Bagi negeri Sarawak buat masa ini infrastruktur telekomunikasi bagi fasa 1 telah siap dipasang di daerah Julau, Kanowit, Belaga, Lubuk Antu dan Lundu. Manakala pelaksanaan infrastruktur telekomunikasi fasa II sedang giat dijalankan di 19 buah daerah lagi di negeri Sarawak dan dijangka siap pada bulan Oktober tahun ini. Teknologi yang diguna pakai adalah teknologi berwayar dan tanpa wayar yang mana bagi negeri Sarawak kebanyakannya menggunakan teknologi tanpa wayar.

Bagi projek pemberian perkhidmatan sejagat kerajaan pula, fasa pertama telah dilaksanakan pada tahun 2002 melibatkan 220 buah sekolah rendah kebangsaan di kawasan luar bandar dan pedalaman di mana 110 buah sekolah adalah di negeri Sarawak dan 110 buah sekolah lagi di negeri Sabah. Di bawah projek ini sekolah-sekolah tersebut dibekalkan dengan tiga talian telefon iaitu:

(i) sebuah telefon awam, *public pay phone*; dan

(ii) dua buah telefon pejabat, di samping satu komputer dengan talian *internet*

Projek ini diperluaskan ke perpustakaan desa, klinik kesihatan dan klinik desa dalam fasa II tahun 2003 dan fasa III tahun 2004. Sebanyak 61 buah perpustakaan desa dan 97 buah klinik kesihatan dan klinik desa di kawasan pedalaman di Sarawak telah dibekalkan dengan kemudahan talian telefon pejabat dan awam serta talian *internet* dalam pelaksanaan projek fasa-fasa II dan III tersebut. Terima kasih.

**Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ingin *zero* kepada kawasan saya di Baram. Bagi kawasan Baram adalah satu kawasan yang cukup besar luasnya jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain. Ini bermakna masalah saya lagi terbit besar kerana penduduk-penduduk di kampung yang bertabur di seluruh kawasan ini yang luasnya lebih kurang 22,000 sq. km. Kebanyakan kampung-kampung di Baram langsung tidak mempunyai telefon dan komunikasi dengan bandar ataupun pusat perkhidmatan kerajaan.

Ini menimbulkan masalah yang besar sekali lebih-lebih lagi semasa kecemasan. Kita sedar bahawa dalam tahun 2003 ada beberapa nahas berlaku seperti helikopter yang terjatuh di Mulu, begitu juga di Bakalalan. Bagi saya telefon komunikasi ini ialah satu kemudahan asas yang sangat perlu bagi penduduk-penduduk di luar bandar

supaya mereka dapat berhubung dengan bandar-bandar ataupun kawasan-kawasan tertentu.

Saya ingin meminta penjelasan bolehkah atau tidak kementerian membekalkan atau membuat satu pakej alat komunikasi yang berasas kepada kegunaan komunikasi satelit ataupun sistem yang terkini yang boleh digunakan bagi kawasan luar bandar, yang boleh diwujudkan di kampung-kampung tertentu di pedalaman, khasnya di kawasan Baram di mana komunikasi itu langsung tidak mencukupi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Baram. Memandangkan soalan ini begitu spesifik menjuruskan kepada kawasan Baram, maka saya tidak dapat memberi jawapan yang terperinci tetapi saya akan memberi satu jawapan bertulis kepada Yang Berhormat bagi Baram. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan kerajaan melalui kementerian ini sentiasa sahaja memberi perhatian yang serius tentang pembangunan komunikasi di kawasan-kawasan luar bandar khasnya untuk merapatkan lagi, mengurangkan *digital divide* antara kawasan luar bandar dan bandar pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak tiap-tiap hari ada persaingan, peperangan yang besar di antara *provider* dari pihak swasta seperti *DiGi, Celcom* dan *Maxis* untuk mengambil pelanggan di kawasan yang tertentu, misalnya di bandar. Adakah kementerian menggalakkan mereka juga ataupun memaksa mereka bersaing untuk mengambil pelanggan di pedalaman supaya penduduk di pedalaman juga dapat diberi perkhidmatan yang baik dan juga mengurangkan jurang digital di antara bandar dan luar bandar. Saya rasa dengan adanya perkhidmatan TRI(G) nanti, kita dapat membantu penduduk-penduduk dan murid-murid di luar bandar. Jadi, apakah yang sedang dibuat sekarang?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada hari ini kementerian telah mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk meminta syarikat-syarikat yang membekalkan telefon mudah alih ini supaya, yang pertamanya untuk berkongsi *towers* yang didirikan supaya tidak terlalu banyak *towers* yang ada di negara ini bagi kawasan-kawasan bandar.

Manakala di kawasan-kawasan luar bandar telah ada 21 buah daerah telah dikenal pasti supaya syarikat-syarikat telekomunikasi mudah alih ini boleh menggunakan satu sistem rayauan, *(system roaming),* maknanya syarikat daripada *DiGi* mungkin boleh menggunakan *Celcom, Celcom* boleh menggunakan *Maxis*. Ini akan dikenalkan di 21 buah daerah di negara ini dan tujuh daripada daerah ini terletak di negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi in Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Monopolilah bagi orang Sarawak. *[Ketawa]* Soalan yang hendak saya tanya kepada Timbalan Menteri ini ialah pada awal tahun 1990-an sehingga akhir 1990-an, kita semua bincang soalan *digital divide*. Penyampaian yang dibuat sebagaimana Timbalan Menteri sebut ialah *wireless* dan *wire communication* tetapi adakah Timbalan Menteri membaca laporan dalam TIMES mengatakan soalan *digital divide* ini ada implikasi, khususnya *hand phone*.

Kalau *handphone* itu tidak dapat, itu lebih banyak lagi kesan soal-soal *commercial* kepada orang daripada soalan komputer. Komputer mengajar orang komputer tetapi *commercial*, katanya adalah kesan *handphone* tidak boleh pakai tetapi di Sarawak sama ada *wireless* ataupun tanpa *wire*, komunikasi ini tidak memberi kesan positif kepada pengguna *handphone*. Jadi, apakah tindakan khusus supaya banyak sangat *black sport* di seluruh Sarawak, bahkan di kawasan Santubong pun yang di pinggir bandar tidak mendapat liputan yang memuaskan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat. Suka saya nyatakan bahawa dari segi menyediakan perkhidmatan telekomunikasi ke seluruh negara ini bukanlah mengambil masa satu hari, seminggu ataupun sebulan tetapi memerlukan satu jangka masa yang tertentu.

Dengan itu kerajaan melalui kementerian ini telah merencanakan satu rancangan iaitu mengambil masa tiga tahun. Pertamanya, Time1 untuk kawasan bandar, kemudian Time2 untuk bandar-bandar utama termasuk bandar-bandar di Kuching dan Time2B meliputi kawasan-kawasan pelancongan kawasan-kawasan luar bandar. Inilah yang dilakukan oleh kementerian supaya dapat memberi liputan yang lebih meluas lagi kepada pengguna-pengguna telefon mudah alih di negara ini. Terima kasih.

**7. Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Kewangan menyatakan krisis kewangan 1997 telah menjustifikasikan keperluan negara serantau dalam melaksanakan mekanisme *'currency swaps'.* Apakah tindakan yang telah diambil dan apakah Malaysia bercadang bagi mengkaji semula *'ringgit pegging'* dalam masa terdekat ini?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, susulan daripada krisis kewangan di Asia pada tahun 1997/1998, Menteri-menteri Kewangan Asean+3 pada bulan Mei 2000 telah mewujudkan mekanisme sokongan dan bantuan sendiri serantau iaitu *self help and support mechanism* melalui penubuhan jaringan pengaturan *swap* dua hala, dengan izin, *Bilateral Swap Arrangement* atau BSA di bawah inisiatif Chiang Mai, yang membolehkan negara-negara anggota mendapatkan bantuan *swap* jangka pendek dengan serta-merta sekiranya menghadapi masalah kecairan sementara atau masalah imbangan pembayaran. Berdasarkan pengwujudan kemudahan tersebut, Malaysia telah menandatangani tiga perjanjian BSA dengan Kerajaan Jepun bagi kemudahan sebanyak USD1 bilion, dengan negara China dengan kemudahan USD1.5 bilion dan dengan Republik Korea dengan kemudahan USD1 bilion.

Di samping itu, bagi mempelbagaikan sumber dana dan menjadikan ekonomi serantau lebih berdaya tahan dalam menangani risiko sistemik sekiranya berlaku kejutan di masa hadapan, Menteri-menteri Kewangan Asean+3 pada tahun 2003 juga telah melancarkan Inisiatif Pasaran Bon Asia atau, dengan izin, *Asean Bone Markets Initiative.* Inisiatif ini, yang menggunakan jumlah tabungan dan rizab Asia yang melebihi US 1 trilion adalah berpandukan prinsip penggunaan Tabungan Asia untuk pelaburan di Asia. Dengan kerjasama ini, keyakinan pelabur asing telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha tersebut terus selaras dengan kerjasama berterusan di kalangan ASEAN dan ASEAN+3 dalam bidang kewangan, ekonomi, politik dan sosial ke arah mengintegrasikan ekonomi serantau. Di samping itu, mekanisme-mekanisme yang sedia ada di bawah kerjasama kewangan seperti proses pemantauan ASEAN dan dialog dasar di kalangan negara-negara ASEAN+3 terus dipertingkatkan bagi memastikan pemantauan sentiasa dilaksanakan bagi mengelakkan dari berulang krisis kewangan dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia, selaku sebuah ekonomi yang terbuka dengan sebahagian besar aktiviti luaran negara diurusniagakan dalam mata wang dolar Amerika Syarikat, terus memerlukan kadar pertukaran mata wang asing yang stabil berbanding dengan mata wang yang paling banyak digunakan untuk urus niaga luaran. Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa ekonomi terus mendapat manfaat daripada sistem tambatan nilai ringgit dalam beberapa aspek. Kestabilan nilai ringgit telah mendorong perkembangan perdagangan Malaysia dengan negara serantau. Justeru itu, negara serantau telah menjadi rakan perniagaan negara yang kian penting.

Ekonomi negara turut berkembang secara mapan, pengangguran berada pada tahap yang rendah, imbangan pembayaran berada pada kadar yang selesa, rizab mata wang asing negara mencapai paras yang tinggi dan hutang luar negara adalah terkawal. Oleh yang demikian, daripada perspektif kerajaan sistem tambatan nilai ringgit telah membawa kebaikan yang besar kepada ekonomi secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus berwaspada terhadap perkembangan ekonomi antarabangsa dan implikasinya ke atas ekonomi dan dasar negara, termasuk dasar yang berkaitan dengan penukaran mata wang. Kajian semula dasar mengenai ringgit hanya akan dilakukan sekiranya ringgit dijangka mengalami salah jajaran yang berpanjangan ekoran daripada perubahan struktur yang besar dalam sistem kewangan antarabangsa dan serantau atau sekiranya sistem sekarang tidak lagi sesuai dengan asas ekonomi negara. Pada masa sekarang, rejim tambatan nilai ringgit adalah mapan di mana parasnya adalah sesuai dan disokong oleh asas ekonomi dan ia terus membawa manfaat kepada ekonomi negara.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah seperti mana yang kita tahu pada tahun ini kita akan menganjurkan persidangan julung-julung kalinya EAEC iaitu *East Asia Economic Corporation* yang merupakan badan, sebelum ini dikenali sebagai Asean+3. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Dato' Setiausaha Parlimen adakah *currency swap* ini akan menjadi topik dan agenda di dalam persidangan EAEC yang akan diadakan pada tahun ini? Saya juga ingin bertanya adakah Yang Berhormat sedar bahawa pelabur-pelabur dan pengurus dana telah membuat spekulasi yang kuat di pasaran, berhubung dengan pembatalan tambatan

ringgit selepas China minggu lalu telah menyuarakan hasrat untuk mempercepatkan pemulihan mata wang yuennya? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama adalah soalan yang spesifik dan saya tidak dapat menyatakan di sini sama ada topik berkenaan dengan *currency swap* ini akan dibawa dalam mesyuarat itu. Soalan yang kedua, memang ini adalah cara perjalanan *speculators,* bila mereka mendengar bahawa Malaysia mungkin, saya kata mungkin akan menilai semula tambatan ringgit, maka mereka bawa masuk duit banyak ke Malaysia untuk mengambil kesempatan daripada kemungkinan berlaku *repegging* tetapi nampaknya kerajaan kita bertegas bahawa pada masa sekarang kita tidak akan *review* tambatan itu. Maka hari memang berlaku begitulah di mana mereka akan mengeluarkan balik duit mereka, itu akan berlaku spekulasi begitu, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bagaimana pihak kementerian akan menamatkan tambatan ini, memandangkan dengan keadaan semasa China pun sedang mempertimbangkan untuk menamatkan tambatan *Renminbi* dengan *dolar* Amerika. Walaupun pada zahirnya pihak kementerian menyatakan tidak buat apa-apa kerana kita dapat untung yang banyak sejak tahun 1998 lagi, semua itu untung belaka, tidak ada kerugian, walaupun import kita meningkat, terutamanya daripada negara-negara yang bukan negara Euro ataupun bukan *dolar* Amerika. Import kita sudah melambung tinggi.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita, mungkin tidak boleh sebutkan bila kalau besok dia hendak menamatkan tambatan ini dia tidak boleh kata kerana dia takut. Dengan pelaburan spekulatif dia takut. Tidak apa saya faham. Walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya beritahu kita macam mana kita menguruskan hal ini kerana sudah membebankan negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya baik, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan dalam jawapan tadi bahawa setakat ini Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk hendak *review* tambatan yang sedia ada kerana setakat ini pelaburan perdagangan kita dan Malaysia sebagai sebuah negara pedagang dan kita

menggunakan 70% daripada transaksi kita adalah dalam mata wang US dan yang lain-lain dalam pelbagai mata wang, sama ada Euro, Yen, Sterling dan sebagainya. Termasuk dalam perdagangan di antara rantau ASEAN dan Asia ini juga, kita menggunakan banyak mata wang US, setakat ini memberi keuntungan kepada kita dan memberi kestabilan ekonomi kepada kita dan bagi mereka yang hendak melabur di Malaysia mereka boleh rancang perniagaan mereka. Kalau *speculator,* mata wang kita naik turun maka susah bagi mana-mana peniaga untuk merancang membangunkan perniagaan mereka di sini. Oleh sebab itu, setakat ini, kerajaan masih mengekalkan keadaan itu dan tidak bercadang pada masa terdekat untuk menukar *pegging* itu.

**[Soalan No. 8** - *Y.B. Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] tidak hadir]*

**[Soalan No. 9** - *Y.B. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh) tidak hadir]*

**10. Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk menggantikan alat-alat elektronik penyiaran (Audio dan Video) untuk kegunaan di studio dan rakaman dan siaran luar untuk RTM Sabah dan RTM Sarawak yang sudah usang itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sememangnya menyedari bahawa terdapat alat-alat elektronik audio dan video milik Jabatan Penyiaran di Sabah dan Sarawak yang agak usang tetapi masih boleh digunakan lagi. Oleh itu, kementerian sentiasa mengingatkan pihak jabatan agar sentiasa mengawal selia alat-alatan tersebut bagi memastikan mutu siaran tidak terjejas. Walau bagaimanapun, kementerian melalui jabatan penyiaran telah pun memohon peruntukan di bawah RMK 9 untuk menggantikan alat-alat penyiaran audio dan video bagi kegunaan di studio dan rakaman siaran luar RTM Sabah dan Sarawak.

Di antara projek yang dirancang di bawah RMK 9 adalah liputan TV dan radio di kawasan-kawasan yang terlindung, penggantian pemancar radio FM, penggantian peralatan studio TV, penggantian van siaran luar TV iaitu OB Van, pembinaan kompleks penyiaran RTM KK, penggantian peralatan studio radio, pembinaan stesen pemancar

radio FM tempatan pelbagai bahasa dan van pengukuran isyarat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sepenuhnya adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan di bawah RMK 9. Terima kasih.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Teknologi pendigitalan penyiaran sedang dalam peringkat pelaksanaan oleh RTM. Teknologi ini difahamkan akan menambah lagi dari segi mutu penerbitan dan juga dari segi mutu siaran kualiti penerbitan dan siaran. Dalam persediaan ini perlu diambil kira lima faktor.

i) mengenai *production facilities studio;*

ii) *transmission* ataupun pemancar-pemancar digital;

*iii) set up boxes;*

iv) *human resourses* ataupun dari segi sumber manusia *of the world class standard, dengan izin, iaitu* dari segi penerbitan berita dan juga teknikal;

v) *production content the production courses;* dan

vi) dari segi *viewers* kita, bila kita menukar kepada digital

Soalan saya ialah berapa banyakah perbelanjaan yang akan kita gunakan dalam transformasi ataupun dalam transisi ini. Yang kedua, apakah persediaan RTM dalam usaha RTM supaya siap sinaga dalam kita menemui pendigitalan ini. Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pensiangan. Sebenarnya peralihan teknologi daripada sistem *analog* kepada sistem digital ini sememangnya satu usaha yang sudah lama difikirkan. Walau bagaimanapun, ia memerlukan perancangan yang rapi kerana peruntukan yang besar terpaksa disediakan. Untuk peringkat awal ini pihak RTM telah bersedia untuk memulakan pendigitalan penyiaran ini di peringkat Lembah Kelang, iaitu *pilot project* kita di kawasan Lembah Klang dan kos yang kita jangka akan digunakan untuk pelaksanaan ini adalah sebanyak RM75 juta dan sekarang di peringkat akhir untuk kita memulakan, iaitu di peringkat pemilihan syarikat untuk melaksanakan proses pendigitalan ini. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya boleh *confirm* bahawa kebanyakan alat-alat audio dan video ini memang sudah lapuk tidak boleh digunakan lagi. Saya hairan alasan kita tidak

ada peruntukan tetapi kementerian membelanjakan peruntukan kepada perkara-perkara yang remeh-temeh. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat, adakah kementerian ini berhasrat untuk mengganti peralatan-peralatan ini. Contohnya di kawasan saya, terlampau teruk sehinggakan tidak boleh digunakan. Pegawai-pegawai di sana memberi laporan kepada saya minta peruntukan. Saya kata minta dengan kementerian sebab kementerian berbelanja berjuta-juta di mana saya lihat kepada keperluan-keperluan yang tidak menentu. Jadi, saya minta jaminan supaya perkara ini diganti dengan peralatan yang baru sesuai dengan tuntutan negara dan sesuai dengan globalisasi pada hari ini. Jangan membelanjakan kewangan kita pada jalan yang remeh-temeh. Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pihak kementerian sentiasa prihatin akan pandangan-pandangan semua Ahli Yang Berhormat dan kita menerima teguran tentang penggunaan wang ke arah yang remeh-temeh, tetapi sebenarnya segala yang kita laksanakan selama ini di pihak kementerian setelah kita bincangkan di peringkat pengurusan yang mengambil masa berbulan-bulan juga untuk kita laksanakan. Kita merasakan semua yang kita laksanakan adalah untuk peningkatan penyiaran kebangsaan.

Saya beri jaminan sekiranya semua yang kita gariskan dalam permohonan di bawah RMK-9 dapat diluluskan kesemuanya, insya-Allah kita akan dapat memperbaiki ataupun mengganti semua peralatan yang usang khususnya di Sabah dan Sarawak yang memang saya maklum semua peralatan tersebut telah melangkau tempoh 20 tahun penggunaannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi jawapan lisan pada hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## USUL

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

### Kekurangan Bekalan Minyak Diesel

**11.16 pagi.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2) dengan ini diberi notis bahawa saya akan mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan.

Saya, Salahuddin bin Ayub - Kubang Kerian mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan mengenai isu perkhidmatan pengangkutan awam yang melibatkan bas-bas ekspres yang hampir lumpuh di seluruh negara akibat kekurangan bekalan minyak diesel yang semakin serius dan meruncing.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah perkara tertentu kerana perkhidmatan pengangkutan awam yang melibatkan bas-bas ekspres, bas-bas sekolah dan bas-bas ulang-alik dalam keadaan yang sangat kritikal. Keadaan ini akan mendatangkan kemudaratan terhadap sistem pengangkutan awam dalam negara kita. Perkara ini juga perlu disegerakan kerana isu kekurangan dan kehabisan bekalan minyak diesel di stesen-stesen minyak seluruh negara akan mengakibatkan perkhidmatan bas-bas ini menjadi lumpuh sama sekali, sekiranya masalah ini tidak diambil tindakan tegas dan serta-merta oleh pihak yang berwajib.

Isu ini pada hemat saya adalah berkepentingan ramai kerana perkhidmatan pengangkutan awam jalan darat, sama ada jarak dekat atau jarak jauh dengan menggunakan bas-bas ini menjadi pilihan utama puluhan ribu rakyat yang berpendapatan rendah di negara ini setiap hari.

Berdasarkan kepada hujah-hujah ini saya merasakan usul ini amat penting untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya mohon mencadang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada 26 April 2005. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dibentangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

(i) bahawa perkara itu tertentu;

(ii) bagi kepentingan orang ramai; dan

(iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, dan perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3)(b) Usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2005

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” ***[26 April 2005]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyambung ucapan.

11.21 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, semalam semasa mesyuarat ditangguhkan saya sedang berucap dan menyentuh mengenai ucapan Yang Berhormat bagi Johor Bahru, Pengerusi Backbenchers Club dan menyentuh mengenai dua rencana NST dan laporan NST yang menjadi kontroversi.

Pagi ini kita lihat laporan New Straits Times di muka hadapan ada kartun *[Menunjukkan sebuah akhbar]* *At the* Dewan Rakyat *yesterday, NST draw* - semacam *High Noon lah - Cowboy High Noon, Gary Cooper.* Ada orang nampaknya Pengerusi BBC dan saya pun ada di sana. *[Ketawa]* Dua orang yang *draw - shoot High Noon*.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat*****]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang :** OK CORRAL. Apa ertinya? Dalamnya ada satu laporan dan ada satu rencana -

> *"MPs Question NST's Intentions"- Sheridan Mahavera:- "Several MPs criticised the New Straits Times in Parliament today, wondering if the newspaper was running a campaign to smear them and make them appear irrelevant".*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh minta penjelasan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum. Saya baru sahaja mula. Nanti, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya sudah tahu itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti. Hah? Bolehlah, bolehlah. Okeylah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, bolehkah hari ini kita maju setapak lagi dalam perbincangan kita tanpa kita melibatkan lagi pihak press, sebab kelmarin kita sudah bahas satu hari jadi biar kita *advance* sedikit dengan isu-isu yang lain tanpa perlu kita *criticize* antara satu dengan yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu bercakap mengenai meminta *hotel class rate* lebih baik, meminta *MP's car* diakui kerana saya rasa itu adalah remeh-temeh tetapi yang ini adalah mustahak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu remeh-temeh, yang ini mustahak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sungguhpun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mustahak, tetapi bagi saya jangan jauh daripada akta pindaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Semalam kita tertumpu kepada isu ini. Mana ada jauh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jauh sangat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *On the spot. On the spot*. Tidak jauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng**]: Saya minta Yang Berhormat, Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, *on the spot*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya fikir Yang Berhormat sudah berucap lebih daripada dua jam. Untuk memberi peluang kepada......

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada dua jam. Tidak dua jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ....** kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kalau bolehlah Yang Berhormat cuba ringkaskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya cuba ringkaskan**.** Tetapi oleh kerana ini mustahak dan saya rasa kalau kita mahu menjaga maruah dan *dignity* Dewan yang mulia ini, kita perlulah satu perbahasan yang bebas dalam perkara ini. Kalau tidak kita mahu tambah sahaja elaun 10% tanpa menghiraukan pandangan orang ramai akan lebih dahsyat lagi perkara ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, nanti. Saya tidak mahu mengenai *hotel rate and all that.* Saya rasa itu remeh-temehlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** **...**dan para yang kedua, " *The almost one-and-half-hour tirade against the NST included allegations ....."* *Tirade* - apa itu *"tirade against the NST"? Used in-appropriate words* dan selepas itu ada *"Leading the tirade was the Backbenchers Club Chairman Datuk Shahrir.....".* dan selepas itu di muka surat 10 ...... saya tidak mahu baca keseluruhannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak perlu. Apa yang saya mahu sebut ..."*Other MPs who took part in the feast of vitriol...."* - *feast of vitriol* - apa itu" *vitriol"*? Nampaknya untuk *dictionary of authority* New Straits Times ialah Microsoft Encarta. Dia ada sebut mengenai *Microsoft Encarta Reference Library* - mengenai *meaning of "untouchable".* Nanti saya akan sebut.

Apa ini "*vitriol"*? Satu lagi "*bitter hatred".* "*Bitter hatred*?" - *"Extreme bitterness and hatred for somebody or something or an expression of this feeling in speech or writing".* Satu lagi ialah "*sulphate - sulphuric acid*". Adakah semalam ada satu "*feast"* di mana *substance* serupa *sulphuric acid* ada dicurah kepada NST oleh Ahli-ahli Parlimen di sini? Kita tidak. Saya tidak tahu Barisan Nasional. Saya percaya Yang Berhormat Pengerusi BBC bahawa Barisan Nasional mereka tentulah tahu mempertahankan mereka sendiri sama ada mereka menyertai satu "*feast of vitriol"- poison arsenic.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai hotel? Kalau mengenai hotel tidak payahlah. Saya rasa sangat malulah di dalam Dewan ini kita bincang mengenai *hotel rate* - patutlah setaraf dengan *civil servant*. Apa ada standard? Janganlah, janganlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa *Hotel rate*? Tidak payah, tidak payah. Itu tidak payah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ha, ini takut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa takut? Tidak payah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat dengarlah apa saya mahu cakap. Jawab tidak ada standard.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan merendahkan dan mencacatkan standard dalam Dewan yang mulia ini. Datang bincang mengenai *hotel rate.....*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu malulah, jangan. Jangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ha, ini malulah kalau macam ini. Bagi peluanglah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payah. Tidak payah. ...dan untuk menyuarakan sama ada kenapa parti tidak *control* kerajaan. Apa itu lagu?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Apa salah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Parti tidak *control* kerajaan? Siapa *control* kerajaan.....

**Datuk Bung Moktar bin Radin**: Apa salah?

**Tuan Lim Kit Siang:** ...kalau bukan Barisan Nasional yang menguasai kerajaan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak perlulah. Itu tidak perlu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Takut. Ini macamkah? Penakutlah. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa itu takut. Serius. Perkara ini serius bukan mengenai *hotel rate*lah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ha, ini penakut. Ini apa punya Ketua Pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada, tidak apa, tidak apa. Tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Dia punya Usul pun tidak kena terima. Tetapi kita punya Pas kena terima.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini satu perkara yang serius. Saya tidak mahu *distraction.* Adakah semalam kita menyertai ataupun mengadakan satu '*feast of vitriol*" dan *sulphuric acid arsenic* diberi kepada New Straits Times - meracuni. Tidak ada! Bagi pihak saya sendiri apa yang saya kata tidak ada *bitterness - extreme bitterness and hatred* tidak ada. Tidak ada *extreme bitterness* atau *hatred,* tidak ada *sulphuric acid,* tidak ada *arsenic* terhadap NST.

Saya tidak tahu Barisan Nasional ada atau tidak ada. Ini terpulang kepada mereka sama ada mereka bersetuju inilah satu "*feast of vitriol*". Tidak. Oleh kerana apa yang saya kemukakan ialah *fair comment*. Kita bersetuju dengan *fair comment.* NST, Stars, dan Utusan *fair comment* tetapi mestilah *fair comment*. Bukan kata *fair comment* tetapi *prejudicial unfair* - tidak adil dan selektif.

Kenapa ada diteruskan di sini? *[Menunjukkan satu risalah]. Definition* mengenai *untouchable - untouchable* di sini ada disebut, "*(According to Microsoft Encarta Reference material - "untouchable" means "above criticism - too well known or important to be criticised")* Benar. Saya pun *check into* Encarta definition. Encarta definisi ada dua - bukan sahaja *not to be touched, out of reach, above criticism, disagreeable to touch, unpleasant or disagreeable to touch.* Dalam *dictionary* pun ada satu lagi *definition* yang menjelaskan apa ertinya *disagreeable to touch, unpleasant or disagreeable to touch.*

*"Indian religion offensive term, an offensive term for a member of the hereditary Hindu Class that was formally segregated and regarded as ritually unclean by the four castes and who performed tasks that were considered polluting. The term is regarded as offensive and Gandhi's alternative Harijans meaning "children of god" has been rejected by many in favor of a term Dalits meaning "the oppressed."*

Kenapa penggunaan tidak selektif? Tetapi apa yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua, ialah semalam apabila saya berucap, dia kata bahawa nampaknya tumpuan ucapan ialah mengenai NST, dalam ucapan saya itu adalah sebahagian kecil sahaja. Ada isu-isu yang *substantive* yang saya kemukakan tidak dilaporkan oleh NST, yang menunjukkan NST bukanlah adil dalam melaporkan, beri liputan mengenai prosiding Parlimen.

Apa yang disebut *a quick run down,* apa perkara-perkara yang ada disebut, bahawa kegagalan Parlimen dalam 18 bulan ini untuk memainkan peranan sebagai efektif dan efisien untuk memajukan tiga tugas sebagai dewan perundangan, *deliberate* dan untuk *hold the government to account.*

Kenapa tidak disebut oleh NST mengenai *irrelevance Parliament*? Saya mengucapkan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan satu usul tergempar membincangkan mengenai krisis diesel tetapi sampai semalam, masalah ini

begitu besar. Begitu besar dan menjadi satu *nightmare* kepada rakyat Malaysia, untuk 4 bulan, sehingga pesta Gawai di Sarawak pun mungkin tidak boleh dijalankan kalau krisis diesel ini diteruskan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat perkara ini akan kita bincangkan nanti.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sebut sudah, saya sebut semalam……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah! Ya, tidak perlu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Semalam saya ada berkata, sudah tiba perkara semacam ini sangat mustahak oleh kerana bas-bas operator pun ada berkata mungkin tidak boleh pergi bawa anak-anak pergi ke sekolah. Tetapi ini tidak disebut dalam New Straits Times.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mengenai perkara ini boleh bangkit nantilah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bukan hendak membahas perkara ini tetapi perkara semacam ini dan juga suara-suara yang mendesakkan *Minister resign*. Kenapa NST tidak sebut? Semalam saya ada sebut mengenai kenapa Parlimen tidak memainkan peranan yang mempelopori mengenai membanteras rasuah. Kenapa tidak mengenai *National Integrity Plan* (PIN) nampaknya Barisan Nasional 92% pun tidak faham apa itu dalam plan itu. Kenapa tidak ada dilaporkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, berkaitan dengan NST, saya pun tidak tahu macam mana menteri hendak menjawab nanti?

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia tahu, dia sangat fasih dan dia bukan *foolish*, dia bukan bodoh, dia tahu bagaimana hendak menjawab, dia tidak bodoh. Dia kata orang jangan bodoh, dia sendiri pun tidak bodoh.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Betulkah? *Confirm?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang**: Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, pandangan dan teguran Yang Berhormat terhadap laporan NST. Saya .........

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan sahaja NST, mengenai *mass media*, *mass media*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, tidak apa. Saya ingin mengatakan sudah pun diutarakan dengan jelas dan terang. Maka saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat boleh balik kepada tajuk yang lain.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ingin menekankan isu mengenai peranan, kedudukan dan masa hadapan Parlimen ini dan satu masa di mana kita menjadi pengkritik,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng**]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun, Sabak Bernam ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okey sila**.**

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh bagi Timor. Saya ingin mencadangkan supaya pihak pembangkang mengalih perbincangan dan perbahasan kita daripada isu NST ini kerana semalam Ketua BBC sendiri telah membicarakan hampir satu jam. Begitu juga semalam, Ketua Pembangkang telah pun membicarakan isu ini lebih satu jam dan kita berada di Parlimen ini hendak membicarakan isu rakyat yang penting.

Oleh kerana itu pada dasarnya semalam kita telah selesai mengenai perkara ini, tetapi saya nampak pihak pembangkang memanjangkan isu ini supaya saya rasa esok akhbar ini juga akan memetik apa yang disebut olehnya dan oleh kerana itu saya mencadangkan supaya kita pergi kepada isu lain yang lebih penting demi rakyat kita, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nampaknya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dia menjadi satu *untouchable* tidak cukup. Mahu menjadi benar-benar *untouchable,* mahu menjadi benar-benar *untouchable...*

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu menjadi benar-benar *untouchable.*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Itu sudah selesai semalam.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak selesai*, untouchable is untouchable.*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Pembangkang memang tidak mahu beri selesai!

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakala dia mungkin salah dilibat dalam *untouchable,* nampaknya dia benar dan patut dalam *root gallery* dalam *untouchable.* Apa yang saya sebut ialah sebenarnya semalam begitu *substantive* issue yang saya ada timbul dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini. Bukan mengenai New Straits Times, mengenai korupsi kenapa ahli-ahli Parlimen dalam 18 bulan tidak memainkan satu peranan dalam kempen ini, mengenai isu-isu yang kita ketepikan tidak ambil perhatian seperti kematian Rumie Azzan Malie, sama ada itu kes Jalil Ibrahim yang kedua, sama ada mengenai prestasi Menteri-Menteri dan prestasi Timbalan Menteri, kenapa ada seorang Menteri yang 6 hari dalam seminggu tidak ada dalam kementerian, dalam Sarawak sahaja. Kenapa Timbalan Menteri menjadi *defector* Menteri.

Semua prestasi ini kenapa dia tidak dilaporkan oleh New Straits Times -kata semua ini mengenai satu *attack* sama ada mengenai kualiti, kaliber Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Kabinet sama ada mengenai slogan *first world Parliament* tetapi tidak ada mentaliti *first world Parliament* dan semua itu isu yang penting.

Itulah, bukan New Straits Times tetapi apa yang dalam New Straits Times adalah mustahak. Oleh kerana kita perlu buat satu pendirian dan kita menerima pandangan itu, apa yang ditulis khasnya hari ini - hari ini yang dalam rencana ada kata takut. Adakah sekarang semua Ahli Parlimen takut oleh kerana mungkin ada satu arahan yang baru sudah keluar, diam-diam. *You are rubber stamp you should quite, you keep quite.* Hari ini *keep quite*, adakah ini? Semalam boleh? Boleh bangkitkan hal-hal dalam perkara ini tetapi hari ini tidak boleh. Nanti saya mahu sebut, ini mustahak. Apa yang kredibiliti dan profesionalisme, ini satu *apology* untuk apa? Bukan untuk satu *free press*, tetapi *apologize* Kalimullah ialah tunjuk dia Barisan Nasional *loyalist.* Kita tidak mahu Barisan Nasional *loyalist*, kita mahu *loyalist* kepada rakyat Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Surat khabar ialah untuk rakyat Malaysia dan bukan untuk Barisan Nasional...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya pohonlah kerjasama

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya akan bekerjasama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 36(1) hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan rang pindaan itu .....*[Dewan menjadi riuh seketika]* Saya ingat terkeluar jauh sangatlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu 100%...

**Tuan Chow Kon Yeow:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong, Tanjong kalau hendak bercakap, bangun. Hendak bercakap jangan duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** 100% bersangkut-paut.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Timor, Ipoh Timor, Tanjong bangun.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu beri ....penjelasan boleh?

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan bahawa Kalimullah Hassan telah memberikan satu *apology.* Kalau *apology*, saya ingin tahu dari Yang Berhormat, jika dia berkata dalam *paragraph* yang terakhir, "*But I stand by my columnist Zainul Arifin Isa and I stand by my commentary".* Ini bermaksud beliau masih menganggap apa yang ditulis tempoh hari dahulu adalah benar dan *apology* seperti ini tidak *sincere*. Setujukah Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya bersetuju. Sebab itu saya buat komen, oleh kerana ada rencana dan ada artikel hari ini bahawa adakah ini kita boleh menerima, adakah ini *sincere*, adakah ini *apology* kepada siapa? *Apology* kepada Barisan Nasional sahaja atau *apology* kepada rakyat Malaysia, kepada Ahli Parlimen tidak kira apa parti. Sungguhpun dimiliki oleh UMNO tidak bererti bahawa ialah tanggungjawab kepada Barisan Nasional dan tanggungjawab *higher duty* kepada negara, kepada rakyat dan apa rencana dalam Zainul Arifin bahawa pemberita *it will not report what it does not see or hear* tetapi kita ada tengok bahawa New Straits Times ada *report* apa atau tidak dengar.

Ini boleh ditunjukkan dengan *a full list of* contoh di mana kita boleh tengok di sini satu laporan Chok Suat Ling yang ada berkata mengenai prosiding di Parlimen. Semasa Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri menggulung, apa yang dilaporkan di sini? *"The attack of Zainul and the media shimmered down when the Deputy Speaker again reminded the MP's and they had deviated from the topic to be debated. But in the afternoon, Kit Siang once again raised the issue when he asked the Minister in the Prime Minister's Department, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, who was winding up whether the comment piece had humilliated MP's and made Parliament a laughing-stock".*

Apa sebenarnya yang berlaku, ini silap dan ini tidak betul. Tengok apa yang ada dalam Hansard. Ini apa yang saya kata, boleh minta penjelasan. Saya pun ada bangkit rencana dalam New Straits Times hari ini yang ada dianggap oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mereka, pun menganggap dia menghina Ahli-ahli Parlimen oleh kerana tulisan di dalamnya itu adalah Yang Berhormat yang menjaga bertanggungjawab dengan Parlimen bersetuju bahawa rencana ini menghina Ahli-ahli Parlimen ataupun sungguhpun menghinakan Ahli-ahli Parlimen tetapi ada beralasan patut dihinakan oleh kerana kelakuan Ahli-ahli Parlimen dua minggu ini menimbulkan isu yang menjadikan Parlimen *laughing-stock* di negara ini atau tidak alasan. Bukan rencana ini menjadikan Parlimen *laughing-stock* tetapi oleh kelakuan beberapa Ahli-ahli Parlimen menjadikan Parlimen *laughing-stock*. Ini silap dan laporan ini tidak betul dan saya ada tanya bukankah perkara ini patut dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan untuk buat satu kajian yang lebih mendalam.

Dan bagaimana kita boleh membenarkan terus di sini, bak kata *untouchable, accept criticism, good journalism, credible, responsible.* Apabila kita cakap mengenai *big issues,* ada surat khabar, surat-surat kepada *letters to editor* yang kata, *focus on big issues.* Kenapa Ahli-ahli Parlimen tidak fokus *on big issues.* Betul, saya setuju. Saya bukan menentang atau kritik surat khabar termasuk *New Straits Times* oleh kerana ada liputan kepada perkara-perkara yang menjadikan Parlimen *rubbing stock* semacam LRT, semacam MAS uniform. Benar. Kalau ada hak dapat, mungkin patut dilaporkan oleh kerana ini *ridiculous.* Tetapi, kenapa itu sahaja? Tidakkah isu-isu besar pun ada dikemukakan? Sepatutnya ada liputan supaya rakyat tahu bukan sahaja perkara yang

remeh-temeh yang ada dikatakan dan patut dikutuk tetapi, ada perkara-perkara yang penting pun ada dikemukakan yang boleh memberi satu gambaran yang *balance,* yang imbang, yang adil. Itulah apa yang kita mahu tahu.

Sebab itu, saya harap bahawa dalam perkara ini kita perlu buat satu kajian. Dua perkara yang kita perlu ambil perhatian ialah, saya harap bahawa Jawatankuasa Hak Keistimewaan akan bermesyuarat timbang perkembangan dalam perkara ini. Oleh kerana kita tidak mahu pun Ahli-ahli Parlimen dan saya harap pun Ahli-ahli Parlimen dalam sebulan ini yang ada membangkitkan hal yang menjadi *Parliament rubbing stock* akan berdiri satu-satu untuk meminta maaf. Mereka gambar yang patut di dalam *roads gallery* yang tidak ada. Sepatutnya di dalam itu tidak ada. Mereka patut meminta maaf dan kedua, surat khabar dan bersama dengan *New Straits Times* yang tidak adil dan yang ada menghina, menjatuhkan kerajaan dan martabat Parlimen pun patut minta maaf, khasnya kepada saya.

Saya harap bahawa Kementerian *of Privileges* bermesyuarat, timbang dua perkara ini. Bukan untuk *punish* sesiapa. Ia tidak perlu. Tetapi kita, kalau mahu Parlimen dihormati, mahu Parlimen jadi *first world Parliament,* inilah perlu dibuat dan mungkin Jawatankuasa Hak Keistimewaan boleh mengeluarkan laporan tahunan mengenai kedua-dua perkara. Laporan tahunan mengenai kelakuan Ahli Parlimen termasuk ucapan mereka, kalau adalah bersabit dengan menjatuhkan, merendahkan kedudukan Parlimen dan kedua mengenai liputan surat khabar, untuk boleh memberi nasihat supaya boleh bekerjasama untuk mempertingkatkan kedudukan Parlimen dalam hal ini.

Dalam rang undang-undang ini, kita ada peruntukan untuk Ahli-ahli Parlimen. Kita mahu keadilan untuk semua Ahli-ahli Parlimen, boleh memainkan peranan mereka. Ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ada kompelin tidak cukup wang. Tetapi, kita tengok apa yang berlaku. Untuk Ahli Barisan Nasional, mereka setiap tahun ada peruntukan RM500,000 untuk pembangunan kecil kawasan-kawasan tertentu mereka, masing-masing. Kalau kita mahu *National Integrity Plan,* keutuhan *National Integrity.* Kalau ada peruntukan untuk pembangunan setiap kawasan, itulah perlu diberi kepada semua kawasan. Kenapa kawasan-kawasan pembangkang dikecuali, dinafikan, dianaktirikan? Bukankah penduduk-penduduk dalam kawasan di mana ada Ahli

Parlimen pembangkang, mereka pun warganegara Malaysia. Mengapa menganggap mereka sebagai *second-class Malaysian*?

Oleh kerana mereka menjalankan, menggunakan hak mereka untuk memilih ahli-ahli pembangkang sebagai MP? Bukankah wang itu, wang rakyat dan tambahan RM500,000 setiap tahun, ada digunakan untuk apa? Ada tersenarai di sini? Ini dokumen rasmi. Untuk apa? Bayaran urusan pejabat, pembelian peralatan pejabat dan bayaran elaun pejabat wakil rakyat RM25,000. RM25,000 bayaran urusan pejabat, pembelian peralatan pejabat dan bayaran elaun pejabat wakil rakyat. Kenapa kita tidak ada? Kos rumah terbuka, kawasan Parlimen Batu RM20,000......

**Puan Theresa Kok Suh Sim:** Whoaa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa? Forum anjuran Pejabat Ahli Parlimen bagi Batu RM15,000, kenapa? *Hand help* PPA, satu unit mesin faks pejabat perkhidmatan wakil rakyat Batu, RM3,530 kenapa?

**Beberapa Ahli:** Whoaa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Empat unit *walkie-talkie* pusat perkhidmatan wakil rakyat Batu RM13,600. Kenapa ini? Bukan sahaja Ahli Parlimen bagi Batu, kawasan lain pun. Tetapi, saya ambil contohlah. Bukan sahaja terhad kepada Ahli Parlimen bagi Batu, semua ada bukan? Semua ada. Kenapa? Dua unit kamera pusat perkhidmatan wakil rakyat Batu, Sentul Raya RM10,500, kenapa? Satu unit vakum cleaner pusat perkhidmatan wakil rakyat Batu Sentul Raya RM650 *notebook* dan satu unit *communicator* pejabat pusat perkhidmatan wakil rakyat Batu.......

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat......

**Tuan Lim Kit Siang:** ...........RM13,650.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini untuk seseorang ataupun untuk semua wakil rakyat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk kawasan Batu.

**Seorang Ahli:** *No*lah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu satu contoh untuk setiap kawasan Ahli Parlimen Barisan Nasional. Itulah saya menggunakan Batu, mungkin Kulai pun adalah. Nanti saya tanya mengenai senarai dan pertubuhan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat memastikan semua dapat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya percaya kalau tidak dapat berdiri, kata tidak dapatlah. Laman web untuk pusat perkhidmatan wakil rakyat Batu RM20,000. Kos majlis makan malam bersama rakyat untuk pusat perkhidmatan wakil rakyat Batu RM10,000.

**Beberapa Ahli:** Whoaa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Satu set *note-book* untuk pusat perkhidmatan wakil rakyat Batu RM7,300.

**Seorang Ahli:** Whoaa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini semua apa *accounting,* apa *auditing*? Kenapa untuk kawasan-kawasan Barisan Nasional, bukan untuk semua Ahli-ahli Parlimen. Kalau mahu untuk Ahli Parlimen, supaya Ahli Parlimen boleh lebih baik untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk, boleh, kita boleh terima. Tetapi untuk semua......

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rantau Panjang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Daripada apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tadi, ternyata sebahagian besar Ahli Parlimen Barisan Nasional telah dapat memperkukuhkan RM500,000 untuk satu tahun. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau betul-betul pihak Kerajaan Barisan Nasional mahu mengagihkan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja peruntukan kewangan itu? Waktu membentangkan bajet tahun hadapan ini, disebut untuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja. Yang Berhormat setujukah tidak macam itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah, itu masalah. Sebab itu kalau kita mahu satu sistem yang adil di mana kita memberi keutamaan, perkhidmatan kepada rakyat, kita perlulah adil. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri dan Jabatan Perdana Menteri boleh membawa satu sistem yang lebih adil. Boleh dikatakan inilah perkara yang kita mahu buat oleh kerana kita menang 92%, *so what*? So *what? We can do that*.

Kalau begitu, itulah sikap, kita *corrupt, so what*? Kita *corrupt, so what*? Tidak boleh menerima alasan itu dan saya harap bahawa apabila kita berbincang dengan serius bagaimana sistem Parlimen boleh menjadikan satu sistem yang efektif dan bermakna untuk memainkan peranan sebagai satu daripada tiga cabang kuasa pemerintah di negara ini, khasnya untuk meneruskan undang-undang, untuk *deliberate* dan untuk *hold the government to account*. Saya bukan kata kita tidak perlu. Kita perlu lebih banyak kemudahan-kemudahan untuk Parlimen ini, kalau Parlimen ini mahu menjadi *first-world* Parlimen. Tetapi, janganlah kita *lead the world* dalam ketidakadilan, dalam layanan semua Ahli-ahli Parlimen.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan mengenai hotel ya? Bukan mengenai hotel *rate*, ya? Okey.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat, di sinilah nampaknya *triple standard* Ketua Pembangkang. Tadi dia kata awal-awal bukan *rate hotel,* bukan kemudahan. Dalam masa yang sama berbicara soal kemudahan dan soal keadilan. Mana ada keadilan dalam dunia ini? Cuba Yang Berhormat terangkan kepada saya. Dunia mana satu mengamalkan keadilan? Adakah Amerika mengamalkan keadilan? DAP ada keadilan ? Tidak ada. Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mana. Betul saya setuju, keadilan mana ada keadilan yang mutlak *absolutely*, tidak. Tetapi tugas kita, tanggungjawab kita ialah berikhtiar untuk mencapai keadilan yang lebih, kita *adjust this* kalau ada. Kita tahu ada tidak keadilan supaya dapat keadilan yang lebih, itu tujuan. Tetapi di sini masalahnya ialah kita tahu ada perkara yang tidak adil tetapi kita tidak mahu buat apa-apa, kita rela bersubahat, kita rela *aid and abet* apa yang kita tidak adil.

Sebelum Yang Berhormat minta penjelasan, adakah beliau setuju bahawa perkara yang saya bangkit itu tidak adil dan untuk seorang yang kata dia percaya keadilan dia rasa ini patut dibetulkan. Adakah Yang Berhormat kata begitu? Tentu, *there's no absolute justice - fair play*, tetapi kalau tidak ada keadilan kita perlu membetulkan. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya tidak akan bersetuju dengan cadangan yang tidak *relevant*. Yang Berhormat, isu-isu yang Yang Berhormat bangkit telah kita bangkit lama. Yang Berhormat membayangkan lagu-lagu lama lagi, tiupan lagu yang lama. Tidak adakah lagu baru yang dimainkan oleh Ketua Pembangkang, tidak ada isu barukah yang mahu dibuat dalam Dewan ini? Isu yang lapuk, yang remeh sahaja, inilah apabila di*criticize,* dia kata tidak adil apabila diberi liputan oleh media, oh! Dia kata mempertahankan keadilan. *Freedom of speech,* apa *freedom of speech* baru kena *criticize* baru digelar '*untouchable'* sudah marah. Apa maknanya?

**Tuan Lim Kit Siang:** *Standard* untuk hotel sahajalah, hotel *rate*lah ha? *Standard* ucap mengenai hotel *rate*lah, itulah *standard*lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payahlah. Apa kita semua tahulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, teruskanlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mungkin Yang Berhormat untuk 'hotel rate' baiklah. Yang Berhormat untuk hotel *rate* dan bukan untuk apa-apa yang saya tidak .....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak boleh jawab sudahlah! *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai kemudahan-kemudahan hotel bukan hotel *rate* tidak penting, tetapi masalah semacam hotel *rate* bukan dalam Dewan yang mulia ini, ia patut ada satu jawatankuasa untuk bincang. Dalam Dewan yang mulia ini kita membincang isu-isu yang besar bukan semacam hotel *rate*, LRT, uniform MAS, Yang Berhormat ialah antara orang-orang yang perlu berdiri untuk minta maaf oleh kerana menghinakan Parlimen yang mulia ini.

Itulah patut dalam *rogues gallery,* kenapa tidak ada wujud dalam *rogues gallery* pun saya tidak fahamlah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua………

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Jawab dululah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hotel *rate* tidak payah ditimbulkan di sini. Yang Berhormat untuk hotel *rate*lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Timor cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kalau Yang Berhormat daripada hotel *rate* mahu berdiri tanya mengenai hotel *rate* boleh, perkara yang lain tidak boleh. OK? Dan…

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak boleh jawabkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua apa yang kita perlu apabila bincang perkara ini ialah sama ada kita mahu *relevant*, kita mahu menjadi Ahli Parlimen *relevant* sama ada peruntukan-peruntukan yang ada dalam Perlembagaan, peruntukan-peruntukan dalam akta-akta, kita rela untuk pegang kuat. Saya ada kata bahawa mengikut Perlembagaan semua *remuneration* sama ada menteri, timbalan menteri semua perlu diputuskan oleh Parlimen. Tetapi Ahli-ahli Parlimen tidak tahu, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak tahu, tidak mahu tahu pun, tidak berani tahu, tidak tahu, tidak berani tahu, takut tahu. Adakah Yang Berhormat Menteri tahu apa elaun untuk menteri-menteri? Elaun keraian untuk Perdana Menteri, inilah angka-angka yang sekarang saya ada baru dapat. Elaun keraian sebulan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, RM18,865,000.

**Beberapa Ahli:** Wah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan bukan itu sahaja elaun Anggota Jemaah Menteri untuk Perdana Menteri RM8,500, jadi RM27,000,00.

**Beberapa Ahli:** Wah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Selain daripada gaji untuk Perdana Menteri. Untuk itu hotel *rate* tidak cukuplah saya tahu. Untuk Timbalan Perdana Menteri elaun keraian - *entertainment allowance* RM15,215,000.

**Beberapa Ahli:** Wah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Elaun Anggota Jemaah Menteri RM6,700. Selain daripada………

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Hotel *rate,* hotel *rate.*

**Tuan Lim Kit Siang:** Elaun kediaman rasmi, bayaran pembantu rumah dan lain-lain. Untuk menteri…

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Orang cakap hotel *rate*.

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk menteri elaun keraian *entertainment allowance* - ‘RM2,320’. Elaun Anggota Jemaah Menteri RM4,000. Untuk Timbalan Menteri elaun

keraian, *entertainment allowance* RM6,000. Elaun kediaman rasmi RM3,000, bayaran pembantu rumah RM1,500 pun ada elaun-elaun yang lain. Untuk Yang Berhormat Setiausaha Parlimen elaun *entertainment* RM4,200 sebulan, elaun kediaman rasmi RM1,000, pembantu rumah RM1,000. Setiausaha Politik *entertainment allowance* RM3,300, kediaman rasmi RM750 dan pembantu rumah RM500.

Isu pokok ialah, semua peruntukan ini patutlah diputuskan oleh Dewan yang mulia ini. Kenapa Ahli-ahli Parlimen tidak tahu, tidak mahu tahu, tidak berani tahu. Dan ini ialah untuk bermula 1 Januari 2001 sekarang sama ada di*revise,* saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab, adakah sekarang angka-angka ini di*revise* atau hapus dan mengenai angka-angka elaun yang lain.

Kalau kita mahu satu proses *open and transparent Parliamentary democracy,* apa yang sudah termaktub dalam Perlembagaan, apa dalam Akta kita perlu ada dan di sini kita tengok iaitu apa yang ada dalam Akta dan saya mahu sebut, Fasal 65 dalam Perlembagaan, 65....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hotel *rate*, balik hotel. Balik hotel cakap. Hotel *rate* balik hotel - cakap, hotel *rate* balik ke hotel cakap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sudahlah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Artikel:

"65(1) *There shall be a Clerk to the Senate and a Clerk to the House of Representatives.*

*65(2) ) The Clerk to the Senate and the Clerk to the House of Representatives shall be appointed by the* Yang di-Pertuan Agong *from among members of the general public service of the Federation......"*

Ini pelantikan oleh Yang di-Pertuan Agong, jadi saya dapati bahawa *Clerk* kepada Senat dan *Clerk* kepada *House of* Dewan Rakyat sekarang mereka nampaknya *on provision* dan bukan satu *conformation,* kenapa?

Adakah apabila Yang di-Pertuan Agong melantikkan seorang sebagai *Clerk* kepada *Senate* atau *Clerk* kepada *House of Representatives* ialah atas *provision*, tidak boleh. Kenapa JPA, kenapa jabatan yang berkenaan boleh buat satu peraturan yang

melanggari semua prinsip Perlembagaan dan saya harap perkara yang semacam ini boleh dibetulkan, tidak boleh seorang *Clerk* yang *on provision* itu *laughing stock Commonwealth Parliament* dan perkara semacam ini patutlah kita ambil perhatian dan bukan hotel *rate*, hotel *rate* balik Kinabatangan. Sekian terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ah penakut!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Lagi dua, Rantau Panjang saya minta Yang Berhormat berucap, saya berikan 15 minit sahaja ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, tidak apa terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lepas itu Seputeh, dan Menteri pula jawab.

11.59 pg.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kerana diberi peluang ini, saya akan ambil masa yang pendek mungkin 5 minit seperti mana yang diperuntukkan. Pagi tadi kita telah mendengar satu rintihan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan yang menyebut beberapa perkara tentang ucapan-ucapan Ahli-ahli Parlimen di akhir-akhir ini yang dinilai sendiri oleh pihak Tuan Yang di-Pertua.

Hasil daripada yang disebutkan tadi, nilaian yang dibuat oleh pihak Tuan Yang di-Pertua itu barangkali pihak Ahli-ahli Parlimen khususnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ada rasa senang hati, ada rasa tidak senang hati kerana disebut tadi berbagai-bagai cara, bentuk dan isi kandungan serta cara penyampaian oleh Ahli-ahli Parlimen dinilai oleh pihak Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana saya barangkali termasuk golongan orang yang tidak mahir berucap ataupun isi kandungan yang tidak begitu banyak, kerana kurang membuat *research* barangkali, saya mengakulah itu. Tetapi apa yang saya sebut di sini satu perkara yang patut dinilai oleh rakyat, bukan dinilai oleh orang perseorangan, iaitu tentang peranan ahli-ahli Parlimen dan kita telah mendengar ucapan-ucapan yang bentuk tidak puas hati di kalangan ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional khususnya terutama sekali mereka yang merasai gaji yang diberi kepada kita selama ini dan ditambah RM500 dalam perbahasan kita ini masih tidak mencukupi. Saya bagi pihak ahli Parlimen Pembangkang khususnya,

memang kalau dikira kalau diukur dengan cara hidup ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, barangkali lebih teruk lagi dari segi lebih tidak cukup kewangan. Tetapi oleh kerana cara hidup saya sebagai Ahli pembangkang khususnya PAS ini, gaji dan elaun yang telah diberi itu telah lebih daripada mencukupi.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** *Point Of Order*. 36 (6) sangkaan jahat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Mana sebut, Ahli Parlimen, tidak sebut nama pun. Macam mana ini?

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Cara hidup, cara hidup Ahli Parlimen Barisan Nasional. Apa cara hidup dia?

**Timbalan Yang Di-pertua, [ Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ini tidak pandai.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Jangan buat sangkaan jahat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ahli Parlimen - 36(6), baca elok-elok dahulu. Ini tidak pandai.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Jangan buat sangkaan jahat!

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ini tidak pandai, baca dahulu!

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Cara hidup, apa maksud Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Baca dahulu 36(6) ini. Tidak pandai ini. Ada sahaja, tetapi tidak baca.

**Timbalan Yang Di-pertua, [ Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baik.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Baca tidak pandai. 36(6) ini kalau disebut 'Ahli Parlimen bagi Kinabatangan' umpamanya baru tidak boleh.

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya sebut umum. Tidak pandai ini. Sudahlah cakap tidak pandai, baca Peraturan Dewan pun tidak pandai juga.

*[Dewan gamat seketika]*

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah marah Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan, dengarlah, cukuplah. Teruskan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya tidak marah, saya kata tidak pandai sahaja. Tidak marah, tidak pandai. Sedihlah tidak pandai ini. Kita sudah lama jadi Ahli Parlimen, tetapi baca ini pun tidak pandai lagi, Peraturan Dewan. Sedihlah.

Jadi kita lihat, ada di antara Ahli-ahli Parlimen ini rasa sudah selesa dengan gaji yang telah ada sekarang ini. Ada juga yang demikian dan ada juga yang tidak selesa. Tetapi yang tidak selesa, yang tidak berani cakap pun ada. Dia tidak selesa juga, tidak cukup dia rasa dengan penambahan RM500 tetapi tidak berani nak bercakap, terdiri daripada Ahli Parlimen yang suka bodek. Bodek kerajaan, walaupun tidak cukup pun, dia berdiam diri. Ada juga yang begitu. Ada juga Ahli Parlimen yang telus.

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata tidak pandai cakap, nampaknya Yang Berhormat pandai cakap.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tidak pandai. *[Ketawa]*

[Timbalan Yang Di-pertua, (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Boleh sedikit-sedikitlah, tidak pandai. *[Ketawa]* Macam saya, saya terpaksa sebut. Ada yang saya sebut ini, bukan untuk kepentingan diri saya. Saya sebutkan tadi saya sudah cukup apa yang diberi selama ini. Tetapi saya hendak banding dengan kerajaan Thai. Kadang-kadang saya rasa malu. Thailand negara jiran, saya semalam waktu Yang Berhormat bagi Sri Gading sebut semalam. Dia banding dengan negeri-negeri yang lebih maju daripada kita. Itu soal dia supaya orang melihat tangga gaji negara-negara tersebut lebih daripada, gaji Ahli-ahli Parlimen kita. Dia cari negara-negara yang lebih maju. Tetapi saya hendak banding dengan negara Thai, negara jiran saya, sempadan dengan saya. Sebelum saya datang ke sini, saya jumpa dengan Ahli Parlimen Golok yang baru, daripada Parti Demokrak. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Oleh kerana Ahli Parlimen Golok ini, sekarang ini dimenangi oleh Parti Demokrak.

**Timbalan Yang Di-pertua, [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, yang bukan ahli Parlimen ada jumpa jugakah?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ada sedikit-sedikitlah, biasalah. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ahli Parlimen daripada Parti Thai Rak Thai sudah pun kalah, beliau ialah saudara Abdul Manaf. Sekarang menang Parti

Demokrak, di Golok itu iaitu Ong Pak Chuk Tak orang panggil. Saya tanya dia, berapa pendapatan bulanan gaji Yang Berhormat? Sana dia panggil Putin. Kita ini ‘Yang Berhormat’, dia panggil ‘Putin’. Saya tanya berapa pendapatan bulan Putin.

**Timbalan Yang Di-pertua, [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Putin itu apa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, Putin ini ’ahli Parlimen’, ‘wakil rakyat’. Dia dapat RM16,000 satu bulan. Gaji pokok RM16,000, tidak masuk elaun.

**Timbalan Yang Di-pertua, [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa RM16,000....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** RM16,000. Manakala kalau kali dengan Baht itu maknanya ratus-ratus ribulah. Dan pembantu, yang diberi gaji oleh kerajaan, tiga orang pembantu, diberi gaji oleh kerajaan setiap orang pembantu ialah RM500. Ada tiga orang. Waktu Parlimen bersidang, dibawa dua orang ke Bangkok. Satu tinggal di kampung untuk menjaga kepeningan rakyat di kampung. Itulah berlaku di negara Thailand. Tetapi di Malaysia, kita tiada seorang pun pembantu yang digaji oleh pihak kerajaan. Cuma sebentar tadi Yang Berhormat Ipoh Timor mendedahkan bagaimana salah seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional di Malaysia kita ini menggunakan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan dengan membayar gaji kepada kakitangan pejabat khidmat wakil rakyatnya. Itu cerita lain. Ini bermakna ada wakil rakyat, ahli Parlimen di Malaysia ini menggunakan peruntukan yang diberi oleh kerajaan untuk kepentingan kawasan dia, untuk kepentingan dia. Tetapi secara umumnya, cara khususnya masih tidak ada lagi.

Saya mengharapkan supaya kerajaan memberi peruntukan sedikit, bukan untuk kepentingan wakil rakyat, untuk kepentingan peribadi. Gaji wakil rakyat telah ada sudah cukup kalau untuk kepentingan kita sendiri. Tetapi berilah peluang kita kepada rakyat, kepada orang lain, kepada pembantu-pembantu kita, supaya perjalanan di dalam kawasan masing-masing, kawasan kita itu, boleh berjalan dengan baik apabila ada pembantu khususnya. Itu yang saya hendak sampaikan.

Kemudian saya hendak sebut di sini ialah bagaimana keadaan kita Ahli Parlimen sekarang ini. Saya melihat ramai di kalangan Ahli Parlimen Barisan Nasional yang mempunyai hubungan yang baik dengan orang-orang tertentu, orang yang kaya, korporat dalam UMNO, khususnya. Mereka mendapat kemudahan-kemudahan

khususnya menjadi pengarah di beberapa syarikat yang diberi gaji dan elaun kemudahan kereta dan sebagainya.

Saya ada beberapa nama di sini, tetapi saya tidak mahu menyebut nama orang itu. Itu peribadi. Tetapi orang-orang seperti ini mereka itu lebih daripada cukup, menjadi pengarah syarikat ini, pengarah syarikat itu. Ada menjadi pengarah syarikat anak syarikat perbadanan, syarikat negeri-negeri yang diberi elaun, diberi kemudahan-kemudahan lain. Mereka ini senang berada di Parlimen ini, tidak bunyi bising apa pun kerana ada elaun yang lain yang beri kemudahan membantu kehidupan mereka itu dan membantu di kawasan mereka. Tetapi bagi ahli-ahli Parlimen yang tidak pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah mana-mana syarikat, khususnya anak-anak syarikat yang besar-besar maka mereka tidak ada apa-apa pun.

**Timbalan Yang Di-pertua, [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Negeri Kelantan tidak melantik Yang Berhormatkah?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ada juga sedikit-sedikit. Ada di antara Ahli Parlimen ada. Tetapi sekali mesyuarat hanya RM20 sahaja, itu sahaja. Tidak banyak RM20. Paling-paling tinggi RM200 sekali mesyuarat, elaun mesyuarat. Itu Kerajaan Kelantan punya, Kerajaan PAS punya, lain UMNO punya cerita. UMNO sekali mesyuarat RM500, itu cerita lain UMNO.

Sebab itu saya mencadangkan bukan kepada Pembangkang, saya mencadangkan kepada Ahli-ahli Parlimen yang menyuarakan tidak senang hati, yang merasa tidak cukup duit ini, supaya Kerajaan Barisan Nasional menggunakan kuasa yang ada, khususnya Menteri Kewangan, lantiklah mereka ini sebagai ahli lembaga pengarah mana-mana syarikat yang besar. Ia ada di Bursa Saham khususnya. Bagi Yang Berhormat Kinabatangan ke, bagi Yang Berhormat Sri Gading ke, bagi syarikat besar-besar, dapat RM20,000 sebulan, kereta sebiji, senanglah sedikit. Barulah tidak meraung-raung di Parlimen ini. Saya yakin dapat RM20,000 sebulan, satu kereta drebar lagi senyaplah di Parlimen ini. Menteri pun kena pandailah perkara macam ini. Ini Menteri lantik kroni-kroni dia. Mana-mana syarikat hendak daftar di Bursa Saham lantik seorang ahli lembaga pengarah.

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Takut dia minta banyak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-pertua...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** 36 (6) sangkaan jahat ini. Mana boleh dapat RM20,000 tidak meraung-raung, RM200,000 pun tidak cukup. Banyak masalah rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia bagi contoh sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ini lagi satu juga, 36(6) dia reti sebutnya. Tidak tahu isi dalam ini. Standard apalah ini? Saya pun tidak tahu. Apa yang saya cakap ini, perkara yang betul. Kalau Menteri Kewangan mahu menutup mulut Ahli-ahli Parlimen, dia kena kasi kita wang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi takut dia minta banyak lagi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Itu terpulanglah, maknanya. Kalau dilantik seperti itu, duit kerajaan tidak habis. Cuma duit syarikat dia. Berapa ratus syarikat yang ada....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya ada peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sila duduk. Saya pada mulanya tidak mahu gunakan ini tetapi Yang Berhormat sudah melampau sangat. 36(6) tidak boleh guna, menteri mana-mana bagi jawatan untuk menutup mulut Ahli Parlimen. Tidak bagus Yang Berhormat. Yang Berhormat mewakili rakyat. Yang Berhormat jangan mengata orang. Cermin muka Yang Berhormat dahulu sebelum mengata orang. Saya minta tarik baliklah. Jangan buat andaian sedemikian, cukuplah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya tidak akan tarik balik kata....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta Yang Berhormat bagi satu *ruling* tentang tanggapan ‘Menteri hendak menutup mulut Ahli-ahli Parlimen dengan melantik sesuatu jawatan,’ tidak bagus. Kakitangan pegawai kerajaan ada di sini, masyarakat luar ada di sini. Saya minta Yang Berhormat, tolonglah. Yang Berhormat boleh bercakap hal parti Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat merasakan duduk dalam parti Yang Berhormat tidak bagus, masuk UMNO, itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya tidak mahu tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Larut, cukuplah, ya, ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ucapan ini hak saya, saya berhak memberi pandangan. Yang Berhormat boleh bangun bercakap......

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Betul, tetapi jangan menyatakan seolah-olah Ahli Parlimen di sini teruk sangat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tidak teruk macam mana? Semua kita dengar, semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah, cukuplah. Larut sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Malu kepada pegawai-pegawai kerajaan kalau kita dengar bercakap semalam. Macam kita duduk di sini lemah, tidak boleh hendak hidup, seolah-olah, semua orang dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan? Saya faham, saya faham. Hendak beri jalan kepada Sri Gading, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya! Sri Gading, bagi, bagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, saya mengemukakan perkara-perkara yang sama-sama kita dengar semalam ialah sebenarnya bukan soal kita tidak cukup, bukan kita tidak bersyukur, kita terima, berapa yang ditetapkan oleh kerajaan kita terima. Cuma apabila isu kenaikan elaun ini dibangkitkan lebih awal, sebelum semalam, semalam pembentangan sahaja, sebelum itu, akhbar telah pun menyiarkan dan tulis macam-macam di akhbar yang menyelar kita semua, termasuk Rantau Panjanglah, seolah-olah kita ini lahap sangat. Kita ini seolah-olah mengharap sangat. Jadi, pandangan sinis rakyat kepada kita, itu yang saya paparkan semalam, macam mana penanggungan kita? Jadi, kita sebenarnya, apa sahaja kita terima, kita syukuri. Bagi sedikit cara sedikit, bagi banyak cara banyak.

Untuk makluman Yang Berhormat, ramai kawan di sini mengorbankan diri mereka untuk rakyat, ramailah. Ada rakan saya, sebelum jadi wakil rakyat, pendapatan dia setahun RM300 ribu tetapi apabila dia jadi wakil rakyat, dia lepaskan perniagaannya ini, berapa yang dia dapat? Tetapi mereka pun tidak kisah. Masa belum naik ini, kita pun tidak minta cuma kerajaan yang hendak bagi. Kami semua, termasuklah Yang Berhormat juga memang kita tidak minta pun. Cuma apabila kerajaan hendak bagi, sebelum kita bincangkan semalam, masyarakat lebih dahulu sudah tahu, masyarakat kutuk kita seolah-olah kita menuntut sangat ini. Tidak! Tetapi apabila sudah dibagi, kita terimalah, itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya nampak yang masyarakat heboh sangat ini bukan masalah kenaikan RM500, masalahnya *wrong timing*, masa tidak kena. Waktu pegawai kerajaan dinaikkan gaji, kita Ahli Parlimen tidak dinaikkan. Kalau waktu pegawai kerajaan dinaikkan gaji, kita ini Ahli Parlimen naik sama, benda ini tidak bising sangat tetapi oleh kerana dalam keadaan sekarang ini, kita yang menonjol, nampak macam kita. Jadi, orang akan tengok, *"Eh, pegawai kerajaan tidak naik, tiba-tiba Ahli Parlimen yang naik."* Itulah yang nampak sangat.

Serupa juga dengan Dewan Undangan Negeri. Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini naik dua kali ganda, orang heboh. Sedangkan waktu Ahli Dewan Undangan Negeri lain naik, Dewan Undangan Negeri Kelantan tidak naik pun. Jadi, ia telah tertinggal dua kali. Maka dinaikkan sekali, naik sekalipun dua kali ganda oleh kerana ia tertinggal dahulu. Akhbar kata, *"Wah! Rakyat Kelantan, tengok. Apalah rakyat Kelantan, naik gaji Ahli Dewan Undangan Negeri dia terlalu tinggi sangat."* Sedangkan ia telah tertinggal dua kali.

Demikian juga kita, kita ini kalau naik sama-sama dengan pegawai kerajaan dahulu, tidaklah heboh sangat tetapi oleh kerana sekarang ini dalam keadaan tenang, dalam keadaan negara pun nampak tenat sedikit dari segi ekonomi, maka kita yang naik, nampak kita yang senang hati. Ahli-Ahli Parlimen kita, memanglah, saya tahu, terima itu terimalah RM500 kenaikan ini tetapi kenapa Timbalan Perdana Menteri

panggil semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, satu pagi dahulu? Perdana Menteri sendiri pun turun ke mari memberi taklimat. Sudah tentulah mari hendak meredakan keadaan ketidakpuasan hati Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional terhadap kenaikan RM500 ini. Semua orang tahu, orang kampung yang tidak tahu pun termasuk Sri Gading pun dengar juga taklimat seperti itu.

Saya tidak dipanggil. Kalau saya dipanggil, saya kata, okey, tidak apa, berapa pun boleh. Tetapi hari ini, tidak apalah berapa pun, *[Ketawa]* kita syukurlah tetapi baru ini, sudah berasap begini. Macam mana? Takut sangat kepada Menteri. Bila Menteri kata tutup mulut, cukup RM500. Hah! Tidak apalah, RM500 pun tidak apalah. Belum lagi Menteri cakap, masing-masing bercakap di kantin, di lobi pun cakap, *"Apalah RM500, malulah, jatuh standardlah, rakyat heboh, akhbar pun heboh, tetapi naik RM500 sahaja."*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, saya masih lagi hendak rujuk pada, duduk, duduk.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Hah! Boleh, boleh.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 36(6), dia ulang balik. Tutup mulut apa ini, Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya! Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Janganlah buat satu tanggapan yang terlalu rendah dan saya masih rujuk kepada 36, saya minta Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ini supaya janganlah biadab sangat dalam Dewan Rakyat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah, cukuplah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *'Tutup mulut'*, apa ini?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya tidak tahulah apa saya hendak guna bahasa, kalau itu pun menjadi masalah kepada 36(6)

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat, kena gulunglah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya baca juga 36(6) ini, tetapi saya tidak menganggapkan perkara yang saya sebutkan ini menyebabkan saya terpaksa kena tarik balik, tidak payah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yalah, sangkaan jahat 36(6), Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi......

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sangkaan jahat apa, memang betul pun.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Biar saya rujuk dahulu, minta Rantau Panjang, duduk dahulu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sangkaan lain, yang betul lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat 36(6) ini, tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Ini bahasa Melayu, Yang Berhormat, bukan bahasa Siam, ya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya! Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tolong rujuk 36(6), jangan mengeluarkan perkataan yang persangkaan jahat kepada mana-mana Ahli yang lain, faham? Bahasa Melayu, bukan bahasa Siam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Larut cukuplah. Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya pun baca juga 36(6) ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Rantau Panjang, Rantau Panjang cukuplah, teruskan ucapan. Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Jadi kesimpulannya, kenaikan gaji RM500 ini nampaknya tidak menyenangkan hati sebahagian besar Ahli Parlimen

Barisan Nasional tetapi kita Ahli-ahli Pembangkang ini, walaupun RM500 tidak apalah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh, selepas itu kementerian menjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak boleh, cukup. Seputeh teruskan.

**12.16 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya diminta oleh seorang wakil rakyat yang berkahwin selepas dia berhenti menjadi wakil rakyat untuk menyampaikan suara hatinya tentang pindaan terhadap Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 2005 ini.

Mengikut Seksyen 8(4) dalam Jadual Pertama, Akta Ahli Parlimen Saraan 1980,

> *"jika seseorang balu atau duda berkahwin dengan seorang Ahli Parlimen selepas dia berhenti menjadi Ahli Parlimen, jika perkahwinan itu dilangsungkan dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh akhir sekali menjadi Ahli Parlimen, balu atau duda itu, berhak mendapat pencen terbitan bagi baki tempoh dua belas tahun setengah dan tidak berhak mendapat pencen terbitan selepas itu."*

Ini bermaksud, sekiranya seorang Ahli Parlimen berhenti menjadi wakil rakyat pada umur 50 dan berkahwin pada umur 51, sekiranya beliau meninggal dunia pada umur 63, isteri dan anak-anaknya tidak berhak untuk mendapat apa-apa pencen kerana tempoh dua belas tahun setengah itu telah pun dilepasi.

Fasal ini adalah sama dengan Akta Pencen bagi pegawai kerajaan. Walau bagaimanapun wakil rakyat tidak harus disamakan dengan pegawai kerajaan kerana perkhidmatan mereka lama. Biasanya mereka berkhidmat selama 25 hingga 36 tahun dengan kerajaan. Seseorang yang menyertai perkhidmatan kerajaan selepas SPM atau STPM dan berusia sehingga umur 56 tahun telah pun menamatkan perkhidmatan selama 36 tahun, mereka biasanya telah pun berkahwin dalam tempoh perkhidmatan mereka, mereka juga biasanya berkhidmat sehingga mereka mencapai umur persaraan. Walhal bagi Ahli Parlimen, tempoh perkhidmatan mereka biasanya terhad dan tidak

tetap dan ia diperbaharui daripada pilihan raya ke pilihan raya. Memandangkan perkhidmatan wakil rakyat ini adalah tidak tetap, jadi bayaran pencen wakil rakyat tidak harus disamakan dengan pegawai kerajaan dan fasal tentang had dua belas tahun setengah tersebut haruslah diluputkan dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) dan Akta Saraan ADUN.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, gaji Ahli Parlimen adalah berada pada gred 54 mengikut tangga gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM) iaitu lebih kurang sama dengan gaji pengarah jabatan dalam sesuatu kementerian tetapi lebih rendah daripada tangga gaji ketua setiausaha dalam sesuatu kementerian. Begitu juga dengan elaun dan pendapatan yang lain. Bagi saya dan kebanyakan rakan saya, kami tidak bersungut tentang pendapatan ataupun gaji tetap kami tetapi apa yang kami paling tidak puas hati ialah kerajaan tidak memberikan peruntukan kepada sokongan perkhidmatan kami. Bagi pegawai kerajaan ataupun pengarah agensi kerajaan pada Gred 54, kerja dan tugas mereka disokong oleh setiausaha dan ramai kakitangan kerajaan. Pegawai kerajaan Gred 54 ini tidak perlu mengeluarkan wang sendiri untuk mengupah pembantu dan setiausaha untuk perkhidmatan mereka kepada rakyat tetapi wakil rakyat perlu berbuat demikian dan tiada elaun diperuntukkan kepada wakil rakyat untuk berkhidmat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini telah banyak kali menyuarakan keperluan kita untuk mendapat sokongan staf dan pejabat daripada pihak Parlimen tetapi kerajaan dalam tahun-tahun yang lepas, seruan kita ini tidak diendahkan oleh kerajaan dan kami diberi elaun khas sebanyak RM500 pada tahun lepas dan berikutan dengan kenaikan gaji 10% sekarang.

Dengan publisiti yang meluas daripada media, kenaikan gaji 10% kita ini telah pun mendatangkan salah faham daripada sesetengah rakyat. Jadi demi mengelakkan salah faham seperti ini, saya mencadangkan supaya gaji kami ditetapkan tetapi Parlimen membayar gaji pembantu dan penyelidik serta perbelanjaan pejabat perkhidmatan kami terus kepada perbelanjaan ini sebagai langkah untuk memastikan setiap Ahli Parlimen mesti mempunyai penyelidik dan pembantu dan peruntukan tersebut disalurkan kepada pembantu dan perbelanjaan pejabat kita dan bukannya ke saku baju kita sendiri untuk mengelakkan apa-apa salah faham.

Saya juga mencadangkan supaya pembantu dan penyelidik kami diberi pengiktirafan rasmi oleh pihak Parlimen supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan senangnya. Sehubungan dengan itu, saya juga menyeru kerajaan supaya memberi layanan yang sama kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat di mana apa-apa peruntukan yang diberi kepada Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional juga harus diberi kepada Ahli Yang Berhormat Parti Pembangkang tanpa mengira perbezaan parti kerana kita semua adalah wakil yang dipilih oleh rakyat dan pilihan rakyat itu haruslah dihormati.

Dengan itu saya menyeru supaya Peruntukan Pembangunan RM500 ribu setahun yang diberi kepada Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional juga boleh diberi kepada Ahli Yang Berhormat Parti Pembangkang kerana rakyat di kawasan wakil rakyat parti pembangkang tidak harus luput daripada peruntukan tersebut kerana wang ini adalah wang rakyat.

Begitu juga dengan peruntukan RM25 ribu seperti yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang kepada pejabat perkhidmatan kawasan kepada Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, elaun ini saya juga cadangkan diberi juga kepada Ahli Parlimen Parti Pembangkang juga sebab saya percaya dengan memberi layanan yang sama kepada semua wakil rakyat tanpa mengira perbezaan parti ini adalah sejajar dengan prinsip Islam Hadhari *[Disampuk]* yang mana diperkatakan oleh Kerajaan Barisan Nasional Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sila mulakan jawapan.

**12.22 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian sama ada dengan berbahas ataupun telah mencelah di celah-celah ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya kira di sini saya terlebih dahulu ingin membangkitkan masalah yang sangat ketara yang telah dibahaskan dan saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa isu berkenaan dengan media, saya rasa ia tidak terkeluar daripada rang undang-undang ini

kerana kita berbincang tentang saraan kita dan saraan itu juga telah pun dibangkitkan oleh media, maka oleh kerana itu saya rasa bahawa memang patutlah kita bahaskan perkara ini.

Daripada hujah-hujah yang saya dengar satu hari semalam dan setengah hari pada hari ini, saya lihat iaitu bahawa di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat ada satu pertemuan minda iaitu bahawa mereka semua bersetuju tentang betapa pentingnya media itu mesti bebas. Media itu bebas datangnya daripada prinsip hak asasi manusia dan juga termaktub dalam Perlembagaan kita yang menyatakan tentang kebebasan untuk, dengan izin, *freedom expression* di mana setiap daripada kita ini diberikan jaminan tentang kebebasan kita untuk memberi pendapat dan juga pandangan.

Kita juga bersetuju di sini iaitu bahawa dalam soal untuk kita hendak menjadikan Parlimen kita ini sebagai kita hendak bekerja ke arah mendapat taraf dunia, maka sudah tentulah fundamental dalam usaha ini ialah untuk memastikan supaya pihak media bertindak bebas tanpa ada kongkongan daripada mana-mana pihak termasuklah daripada Dewan Rakyat kerana asas demokrasi ialah kebebasan media. Itu cukup penting.

Kita tidak mahu seperti yang berlaku di Zimbabwe iaitu di mana kita dengar bukan sekali tetapi sudah dua, tiga kali mereka menampakkan seolah-olah mereka itu demokratik tetapi dunia mengecam kerana media mereka itu dikongkong, malah bukan sahaja dikongkong tetapi dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, *stifle*, sehinggakan tidak boleh dikeluarkan laporan langsung terhadap kerajaan di Zimbabwe yang akan menjadikan negara itu sebenarnya ketinggalan.

Sebab itu saya percaya iaitu bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat semua di sini dalam ucapan, saya dengar jelas menyatakan tentang pentingnya media itu mesti bebas dan kita bersetuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh berhenti sekejap? Boleh duduk sekejap.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengumumkan dan mengalu-alukan kehadiran rombongan delegasi Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (*Public Account Committee*)

Parlimen Bangladesh *[Tepuk]* yang diketuai oleh Ed ….. Haron Al-Rashid, Ahli Parlimen Bangladesh. *[Tepuk]* Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi setelah kita semua mempunyai pertemuan minda tentang betapa perlu kita mesti mempertahankan *freedom of expression* dalam negara kita yang bermakna bahawa media mesti bebas, maka kita lihat di sini apakah sebenarnya masalah kita pada hari ini. Kalau sekiranya dikatakan bahawa ada sedikit permasalahan di antara Dewan Rakyat dengan media.

**Dato’ Razali bin Ismail:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato’ Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira permasalahan di sini ialah bukan permasalahan dari segi kebebasan media, bukan itu persoalannya. Saya kira permasalahannya ialah dari segi *framing the issue*, dengan izin, iaitu bagaimanakah seorang ketua pengarang barangkali ada agenda untuk *frame*kan sesuatu isu itu sehingga menimbulkan satu keresahan kepada masyarakat dan kepada Ahli-ahli Parlimen sendiri. Bukan isu kebebasan media itu tetapi isu *framing* ataupun membingkaikan perkara itu yang menjadikan ia sesuatu yang sensitif sekarang. Mohon penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Itulah sebenarnya yang saya mahukan disebut oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat iaitu bukan soal *freedom of press* yang dipertikaikan, maka yang menjadi masalah itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, seolah-olah dia memahami apa yang saya hendak terima jawapan daripada Ahli-ahli Dewan, jadi masalahnya ialah laporan yang dianggap yang tidak adil yang dilakukan terhadap Ahli-ahli Parlimen lain. Kalau itulah masalahnya, maka saya rasa pepatah Melayu kata, “Kalau kita marah kepada nyamuk, jangan bakar kelambu”. Ini bermakna iaitu bahawa kita kena carilah “nyamuk-nyamuk” ini.

Kita kena cari “nyamuk-nyamuk” ini bermakna bahawa kalau masalahnya ialah kita tidak berpuas hati dengan laporan yang dibuat terhadap kita, jadi maknanya kita kena cari jalan bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi... Duduk dahulu, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi kepada saya...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Masih berdiri]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk dahulu. Jadi kepada saya perkara ini telah berlarutan. Media dihormati, Dewan juga dihormati. Pada saya kalau kita lihat pertelingkahan ini diteruskan, maka tidak ada kehabisan. Saya tidak menyalah Dewan Rakyat dan saya tidak menyalah media kerana saya rasa kedua-duanya ada kes yang kuat. Dewan Rakyat marah kepada media kerana media menulis perkara yang tidak adil dan kita tidak ada kesempatan untuk menjawab dalam media.

Saya kira itu juga masalah kalau media marah kepada Dewan Rakyat kerana dalam Dewan ini kita bebas cakap apa sahaja. Tapi media tidak mempunyai kesempatan untuk menjawab dalam Dewan, jadi dia menjawab dalam akhbar. Ahli Dewan Rakyat pula *frust* kerana tidak boleh menjawab dalam media dan dia menjawab dalam Dewan Rakyat. Jadi ini sama-sama masalah yang dihadapi oleh kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Ipoh Timor bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat, sila duduk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab itu kita kena cari jalan, nanti saya kena bagi Kepong dulu. Sebab itu kita kena melihat masalah ini daripada kedua-dua belah pihak. Sila Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya ....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejaplah tu, saya dengan soal pokok. Yang Berhormat ini bertanggungjawab kepada kita semua. Tugasnya selain bencana kerana

kita tidak ada tsunami, dia memang jaga kita dan semua hal ehwal Parlimen, tetapi Yang Berhormat, bukan sahaja masalah media. Di antara media dan Parlimen ini masalah boleh timbul di mana-mana juga termasuk United Kingdom, Australia dan Kanada.

Masalah kita, sebahagian itu betul, kita mesti menyelesaikan selain daripada menyokong Ahli-ahli Parlimen di sini, apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri sendiri untuk menyelesaikan masalah ini, itu yang pertama.

Yang kedua, bukan saja masalah *freedom of the speech* dan sebagainya bahkan juga Yang Berhormat, saya dengar selama dua hari, hari ini pun saya nak ucap jugalah tapi tidak sempat kerana masa dah suntuk. Walau bagaimanapun Yang Berhormat mesti jawab kepada kita semua, apakah yang dianggap oleh Yang Berhormat sebagai kerja Parlimen, *the job of Parliament? What is the primary job of Parliament?* Saya harap Yang Berhormat dapat menjawab.

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau dah 5 penggal tidak tahu lagi apa tanggungjawab Ahli Parlimen, saya tak tahulah.

*[Dewan gamat seketika]*

Betul-betul saya tidak tahu, saya lebih kemudian daripada dia. Patut dia kena beritahu saya apa dia? Saya minta maaf. Nanti, sekejap, Ipoh Timor sekejap ya.

Kemudian soal apa yang perlu saya lakukan sebagai Menteri yang menjaga Dewan Rakyat termasuk Ahli-ahli Parlimen Pembangkang. Saya nak ke situ selepas ini tapi cara mengolah ke situlah tapi sebelum itu Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Perkara isu *freedom of the press* yang kita mahu menghakiskan. Sebenarnya masalah bukankah sesiapa yang membuat apa saja serangan terhadap *freedom of the press,* masalahnya ialah di dalam negara kita tidak ada *freedom of the press.* Kita mahu *freedom of the press*, apa yang kita ada ialah *stunted* dengan izin, *stunted freedom of the press. Freedom of the press* yang begitu terhad, tapi kita juga mahu *freedom of the press* yang begitu terhad ini adil dan saksama. Masalahnya ialah tidak adil.

Yang kedua ialah tadi Yang Berhormat sebut mengenai “nyamuk, kelambu”, adakah beliau *signify* ataupun mengerti bahawa dalam perkara ini “nyamuk” ialah Zainul Ariffin, Chua Sok Leng, Kalimullah Hassan dan Sheridan Mahavera bahawa mereka

dalam situasi ini, keadaan ini ialah nyamuk-nyamuk yang perlu kita bincang. Kalau bukan mereka, siapa nyamuk itu?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kepong kata tidak ada tsunami, sebenarnya bila Yang Berhormat Ipoh Timor bercakap macam tsunami juga semalam itu. Sebab itu disebutkan sebagai *vitriol* jadi serupa jugalah.

Okey, apa salahnya dalam soal kita bangkit kalau kelambunya apa? Ini dalam peribahasa, kelambunya ialah *freedom of the press.* Jadi kalau nyamuknya itu orang yang mempertikai dan juga orang yang menjadi masalah itu, maknanya okey tidak ada masalah. *Reporter* pun nyamuk, Ahli-ahli Yang Berhormat kita pun nyamuk. Kita kena cari, nyamuk dengan nyamuk jumpa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap Kinabatangan. Jadi tidak bangkit soal itu ya, bermakna yang di sini tak apalah, kita nyamuk ke apa ke, kita "nyamuk-nyamuk" kena berjumpa kerana ini mengikut istilah pepatah orang Melayu kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya nak bertanya, Ketua Pembangkang berbicara soal *freedom of the press*, baru kena *critized* sudah marah dengan *press.* Layakkah Ketua Pembangkang ini bercerita soal *freedom?* Minta penerangan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu kita minta *press* nilaikanlah. Jadi saya sebenarnya pun bingung kerana kita nak pertahankan *freedom of the press*, dia pula kata tidak ada *freedom of the press.* Bila pemberita tulis, dia marah, jadi saya pun pening kepala, jadi saya pun tidak mahu layan sangat perkara ini, kita nak pergi untuk menyelesaikan masalah kita pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, Bukit Mertajam sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam sila.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan kurang faham dengan konsep apa maksudnya *freedom of the press? Freedom of the press* ialah supaya akhbar-akhbar dapat meliputi laporannya dengan tidak di *courteous* seperti sekarang. Kita ada Akta 84 *Printing and Publishing Act,* itu yang menyekat surat khabar dengan mengehadkan mereka supaya tiap-tiap tahun mereka mesti membaharui permit untuk mengeluarkan *paper,* jadi mereka akan takut dan kerajaan tidak suka dengan apa yang mereka terbitkan itu tidak akan diberi permit.

Itulah dikenali oleh seluruh dunia, *internationally,* dikatakan ini menyekat *press freedom.* Tapi *press freedom* ini bukan mengatakan kalau saya berjuang untuk *press freedom*, saya tidak boleh *critized* balik *press* ini. *Press* ini ada, mereka ada kebebasan untuk *critized Member of Parliament,* seperti Ahli Parlimen juga ada hak untuk tindak balas, apakah yang dikatakan itu sama ada betul atau tidak.

Jadi itu tidak bercanggah, saya harap kita faham konsep ini dulu. Jangan menjatuhkan apa yang dikatakan oleh NST yang mengatakan mereka *imply,* kalau Ahli Parlimen yang berjuang untuk *press freedom* ini jadi tidak boleh *retaliate* mesti menerima saja apa yang mereka kata. Ini bukan *press freedom,* jadi saya harap kita semua mesti faham supaya kita mengadakan perbahasan yang lebih bermutu. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Bukit Mertajam ini baru bercakap tentang *press,* baru sekejap ini kata sebab mengatakan bahawa kita ada hak untuk bertindak. *Press* tidak ada kesempatan masuk dalam Dewan untuk menjawab balik, jadi dia jawab dalam surat khabar. Tapi apabila dia tulis dalam surat khabar, kita pula marah. Tak habis-habis, tak habis-habis, jadi ini bermakna saya setuju, iaitu kita ada hak untuk menjawab balik. Jadi *press* tidak boleh masuk Dewan ini untuk berucap, dia bukan Ahli Parlimen, jadi kita kena hormatlah hak dia untuk menjawab di dalam surat khabar, itulah *freedom*nya. Janganlah pertikaikan kerana itu hak dia untuk menjawab. Kalau kita tak suka, kita jawablah dalam Dewan Rakyat, macam itulah jadinya, *ding dong, ding dong, ding dong. [Ketawa]. Alright*, jadi sebab itu, Ipoh Timor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timor sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi yang menjawab Yang Berhormat Kinabatangan, bahawa apabila saya ada diserang oleh surat khabar adalah ............. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rencana yang asal, *"Our MPs are not ready for prime time"* oleh Zainul Ariffin". Sebenarnya saya tidak sebut, tidak disebut, yang sebut ialah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menjadikan Parlimen *laughing stock* mengenai LRT, MAS *hostess* dan poligami. Saya tak sentuh dan bukan saya, saya hanya mempertahankan maruah dan martabat Parlimen sahaja dalam perkara ini. Tetapi kalau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional rasa mereka tidak rasa dihinakan, itu tidak apa. Tapi kalau ini satu penghinaan kita perlu menangani, yang pertama, jangan putar belitkan perkara.

Yang kedua, mengenai *untouchable* saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri sekarang adalah kontroversi mengenai meaning *untouchable* tetapi bukankah benar bahawa sebenarnya di negara kita *untouchable* seorang sahaja. Seorang sahaja *untouchble*. Yang orang ini kita boleh baca dalam artikel hari ini oleh Kalimullah Hassan berkata *"But I joke with Prime Minister, Sir you are PM you want it on page one you will get it on page one Perdana Menteri untouchable".* Baru seorang oleh kerana Perdana Menteri mahu *page one* dia dapat *page one*. Negara lain Perdana Menteri tidak ada kuasa semacam itu. *You want it on page one you get on page one.* Bukankah ini sebenarnya menunjukkan *untouchble* bukan empat orang yang di depan hari Selasa dahulu tetapi Perdana Menteri *untouchable* mengikut Kalimullah Hassan, *Sir, you are the PM. You want it on page one you will get it on page on untouchable Perdana Menteri.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau kita percaya semua kepada *Press*, kita serah kepada *Press* lah juga tentang tajuk apa yang dia hendak pilih untuk dimasukkan ke dalam akhbar yang diucapkan oleh ahli Dewan Rakyat. Kita tidak boleh paksa dia. Macam juga kita jika dipaksa di dalam Dewan, *okey Press* kata saya mahu awak cakap-cakap yang ini, tidak boleh juga. Yang Berhormat, kita ramai di sini dari satu hari kita bersidang yang berucap ramai. Kalau hendak dituliskan semua saya rasa seribu *pages* pun tidak habis sebab kita semua berucap. Oleh itu mereka terpaksa

memilih maka kita kena beri kebebasan kepada mereka untuk memilih yang pada pendapat mereka perkara-perkara yang mendapat perhatian orang ramai. Itu terpulang kepada dia jangan hendak ajar kerja dia. Serupa juga kita tidak mahu mereka mengajar kita tentang kerja kita.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]* **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, sebelum ..... Larut sekejap. Yang Berhormat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ..... saya pun baca juga ini *New Straits Times.* Saya pun baca komen. Sebenarnya saya tidak nampak apa yang kita harus merasa marah daripada apa yang ditulis oleh Kalimullah. Dia cuma hendak menceritakan kepada kita bahawa Perdana Menteri itu pun maknanya *humility* walaupun dia Perdana Menteri dia terpaksa juga telefon kepada Press minta kerana dia percaya kepada kebebasan *freedom of the press.* Jadi bermakna Perdana Menteri pun walau yang hendak dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebagai *number one untouchable*, Perdana Menteri pun terpaksa telefon untuk hendak dapat laporan terhadap apa yang dia katakan. Dia tidak *impose* tidak tidak *buldose* macam hendak di *buldose* oleh Ipoh Timur lah pada hari ini. Sebab itu bacaan saya *humility* jadi Kalimullah menulis tentang *humility.* Lagi penting kita sebagai Ahli Parlimen yang rakyat pilih kita mesti ada *humility.* Jangan kita merasa bahawa ini kuasa kita maka kita boleh suruh *Press* buat apa sahaja. Itu tidak bolehlah begitu. Ini pilihan *Press.*

Dari segi ini pun *angle* yang saya dapati berbeza dengan dia. Ini bermakna tidak bolehlah marah kepada *Press* kalau mereka juga mendapat *angle* yang berbeza. Saya pun kena juga dahulu dengan *Press* tetapi saya tidak pernah memilih untuk menelefon *Chief Editor.* Tanyalah *Chief Editor* sama ada Star, Utusan Malaysia, New Straits Times dan Berita Harian, saya tidak pernah menelefon mereka kompelin iaitu bahawa saya begini dan begini.

Saya tidak pernah telefon sebab saya percaya kepada *Feno Press* iaitu mereka juga menjalankan kerja, dia juga manusia dan dia juga boleh *interprate* yang berbeza.

Macam saya hari ini berkenaan dengan penulisan Kalimullah di mana Yang Berhormat Ipoh Timur mempunyai tafsiran dia sendiri sementara saya tafsiran lain.

Saya punya tafsiran ialah *humility* dan saya rasa dia *when over board* sedikit minta maaf, tidak perlu minta maaf sebenarnya. Kalau kebebasan akhbar biarlah itu pandangan dia yang tidak semestinya boleh mempengaruhi rakyat untuk menolak kita, tidak semestinya. Macam Yang Berhormat Ipoh Timur saya rasa kalau rakyat mahu dia sebagai Ketua Pembangkang orang akan pilih dia juga usah takutlah. Mungkin kalau Ipoh Timur tidak yakin dengan kredibiliti dia sendiri itu lainlah. Itu saya tidak tahu. Di sini saya tidak mahu ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ah, Larut okey.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ipoh Timur ini keluar masuk keluar masuk sudah lama Yang Berhormat. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, katakanlah besok Ipoh Timur dapat *front page....*

**Seorang Ahli:** Yang baik-baik punya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ..... tidak kiralah berita apa dia cakap apakah itu *freedom of the press?* Minta sedikit pandangan Yang Berhormat supaya dia faham sedikit Yang Berhormat, Ipoh Timor ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau besok dia dapat *front page* seratus kali dia baca surat khabar itu. Ya saya hendak beritahu. Itu lumrah manusia. Kalau ada laporan baik kita bacalah kalau laporan tidak baik baca sekali lepas tu tak mahu dah. Biasalah kita kena *humility* sebagai Ahli Parlimen rakyat yang pilih kita. Rakyat mahu menampakkan kita jangan sebagai *untouchable* yang disebut itu.

Sebenarnya kita boleh menukarkan keadaan yang negatif kepada positif. Lihat balik apa yang ditulis tentang kita dan mungkin kalau ada kebenarannya maka perbetulkanlah diri kita kerana kita perlu kepada cermin untuk melihat diri kita. Kita rasa kita cakap okey tetapi dari segi sudut pandangan orang lain kita cakap itu tidak okey. Jadi ada *two sides of the coin.* Di sini saya tidak mahu berlarutan. Saya rasa Dewan

Rakyat ada hak dia dan *Press* juga ada haknya. Di sini macam mana hendak menyelesaikan masalah. Ini yang Yang Berhormat Kepong tanya apa tanggungjawab Menteri ini hendak menyelesaikan masalah.

Ada cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ipoh Timur - *Privilage Committee*. Sebenarnya Yang Berhormat Ipoh Timur, saya kaji pandangan dan cadangan Yang Berhormat. Saya kaji dan saya hendak tengok apakah untung dan ruginya.

Pertama Yang Berhormat, *Privilages Committee* ini saya bimbang takut akan lagi jatuh maruah kita apabila kita *Privilages Committee* memanggil media untuk datang memberi penjelasan. Apa jadi kalau mereka tidak datang? Apa jadi? Kita tidak boleh hantar *warrant of arrest.* Kita tidak mempunyai tradisi macam di United Kingdom yang mana tradisi di sana rakyat semua tahu tentang betapa Parlimen ini adalah satu badan yang unggul dan tinggi yang tidak boleh dihina. Jadi tidak perlu pun penguatkuasaan polis kerana kalau Parlimen panggil mereka datang, itu tradisi mereka dengan izin *we don’t have that tradition here.* Kerana pada kita kalau kita panggil, saya hendak menjaga Ahli Parlimen kalau kita panggil mereka tidak datang macam mana? Kita kena fikir itu. Akan menampakkan lagi iaitu bahawa Parlimen tidak dihormati. Kita kena *anticipate* sebab apa yang kita buat ini tidak dapat penguatkuasaan daripada polis atau apakah.

Kalau kita melakukan kesalahan yang melanggar akta tidak pergi mahkamah *warrant of arrest* boleh, polis pergi tangkap. Tetapi kalau macam kita *Privilages Committee* panggil dia lalu dia tidak datang, apakah kita boleh panggil polis untuk bawa dia bawa ke hadapan? Saya fikir itu semua. Jadi saya tidak mahu menampakkan lagi penghormatan kepada Parlimen itu tidak dapat diberikan maka saya fikir jalan ini dan dengan tidak adanya tradisi di negara kita tentang soal kuasa *Privilages Committee* ini. Saya fikir kita kena cari jalan lain supaya....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti Yang Berhormat saya akan beri jalan, saya akan beri jalan. Lagi pula kita hendak memanggil mereka jadi suasana itu pun dalam undang-undang pun saya beritahu, kalau berlaku pembunuhan katakanlah di Padang Rengas di mana budak kecil dibunuh sebagai contoh. Seluruh rakyat Padang

Rengas marah tentang pembunuhan itu maka mahkamah akan mengambil keputusan supaya tidak mendakwa orang itu di Padang Rengas tetapi didakwa mungkin di Kuala Lumpur kerana prejudis telah berlaku di situ.

Saya rasa begitu juga kalau *Privilages Committee* Parlimen memanggil mereka datang mereka akan menganggapkan sukar untuk mereka untuk mendapat persetujuan daripada pihak Ahli Parlimen kerana sudah berlaku tragedi, Ahli-ahli Parlimen sudah marah jadi bagaimana mereka hendak mendapatkan *fare hearing* kalau pun di Dewan sudah diungkapkan kata-kata yang menyelar *Press*. Bagaimana mereka mendapat satu *hearing* yang adil kalau ia dipanggil oleh *Privilages Committee* Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Saya percaya adalah lebih baik kita cari jalan lain. Ya, Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dua perkara, yang pertama, untuk membetulkan Yang Berhormat Menteri sahajalah bahawa Dewan yang mulia ini atau Jawatankuasa Hak Keistimewaan atau jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Parlimen tidak ada kuasa untuk saman sesiapa, tidak ada paksa untuk menentukan bahawa samannya dipatuhi. Sebenarnya kalau Yang Berhormat semak Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952 boleh tengok bahawa dalam Fasal 9 - ”Power of House to punish for contempt of the House....” sesiapa. ”The House may or in any respect of any of the offences, here and after mentioned whether committed by a member or any other person, ialah orang yang bukan ahli Parlimen.” Summarily (a) disobedient to any order for attendance, itu menunjukkan ada kuasa tetapi saya timbul perkara ini bukan kerana saya mahu cadang bahawa kita akan keluar satu saman Kalimullah atau Zainal datang sebagai accused, tidak perlu. Tetapi kita perlu menangani isu semacam ini daripada dua aspek. Isu pertama ialah masalah liputan media mengenai Parliamentary proceeding bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen pembangkang tetapi Ahli-ahli Parlimen supaya ada satu liputan yang adil dan secocok dengan peranan Parlimen.

Yang kedua mengenai kelakuan Ahli-ahli Parlimen sendiri mengenai ucapan mereka yang tidak menghinakan Dewan yang mulia kita sendiri perlu buat satu kajian, bukan sesiapa yang menjadi *accused in the dock*, tidak. Kita perlu ada *mind change* bahawa apabila dipanggil oleh Parlimen, hadir *(appear)* di mesyuarat Parlimen, ini macam di mahkamah, di mahkamah prejudis, accused, Ini tidak. Tengok parlimen-parlimen yang lain yang ada berpuluh-puluh *parliamentary select committee*. Di mana

ada mesyuarat-mesyuarat di mana ada *witnesses* atau orang-orang yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa tersebut untuk memberi pandangan. Kita perlu tukar *mindset* bahawa kalau sesiapa yang dijemput untuk datang menghadiri mesyuarat jawatankuasa itu adalah sebagai accused, tidak, tetapi untuk memberi kerjasama bagaimana masalah ini boleh diatasi dan saya harap kalau pendekatan *(approach)* kita ini bukan ada prejudis, tanpa prejudis, tanpa sesiapa yang menjadi accused tetapi untuk memperbaiki keadaan ini, saya rasa ini satu pendekatan yang kita boleh gunakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab benda ini sebab itu saya kata kalau kita hendak ikut macam cara di Eropahkah atau ke mana kah, mereka sudah mempunyai tradisi. Parlimen mereka bukan 20 tahun, 30 tahun, ratusan tahun ya yang mana pengamalan itu telah dilakukan. Saya tidak menyatakan itu bahawa kita tidak boleh panggil, boleh panggil tetapi saya cuma membawa persoalan iaitu kalau mereka tidak datang macam mana. Adakah di dalam akta itu mengatakan Yang Berhormat sebut tadi, ya kita boleh panggil, betul kita boleh panggil tetapi kalau dia tidak datang macam mana, adakah saman kita itu mempunyai kuasanya sama dengan sebagai…….

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya mahu tanya? Baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, termasuk ada kuasa untuk mempenjarakan satu tahun, dalam kuasa ini kita ada. Bukan saya tunjuk bukan cadanglah untuk mahu ini digunakan, tidak tetapi ini ada kuasa. Saya percaya tidak perlulah kita menggunakan kuasa semacam ini, *penalty criminal sanction* ada kuasa dan tengok Yang Berhormat Menteri yang menjaga Parlimen pun tidak tahu kuasa Parlimen yang ada.

**Puan Chong Eng:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memanglah, sebab itulah saya kata, Kepong ini lebih lama daripada saya, beliau boleh ajar saya. Saya tidaklah *untouchable* langsung, kalau jadi Menteri maknanya saya tahu semua, saya tidak macam itu, saya *touchable*. Saya boleh tegur, tidak ada masalah. Cuma saya begitulah bila Yang Berhormat kata ada, kemudian kita bangkit kepada kesanggupan kita. Kalau sekiranya mereka tidak datang, apakah kita sanggup untuk hantar dia satu tahun denda, Yang Berhormat sudah jawab saya, tidak sanggup. Jadi bagaimana kita hendak

gunakan *privileges committee?* Jadi kepada saya yang paling baik, tidak usah guna *privileges committee* atau apakah, kerana itu akan menampakkan suasana *confrontational*.......

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beliau belum beri lagi Yang Berhormat, duduk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap ya. Saya punya cadangan sebenarnya disebut juga oleh secara tidak langsung oleh Yang Berhormat bagi Johor Baru. Johor Baru kata tidaklah tepat saya hendak sebut apa yang beliau kata. Beliau kata saya tidak pernah minum kopi dengan editor-editor, saya ingat itu yang masalahnya. Apa salah kalau kita berjumpa dengan editor, kita adalah manusia dan kita boleh berfikir, daripada kita biarkan keadaan begitu, apa salahnya kita Ahli-ahli Parlimen jemput mereka supaya kita ada perjumpaan dan pertemuan.

Saya rasa manusia ini apabila mereka berjumpa keadaan sudah menjadi lain, apabila mereka baca surat khabar, dia marah. Yang sana pula baca laporan dia marah, ini tidak berjumpa. Marah dalam akhbar, marah dalam laporan Hansard Parlimen, bantai, jadi ini belum berjumpa. Sebab itu saya berfikir elok kita berjumpa, jangan kita apabila suasana sudah jadi teruk, baru hendak berjumpa hendak cium mulut tidak eloklah daripada dia berlarutan baik kita jumpa. Saya tidak mahu jadi macam, saya akan beri jalan daripada Jerai, waktu tidur, waktu tidur pula! *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya Cuma bangun hendak bubuh *button* kot saya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak mahu jadi macam ini Yang Berhormat, kita kena ambil keputusan yang waras dan bijaksana. Saya tidak mahu jadi macam Iran dengan Iraq, perang dan yang mati itu adalah berjuta. Selepas itu 15 tahun, 20 tahun mereka boleh jumpa, *peace*, berpelukkan tetapi berjuta orang sudah mati. Jadi tidak usah kita ikut apa yang berlaku di sana, kita sekarang kita berjumpa dan bukan menerusi Privilege Committee, kita jumpa, kita panggil editor. Saya percaya apabila sudah bersua muka lain ceritanya, apabila tidak berjumpa itulah, aku marah, engkau marah tetapi apabila berjumpa duduk dan bercerita. Kita hendak beri

pandangan sedikit dan minta supaya akhbar berilah begini. Sekarang ini kita bukan sahaja hendak minta dia buat betul, bagi laporan mengikut kehendak kita. Tetapi kita juga hendak banyak muka surat ini, sekarang ini setengah kita tidak suka, suku muka surat tidak suka, kita hendak dua muka. Kita kena berjumpa dengan mereka kerana itu bidang mereka. Jadi biarlah kita pergi berjumpa dan saya ingat sebagai menteri kalau Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, saya panggil orang. Bukan *Privilege Committee summon*, tidak, bukan. Kita tulis surat, kepada saya, saya fikir sebenarnya kita mesti tulis kepada mereka bukan kerana kita salah dan bukan kerana kita besar dan tidak boleh tunduk kepada mereka tetapi kerana kita ada mempertikaikan penulisan mereka, kitalah panggil mereka dan berjumpa.

Saya rasa kalau ini boleh dilakukan untuk kebaikan semua ini, hendak menjaga Dewan Rakyat dan menjaga media saya rasa pertikaian yang berlarutan dan yang tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada kedua-dua pihak ini akan merugikan kita. Tidak ada yang lebih dan tidak ada yang kurang, sama-sama mempunyai kepentingannya dalam negara menjalankan peranan masing-masing. Sebelum saya beri Kepong, sila Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri, dan rakan-rakan sekalian, di atas dunia ini tidak ada siapa yang besar dan tidak ada siapa yang kecil. Yang besar dan berkuasa itu adalah Allah SWT. Kita ini memegang jawatan pun adalah atas kehendak Allah SWT. dan begitu juga pegawai-pegawai kerajaan kerana Allah Taala telah tunjuk mereka maka jadi jawatan mereka dan semua ini adalah amanah yang akan dipersoalkan di Akhirat kelak. Di dunia dipersoalkan oleh rakyat dan di Akhirat Allah Taala akan persoalkan kita. Sebagai ahli politik dan pemimpin politik, saya berpendapat bahawa kita kena dan sanggup menerima kritikan, orang tegur kita tidak apa pasal dalam Islam pun berkata, tegurlah sesama kita ini, sama ada dengan mulut, dengan tangan, tidak begitukah? Dan juga dengan hati.

Jadi dengan mulut dia panggil "Dato' Badaruddin oii, hang ni ni tak kena, tak mai melawat kawasan lama." *[Bercakap bahasa pasar]* Alhamdulillah, terima kasih.

Dengan tangan mungkin dia menggunakan dengan pena dan sebagainya menegurkan kita, jadi kita terima. Macam saya sendiri terkeluar dalam akhbar gambar saya, Alhamdulillah. Mula-mula saya baca saya rasa kecil hati sedikit tetapi selepas itu saya ingat Allah Taala kata kita kena terima teguran untuk kebaikan kita.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Tegur sedikit Yang Berhormat, maksud ‘dengan tangan’ itu bererti ‘dengan kuasa’ kita.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okey, terima kasih. Jadi mereka depa ada tulis, alhamdulillah. Saya rasa selepas saya sembahyang ini saya rasa alhamdulillah, mungkin surat khabar ini hendak tolong saya kerana saya mungkin terlajak atau tersilap jadi kita perbetulkan balik. Jadi kalau kita berpegang pada konsep itu, menerima teguran dan juga bimbingan, sebagai orang politik sudah tentu kita akan jadi tokoh politik yang berjaya, tetapi kalau kita dok hendak mengamuk tidak tentu pasal, masalahlah. Sebab itu dalam peribahasa mengatakan Tuan Speaker, “Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai.” Begitulah juga orang politik kalau kita takut menghadapi dugaan, cabaran dan sebagainya, merintih kalau kita menghadapi masalah maka janganlah kita duduk rumah kita di tepi ombak, marilah duduk dekat jauh tepi jalan ini, tepi jalan pula takut lori masuk ke rumah pula. *[Ketawa]*

Jadi ini adalah Tuhan sudah beri siap-siap Yang Berhormat Menteri ini. Jadi bagi saya sebagai orang politik yang agak veteran, lama daripada bawah saya naik, saya berterima kasih kalau ada sesiapa yang hendak kritik dan berkata Dato’ Badaruddin ini tidak bagus, kawasannya begini, alhamdulillah sekurang-kurangnya saya cari tang mana yang tidak kena. Kita pergi perbetulkan, ini caranya. Dalam Islam dia suruh perbetulkan kita jangan jatuhkan maruah orang itu, perbetul cara elok-elok cara Islam dan kita jangan menjatuhkan martabat orang itu kerana Islam tidak beri kita menjatuhkan maruah dan martabat orang. Ini adalah pandangan-pandangan walaupun saya tidak sempat berbahas tetapi saya hendak menyuarakan sedikit sebanyak pandangan saya, saya rujuk kepada orang yang tahu pasal agama bahawa seseorang pemimpin itu harus berani dan sanggup menerima teguran, kritikan untuk kebaikan dirinya dan juga untuk kebaikan tugas-tugasnya kepada rakyat, kalau dia tidak boleh terima ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak beri ucapankah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak. Penjelasannya panjang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Pasal saya hendak bawa keluar hadis dan sebagainya jadi Tuan Yang di-Pertua kalau tahan saya susah nanti, pesanan ini dari Allah Taala dan Nabi Rasullullah ini, jangan ditahan, berdosa. Tidakkah begitu ustaz semua?

Jadi saya berharap, saya minta supaya kita sebagai Ahli-ahli Parlimen dan sebagai pemimpin yang ada di sini termasuk pegawai-pegawai kerajaan yang ada kita terima dan kalau terkasar sedikit kami berucap dan terusik sedikit hati dan perasaan pegawai-pegawai, tidak apa, itu kita anggap sebagai untuk kebaikan kita dan jangan kecil hati. Balik nanti, buat kerja elok-elok kerana kami ini kadang-kadang naik angin sedikit.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat, cukuplah ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita sambung balik dengan penjelasan ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sambung dengan Timbalan Menteri ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya sambung penjelasan nanti.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri boleh sambung jam 2.30 ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam bahasa cina]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai sila duduk, sila duduk, cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambung penjelasan sebelah petang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, sudah menjawab selama setengah jam, ya?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Belum, 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ooh, 15 minit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Betulkah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lebihlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Lebih?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada catatan. Baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Betul, Yang Berhormat. Pasal apa, 15 minit itu jawapan. Yang lain itu persoalan sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, tidak apa. Saya hendak tanya, jadi berapa tempoh masa perlu?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dua jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh cuba ringkaskan? Kalau bolehlah, ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab kita ada banyak bil lagi hendak bincang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, terima kasih, Yang Berhormat.

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai sebab di atas segala pandangan yang telah diberikan oleh beliau. Walaupun kadangkala nampak dia tidur, tetapi dia bukan tidur, dia sedang memikir tentang masalah............

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mata tutuplah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mata dia tutup!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mata dia tutup dan saya mahukan supaya ucapan dia itu menjadi sebahagian daripada jawapan saya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara yang lain pula iaitu Yang Berhormat bagi Ipoh Timur telah menyatakan rasa tidak puas hati berkenaan dengan anjuran program Puteri UMNO yang telah berlaku tidak berapa lama dahulu. Walaupun saya ingin menyatakan bahawa dia tidak mempertikaikan tentang niat baik itu, dia cuma menyatakan bahawa apakah sebuah parti politik boleh mengadakan program di sini. Saya ingin menyatakan juga bahawa sebenarnya saya selaku Menteri, juga mendapat kompelin daripada pihak-pihak di sebelah kerajaan, mereka marah, tidak berapa senang hati kerana saya banyak melayan program-program DAP di dalam Parlimen seperti hari itu, penyerahan laporan SUHAKAM. Walaupun SUHAKAM NGO tetapi mereka kata bahawa DAP yang panggil. Kemudian SUARAM......

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti, tidak habis lagi Yang Berhormat. Sabarlah. Kemudian SUARAM, FOMCA. Semua ini sebenarnya dipanggil oleh pihak DAP, Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya hadir bersama. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Parlimen ini politik. Parlimen politik sebab semua kita ahli politik, ya. Jadi, sebagai rumah yang nombor satu, di mana kita membangkitkan masalah negara, saya

rasa tidak salah untuk mana-mana pihak mengadakan majlis di sini. Jadi, masalahnya.......

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak sabar, nantilah dulu. *[Ketawa].* Nanti, belum habis lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Belum, belum habis lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *To the point*. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya. *To the point.* Apa yang saya maksudkan, bahawa sebenarnya kalau DAP hendak mengadakan majlis, beritahu kepada sayalah, sebab saya Penghulu di Dewan Rakyat ini, saya kena bertanggungjawab tetapi sehingga pada hari ini, tidak ada pun permintaan daripada DAP kepada saya. Saya menerima semua tawaran DAP termasuklah forum *first class Parliament* tetapi dibuat di luar, kemudian perbahasan. Saya pergi semua. Sebenarnya apabila kita membuka ruang untuk SUHAKAM, SUARAM, itu di atas persetujuan saya. Cuma ada satu syarat sahaja kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timur hendak buat program DAP, kena jemput sayalah, itu sahaja sebab majlis ini sebenarnya dilakukan di atas kehadiran saya sebagai Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukup sayang DAP?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup sayang DAP?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, sayang. Ini Ahli Parlimen saya juga jaga. Dia Ahli Parlimen, saya jaga dia juga. Jadi, sebab itu saya ingin beri jaminan di sini bahawa saya sebagai Menteri jaga Dewan Rakyat, saya cuba berlaku adil kepada semua. Jadi, kalau sekiranya DAP hendak buat majlis penyerahan apa, beritahu kepada saya. Saya buat pun, bukan atas nama saya sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO tetapi sebagai Menteri yang menjaga Parlimen. Begitu jugalah............

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya akan bagi jalan Yang Berhormat, relaklah. Kenapa tidak sabar ini? Tunggulah. Saya tidak boleh lari punya. Saya mesti tunggu sini sebab saya *"jantan".*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia minta Yang Berhormat *straight to the point.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini *straight to the point*lah. Maknanya........

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ertinya dia bersetuju dengan teguran saya, mengikut Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya. Tidak apa. Nantilah dulu. Peraturan Mesyuarat saya jawablah ini. Dia hendak cakap *straight to the point* apa? Dia satu benda dia cakap dekat satu jam. Saya tidak kacau dia pun. Ada saya kacau dia? Bagilah saya peluang untuk jawab. Janganlah kacau. Tetapi bila hendak berdiri, saya bagilah. Jadi, waktu saya kena *straight to the point,* dia bercakap tiga jam. *Point*nya satu, dua, tiga. Pusing-pusing sahaja. Jadi jangan.

Kalau Yang Berhormat buat, saya pun boleh buatlah juga. Jadi sebab itu, kalau masalah kata hendak buat, boleh buat. Puteri hari itu, sebenarnya bukan majlis Puteri tetapi majlis Timbalan Perdana Menteri. Dia mahu berada di Dewan Rakyat untuk menjawab, saya tidak ingat, penggulungan atau untuk jawab soalan. Penggulungan, kalau tidak silap saya. Jadi, dia berada di dewan. Jadi, supaya dia boleh hadir untuk menjawab, menggulung di Dewan, dia minta supaya program itu ada. Jadi, program itu sebenarnya program Timbalan Perdana Menteri, kerajaan punya programlah.

Sebab itu, saya hendak menyatakan di sini kalau sesiapa pun jumpa saya, saya akan bagi ruang untuk mereka menggunakan bangunan di Dewan ini tetapi kalau kata tunggu di luar, bawa sepanduk, itu tidak bolehlah sebab saya tahu akan berlaku masalah. Nanti kalau apa-apa berlaku di dalam Dewan saya bertanggungjawab. Jadi, kalau hendak buat majlis, okey, beritahu kepada saya, panggil saya bersama, saya akan hadir bersama. Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya kata semalam, kita tidak puji sebenarnya kegiatan-kegiatan semacam menggalakkan budaya membaca yang dianjurkan tetapi masalahnya ialah sama ada wajar atau tidak wajar Parlimen digunakan

untuk parti-parti politik, yang pertama. Kedua, mengenai NGO-NGO, SUHAKAM bukan NGO, SUHAKAM ialah institusi *yang* ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan SUHAKAM tidak pernah datang ke Dewan atas anjuran DAP. SUHAKAM tidak pernah datang sungguhpun kita tunggu mengenai laporan SUHAKAM sudah patut dibentangkan dan berharap ada satu perbahasan.

SUHARAM, NGO-NGO yang lain ada datang, mereka ada datang, bukan oleh kerana DAP panggil, DAP tidak panggil. Mereka mahu datang dan mereka ada berhubung dengan Ahli-ahli Parlimen DAP, oleh kerana sama ada mereka mahu memberi, mengemukakan memorandum, sama mengenai laporan SUHAKAM atau masalah wanita, masalah pekerja-pekerja estet dan lain-lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan kita layan mereka. Semua itu adalah bukan aktiviti-aktiviti DAP dan bukan atas cadangan atau anjuran DAP. Ini tidak itu untuk perbetulkan, kedua. Ketiga, kalau mengikut penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa tidak ada larangan mengenai aktiviti-aktiviti parti-parti politik kita boleh terima. Baik, kalau parti-parti politik boleh menggunakan Parlimen untuk kegiatan mereka kita boleh terima kalau ini untuk semua. Kalau begitu kita akan melancarkan satu kempen untuk *the third vote* supaya kembalikan pilihan raya kecil kerajaan tempatan di Parlimen dan kita akan jemput Yang Berhormat Menteri datang supaya Ahli-ahli Parlimen boleh faham, Ahli-ahli Parlimen boleh sokong boleh mengembalikan pilihan raya untuk majlis-majlis tempatan oleh kerana 40 tahun *Appointed System Local Government* sudah gagal. Kita harap…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi apa yang mustahak ialah mengenai penghulu Parlimen, tidak ada jawatan dalam peraturan mesyuarat ataupun perlembagaan. Yang Berhormat Menteri benar dia ditugaskan oleh kementerian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai hal ehwal Parlimen. Tetapi itu bukan bererti dia penghulu Parlimen di mana dia bertanggungjawab mengenai semua perkara dalam Parlimen. Ini bertentangan dengan prinsip-prinsip *doctrine of separation of powers* sebenarnya semua *equal* dalam Parlimen sini.

Bukan semua perkara perlu melalui Yang Berhormat Menteri yang dalam Jabatan Perdana Menteri, yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal dalam Parlimen

sebenarnya. Ini bukan kali yang pertama ada seorang menteri yang menjaga dan bertanggungjawab mengenai Parlimen. Setiap Perdana Menteri, setiap terma penggal Parlimen pun ada menteri yang ada di tanggungjawab mengenai Jabatan Perdana Menteri dahulu sama ada pada tahun 80 an, 90 an, 70 an.

Kali yang pertama kita ada seorang menteri yang ada satu portfolio sahaja, iaitu Parlimen, itu berbezalah, itu berbeza. Tetapi kita mengucapkan syabas dia ada satu portfolio sahaja dan sebab itu kita mahu lihat *Parliamentary reform.* Kita mahu tengok beliau ada hasil tetapi ini bukan bererti beliau penghulu Parlimen, itu silap. Itu silap boleh *sue* pun saya sokong. Saya sangat gembira kita ada seorang menteri yang begitu peka mengenai masalah-masalah Parlimen tetapi bukan penghulu Parlimen. Kalau ada penghulu Parlimen apa kedudukan Yang di-Pertua?. Adakah dia pun penghulu Parlimen? Nanti kita akan ada 3, 4, 5 penghulu Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau bukan penghulu, ketua kampunglah.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua saya pun tidak tahulah macam mana hendak cakap ini. Kalau ada masalah-masalah Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen fikir untuk disampaikan kepada Kabinet saya Yang Berhormat jumpa, jumpa saya untuk sampaikan kepada Kabinet. Begitu juga kalau Kabinet ada apa-apa hal bagi tahu kepada saya untuk disampaikan kepada Ahli Parlimen. Tidak apalah kalau di masa dahulu walaupun ada menteri-menteri jaga Parlimen tapi mereka ikut pilihanlah dia punya *interest* lebih kepada...selalunya dulu Menteri Parlimen dengan undang-undang. Jadi dia punya minat lebih kepada undang-undang jadi dia kurang beri perhatian pada Parlimen. Salahkah saya kalau saya beri perhatian lebih pada Parlimen?

Sebab kalau apa-apa berlaku dalam Dewan Rakyat bukan Yang Berhormat hendak kena jawab pada Kabinet, saya yang kena jawab. Orang tidak suka apa-apa berlaku dalam Dewan Rakyat bagi tahu pada saya. Jadi jangan dalam satu masa Yang Berhormat hendak guna saya sebagai penghulu dalam hal yang lain marah saya. Jangan marah saya buat kerja saya. Marah kalau saya tidak buat kerja, itu tidak apa, ya Yang Berhormat. Saya buat kerja jangan marah……….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng**]: Faham, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab kita buat untuk semua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi sebab itu saya hendak menyatakan tidak ada masalah sebenarnya. Tidak ada masalah. Kepada saya, saya bertanggungjawab. Kalau ada macam Suaram, SUHAKAM bukan NGO tidak apalah. Dia orang tidak hubungi saya, dia orang hubungi DAP.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak apalah, bukan SUHAKAM pun tidak apalah, Suaramkah.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak SUHAKAM pun tidak apa, tidak apa. Tetapi yang pokok - yang berlaku ialah Suaram, isteri-isteri kepada tahanan ISA, mereka jumpa DAP tidak jumpa saya, maknanya saya layan DAPlah. Jadi kalau DAP saya layan apa salah kalau saya layan orang lain, janganlah marah, jangan *jealous,* jangan cemburu.

Saya tidak ada masalah tetapi kalau Yang Berhormat fikir saya tidak ada kuasa tidak usahlah jumpa saya. Lain kali kalau hendak buat program pun tidak usah jumpa saya. Buatlah sendiri, tanyalah kepada *speaker*kah apakah, tanya.....

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan libatkan saya. Kerana di masa yang lepas libatkan saya, saya tidak ada masalah. Bagi saya ini Parlimen, apa yang hendak kita takutkan.

**Dato' Mohd. Sarit bin haji Yusoh [Temerloh]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau di dalam Dewan pun boleh bangkit, marah tentang isu-isu, katalah macam tidak ada *election*, dalam Dewan bebas untuk ini. Takkanlah kalau hendak bagi buku kepada saya tidak boleh. Boleh, tidak ada masalah tetapi bagi tahu kepada saya kerana akhirnya mesti ada satu orang bertanggungjawab. Saya tidak boleh kata ini macam mana DAP punya program siapa, saya tidak tahu, saya tidak tahu. Itu tidak bertanggungjawab jawabnya ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi saya bertanggungjawab di atas apa juga berlaku dan jangan marah saya kalau saya menjalankan tanggungjawab saya. Saya minta Yang Berhormat bagi Temerloh.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya penggal kedua sebagai Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup berpuas hati dengan perjalanan Parlimen pada penggal ini. Saya kira keputusan Perdana Menteri mengadakan seorang menteri *in charge* dengan izin, di Parlimen cukup tepat dan baik sekali. Kebetulan pula kita dapat seorang menteri yang begitu dedikasi.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Pagi-pagi datang pergi tengok *attendance*, tengok kemudahan, *round* tengok Parlimen. Kalau penghulu pun tidak apalah. Kalau beliau sebagai penghulu Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ini betullah Tuan Yang di-Pertua kata tadi sebagai ketua kampung sahajalah. Terima kasih minta penjelasan menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebahagian ucapan Yang Berhormat Temerloh itu menjadi sebahagian ucapan saya. Cantik.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sebahagian, sebahagian suku pula apabila saya masuk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey. Yang Berhormat Jerai. Nanti kita bagi Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minat dengan menteri ini, menteri yang cukup baik dan dia jadi menteri jaga di Parlimen. Ini adalah satu penghormatan. Tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini, dia jadi Ketua Pembangkang boleh pula elaun RM3,000 lebih, pejabat semua ada. Saya tidak nampak dia buat apa pun……

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ....selain daripada bangkit mai dok mengamuk tidak tentu pasal. Jadi kita hendak tengoklah Ketua Pembangkang ini patut…….

**Tuan Lim Kit Siang:** Tengok apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam bahasa Cina]* Lu pun sudah tua mahu tengok buat apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dengan izin.......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu? Saya pun tidak faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dengan izin, dia kata tengok buat apa? Saya kata, saya tengok dialah, sudah tua tengok buat apa, bukan?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, dia sebagai ketua pembangkang, pertamanya dia akan bangkang sesuatu dengan penuh baik, menunjuk teladan. Jadi tidak payahlah dok macam ini, macam ini, macam ini, apa ini? Tau-tau dok hempas yang itu yang ini naik semangat tidak tentu arah. Jadi sebagai Ketua Pembangkang yang ada kemudahan yang kerajaan bagi, baru ini gaji naik 10%, dia pula boleh bagi 10%. Padahal dia ini Tuan Yang di-Pertua, dia bukan ketua DAP, patut ketua DAP jadi Ketua Pembangkang. Tapi jawatan dia balas……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat berucapkah ataupun hendak minta penjelasan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak. Penjelasan - supaya jadi sebahagian daripada ucapan saya dalam ucapan. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya kena pertahan Ketua Pembangkang sebab saya juga bertanggungjawab

kepada dia. Sebenarnya dia ada tanggungjawab dia, dan kerajaan ini kerajaan baik. Kita bayar dia untuk maki hamun kerajaan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab itu kita baik, jadi jangan pertikai keikhlasan kita. Dia ada tanggungjawab. Inilah kerajaan yang baik, maki hamun pun kita bagi elaun dan kita naik juga baru-baru - ini tidak *protest* pun. Jadi saya minta maaf, saya tidak kuasa pertahankan. Tetapi ini………

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Menunjukkan betapanya kita mempunyai....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Cheras, bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kerajaan yang bertimbang rasa, termasuk orang yang maki hamun pun kita bayar untuk dia maki hamun kita. Itu terpulanglah pada dia, tanggungjawab dia. Jadi tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh bayar sebab di mana-mana Parlimen pun *leader opposition* kita bagi walaupun dia maki hamun kita. Yang Berhormat Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih. Sehubungan dengan apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju atau tidak penolakan permintaan kami kalau DAP ingin membuat satu pelancaran kempen membolehkan pilihan raya kerajaan tempatan di Parlimen dan sebab ini adalah satu kempen yang memang disambut baik oleh rakyat dan juga menepati semangat demokrasi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua. Saya kelang-kabut dia orang ini, baru sahaja ketua dia tadi tidak iktiraf saya, dia kata saya tidak ada kuasa apa. Kenapa pula hendak hantar permohonan pada saya pula, saya tiada kuasa. Ikutlah Ketua Pembangkang berkata saya bukan penghulu saya tidak bertanggungjawab, jadi dia sudah jawab. Oleh kerana itu, Cheras tidak payahlah hantar

permohonan pada saya sebab saya tiada kuasa, *refer* balik kepada Ketua Pembangkang. Kalau Ketua Pembangkang kata ya, Padang Rengas adalah penghulu kami, barulah hantar kalau tidak jangan hantar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada yang seterusnya, ini berkenaan dengan yang dibangkit oleh, yang saya kena jawab terlebih dahulu sebelum saya menjawab yang lain, berkenaan dengan usul Ahli Parlimen berkenaan dengan Myanmar.

Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa memang kita pada peringkat awal, juga disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas perjumpaan dengan Ahli-ahli Barisan Nasional *pre-council* menyatakan iaitu bahawa ada usul-usul yang dibawa oleh Ahli-ahli Parlimen, kerana ditanya apa dalam perbincangan tadi, maknanya ada urusan kerajaan, rang undang-undang ada berapa. Kemudian PM juga sebut iaitu bahawa ada usul daripada Ahli-ahli Parlimen. Sehubungan dengan itu, saya pun mengekori kenyataan, saya kata ya memang ada usul dan harapan ialah untuk kita mahu membahaskan. Saya sendiri pun memang komited sebagai Ahli Parlimen untuk menyuarakan pandangan saya secara peribadi sebagai Ahli Parlimen mengenai kedudukan di Myanmar tetapi ada yang telah berlaku iaitu kadangkala ialah ada betulnya. Apabila saya tidak disebut sebagai Ahli Parlimen Padang Rengas ataupun Ahli Caucus Myanmar, saya disebut sebagai Menteri di Jabatan Menteri menyatakan iaitu bahawa mahu supaya usul dibahaskan berkenaan dengan Myanmar.

Maka sudah tentulah ini, dengan izin, *pick up* di *pick up* oleh Myanmar dan mereka menyatakan bantahan iaitu tentang kehadiran seorang anggota pentadbiran di dalam Caucus di mana kalau saya menyatakan usul itu perlu di bahas, maka dianggap sebagai kerajaan melibatkan diri dalam usul.

Dalam hubungan diplomatik, kerajaan-kerajaan tidak boleh, apa tah lagi kita di dalam ASEAN ada satu *sprit* yang mana tidak campur tangan dalam hal negara lain, itu kerajaan-kerajaan sebab itu kita panggil *the world of diplomacy*, walaupun tidak setuju tetapi tidak nyatakan kerana tidak mahu campur tangan dalam hal orang lain, maka saya telah diarahkan untuk mengundur.

Arahan Perdana Menteri pada saya, pertama undur sebab tidak boleh hendak pisahkan antara saya sebagai Ahli Parlimen dan saya sebagai menteri. Ini menjadi bukti

yang Myanmar kata iaitu bahawa Kerajaan Malaysia terlibat *under mining* Kerajaan Myanmar dengan menyuruh Ahli Parlimen dia membahas tentang usul ini. Saya terpaksa *withdraw*, ini betul, ini memang diplomasi seluruh dunia begitu tetapi arahan Perdana Menteri berkata iaitu bahawa usul ini, itu Ahli Parlimen punya hal. Jangan ada kerjasama daripada kerajaan kerana kerajaan tidak benarkan usul ini di bahas, usul ini serah kepada Ahli Parlimen.

Menerusi sistem Parlimen kita, Ahli Parlimen sebenarnya boleh membahas tanpa penglibatan daripada kerajaan, kalau yang usul *urgent* itu tidak boleh buat kerana melibatkan kerajaan akan menjawab, makna ada kerjasama kerajaan ataupun lagi satu usul yang sebelah petang kita buat, itu juga tidak boleh kerana kerajaan juga terlibat dalam kerjasama tetapi Ahli Parlimen sebenarnya duduk sesama dan boleh buat perancangan supaya perkara ini boleh di bahas dalam Dewan Rakyat dan caranya ialah untuk setiap rang undang-undang itu yang di bentang terima tanpa bahas supaya cepat urusan kerajaan habis, maka kita tidak ada lagi urusan kerajaan. Maka suka atau tidak suka automatik iaitu perkara yang pada hari ini, perkara 10 tidak silap saya akan menjadi perbahasan di kalangan kita, bukan yang ke 13 hari ini.

Itu permainan Ahli Parlimen, kalau mereka merasakan mahu membahaskan ini mereka boleh duduk bersama sebab kita hendak katakan bahawa ini pandangan Ahli-ahli Parlimen. Jadi, Ahli Parlimen boleh duduk runding *back-benchers* dan juga dengan Ketua Pembangkang, buatlah. Bila bentang rang undang-undang sepatutnya boleh lepas, baca, bentang lulus tetapi kita bahas sudah dua hari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Bahru.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab itu kalau kita betul-betul mahu membahas mesti Ahli Parlimen runding sama mereka. Bagaimana kita hendak pastikan supaya usul ini di bahas dengan bekerjasama di mana kita perhabiskan kerja urusan kerajaan. Bentang, terima tanpa bahas, bentang, terima tanpa bahas, barulah usul dia naik. Kalau tidak, tidak ada cara lain. Ya, Kota Bahru.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bahru]:** Terima kasih. Oleh kerana soal yang ada saya yang kemukakan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau kita bahas usul dalam Dewan ini mengikut kenyataan tadi, maka kita dianggap campur tangan dalam hal ehwal sesebuah negara lain tetapi hanya beberapa

minggu dahulu kita bahas soal Takbai di Dewan ini juga. Persoalan saya kepada menteri, apakah pada masa-masa hadapan kita tidak boleh kerana kita tidak mahu campur tangan mengemukakan usul-usul yang melibatkan kemanusiaan, hal-hal keselamatan kita sendiri.

Perkara yang kedua, adalah mustahil untuk Ahli-ahli Parlimen mengemukakan usul tanpa sokongan kerajaan. Yang Berhormat Menteri pun tahu soal ini kerana *standing orders* kita sedemikian rupa dan untuk kita semua meluluskan rang undang-undang untuk tidak dibahaskan supaya dapat usul tadi dibahaskan juga adalah satu tindakan kita yang tidak bertanggungjawab kerana setiap undang-undang, perkara perlu kita bahaskan.

Saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri bilakah ataupun bertanya, kalaulah kita terima hakikat bahawa ada perkara-perkara penting yang perlu kita bahaskan, yang dibawa oleh Ahli-ahli Parlimen dan kita juga mengetahui bahawa *standing orders* kita, *government business* bahawa tidak ada, tidak habis selalu.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa pada masa hadapan peluang-peluang diberi. Saya tahu government has back track on Myanmar. Itu sebab saya tidak mahu cerita tetapi untuk kepentingan dan maruah Parlimen sendiri apakah di masa-masa hadapan jika ada usul-usul yang sesuai kerajaan akan membenarkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua ada dua perkara yang perlu saya sebut di sini berkenaan dengan perbandingan yang dibuat oleh Yang Berhormat antara Takbai dengan Myanmar.

Pertamanya, kes Myanmar ini bukan soal perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara tindakan mereka terhadap hal-hal tertentulah. Kes-kes Myanmar ini sebenarnya kita bercakap tentang dia punya *validity of the government it self*, itu yang dikatakan sebagai campur tangan dalam kesahihan kerajaan itu sendiri sama ada betul, atau tidak betul tetapi ia kerajaan pada hari ini. Apa usul yang kita bawa pada hari ini ialah Kerajaan Malaysia kalau dia menyokong bermakna Kerajaan Malaysia mempersoalkan kesahihan Kerajaan Myanmar, itu yang dikatakan *interference*

Tetapi dalam soal Takbai, ini kita bukan persoalkan kesahihan Kerajaan Thai, kita mempertikaikan perkara yang dilakukan yang sebenarnya ada kaitan dengan kita, kerana sempadan dia dengan kita itu dekat. Apa juga yang berlaku di Takbai itu, akan menyebabkan apa yang dikatakan serpihan itu kita akan terima. Sebagai contoh, kita tengok di Togo hari ini, macam mana kerajaan di sana buat Togo. Tetapi kita tidak bincang di sini, sebab apa? Tidak ada keterlibatan Malaysia secara langsung dengan keadaan yang berlaku di Togo. Sebab itu kita tidak bincang bawa satu usul khas. Tetapi Takbai ini ia betul-betul sempadan negara kita kerana kalau apa-apa berlaku di sana, kita akan mendapat kesan dia, sebab itu kita boleh bincang kerana melibatkan secara langsung negara kita. Itu perbezaan dia, mengapa di Takbai kita boleh bangkit dan tidak menyatakan bahawa dia campur tangan hal Thailand kerana kita mempertikaikan kesahihan kerajaan itu, tetapi yang dipertikaikan ialah tindakan yang dibuat kepada sesuatu tempat yang di mana secara langsung akan melibatkan negara kita. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-pertua, penjelasan. Saya setujulah itu Takbai. Waris sepupu saya itu sebelah sungai sahaja tu. Saya tahu. Walau bagaimanapun kita nampak ada yang ketiga belas - usul Kota Bharu dan sebagainya, adakah Yang Berhormat sebagai Menteri sanggup menyokong usul ini dibahaskan pada besok ataupun lusa ataupun minggu depan. Minggu depan, bukan lusa. Esok atau minggu depan. Adakah Yang Berhormat sanggup menyokong usul ini dibahaskan?

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, minggu depan ada mesyuarat lagikah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mungkinlah kerana besok macam mana boleh habis kerana kita ada beberapa rang undang-undang lagi di sini. Sama ada akan disambung ataupun tidak mungkin semua rang undang-undang pada besok akan ditangguhkan, saya pun tidak tahu. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sanggup menyokong Usul No. 13 ini dibahaskan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-pertua, saya telah menyatakan pendirian kerajaan, iaitu bahawa kerajaan tidak mahu terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membawa satu usul yang boleh mempersoalkan kesahihan sebuah kerajaan yang lain. Ia tidak boleh. Saya Menteri,

saya kerajaanlah. Jadi sistem Parlimen kita, minggu depan tidak bolehlah, sebab esok kita last. Jadi, kalau kita banyak lagi soal urusan kerajaan belum habis, bermakna bahawa macam sistem di *Westminster* .....anggap sebagai matilah - melainkan kalau sekiranya dibangkit lagi dalam perjumpaan akan datang.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dapatlah bersimpati dengan kerajaan, tetapi adakah kerajaan cari satu cara di mana kita dapat menangani masalah kesahihan Kerajaan Myanmar ini. Oleh kerana ini adalah sesuatu kerajaan yang telah menidakkan hak rakyat di sana. Ahli-ahli Parlimen yang telah dipilih dihalau keluar, mereka ada *government-in-exile* dan kemungkinan besar satu hari nanti mereka dan rakyat di Myanmar akan menubuhkan satu kerajaan tanpa orang-orang yang memegang kuasa pada masa sekarang. Jadi kalaulah kita masih menyokong kerajaan yang ada pada hari ini, kemungkinan besar nanti apabila kerajaan baru ditubuhkan oleh rakyat di sana, kita tidak akan diberi muka oleh kerajaan yang baru itu. Jadi kita nanti rugi. Jadi penjelasan yang saya minta ialah, adakah kerajaan berusaha untuk cari cara lain untuk menangani masalah ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-pertua, sebab itu dalam apa-apa perkara sekalipun, kita ada bercakap dengan satu perkara iaitu *by fact or by right*. *De facto* atau *de jure.* Jadi memang *by right* kita semua tahu, itu bukan kerajaan yang dipilih rakyat. Tetapi *de facto government. De facto government* ialah kerajaan itu. Ya, kita boleh cakap apa sekali pun. Tetapi apabila kita hendak berurusan dengan negara itu, kita terpaksa berurusan dengan kerajaan, *de facto* **-** dia kerajaan. Tetapi *by right may be they are not suppose and not fit to be there,* dengan izin, sebab kita tahu ada pilihan raya. Tetapi apabila kita berurusan dengan kerajaan - kerajaan, suka tidak suka *de facto* - dia kerajaan. Tadi Yang Berhormat tanya apa cara kita? Kita sehingga hari ini masih lagi mempertahankan iaitu *constructive engagement*. Bermakna bahawa kita akan pujuk dia lagi dan saya rasa ada perkembangan yang baik,

yang mungkin akan berlaku, iaitu Myanmar sedar bahawa negara-negara jiran ASEAN sudah tidak sabar lagi.

Termasuk dengan ada usaha dalam Parlimen kita ini pun bagus. Mahu mempersoalkan mereka. Jadi saya rasa ini semua membantu kita, apa yang Ahli Parlimen lakukan itu membantu kita. Cuma sebab ada bantahan daripada Myanmar tentang penglibatan kerajaan. Jadi tidak boleh dalam dunia diplomatik sebuah kerajaan yang melakukan sesuatu untuk menghakiskan *erode the government of another country,* dengan izin. Walaupun *by right* dia tidak patut, tetapi *de facto,* dia kerajaan. *In reality*. Sebab itu kepada saya, saya tidak boleh hendak berjanji kepada Yang Berhormat Kota Bharu, iaitu bahawa ini akan dibincangkan. Ini terpulang kepada Ahli Parlimen. Yang Berhormat sudah tengok iaitu bahawa ada caranya. Betul Yang Berhormat kata, *then we will be seen as irresponsible*, kalau tidak bahas segala apa yang telah bentangkan. Jadi hendak buat macam mana? *Its up to the* MPslah. Kalau mereka merasakan ini jauh lebih penting lagi yang perlu dibahaskan, *so* dengan izin, *you have to sit down and talk among yourself*. Cuba untuk memastikan ianya boleh dibahaskan. Baru menampakkan betul-betul Ahli Parlimen semua setuju sehinggakan ada usaha menghabiskan urusan kerajaan hendak bahas itu. Itu MPlah punya hal. Ia boleh berlaku, kita tidak boleh buat apa-apa.

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, bolehkah kita balik kepada rang undang-undang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ok, saya hendak minta Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya memuji Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas pendirian, komitmen beliau kepada demokrasi di Myanmar, dan rela untuk memberi pandangan dan pendirian beliau sehingga nampaknya dipaksa untuk undur daripada para Menteri Kokus mengenai Myanmar. Bukankah ini satu perkembangan dan sungguhpun oleh kerana *World of Diplomacy.* Tetapi boleh dianggap bahawa Kerajaan Malaysia sudah tunduk, sudah benarkan ia *arm-twisted* oleh Junta Militer Myanmar dalam perkara yang patut. Sebenarnya Kerajaan Malaysia ambil satu pendirian yang lebih tegas, iaitu yang pertama. Kita rasa sangat kesal bahawa Yang Berhormat perlu undur satu perkara.

Kedua, mengenai cadangan Yang Berhormat Menteri mengenai satu cara untuk menyelesaikan masalah ini, di mana semua *government business* boleh dihabiskan, mungkin tanpa perbahasan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Bharu, ini akan dianggap tidak bertanggungjawab. Tetapi relakah Yang Berhormat Menteri tanpa melibatkan kerajaan dalam satu keputusan, tanpa melibatkan kerajaan di dalam satu keputusan Ahli-ahli Parlimen mengenai perkara ini. Tetapi terpulang kepada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang, Ahli-ahli Parlimen *Backbenchers* kita boleh bincang dalam perkara ini, tetapi kalau kita boleh dapat sampai satu persetujuan bahawa untuk esok, sehingga bukan sahaja *government business*, tetapi pun usul yang ketiga belas ialah mengenai Myanmar diselesaikan, bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan dan kalau perlu kita boleh panjangkan masa. Adakah Yang Berhormat Menteri akan hormat keputusan yang dibuat bukan oleh kerajaan, tetapi keputusan dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen *Backbenchers* dan pihak Pembangkang.

Kita boleh ada satu usul bahawa esok, Dewan tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan rasmi kerajaan dan usul Yang Berhormat bagi Kota Bharu boleh diselesaikan. Adakah Yang Berhormat Menteri rela bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dan hormat keputusan Ahli-ahli Parlimen tanpa melibatkan kerajaan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau Yang Berhormat suruh saya bekerjasama bermakna melibatkan kerajaan sebab saya Menteri. Jadi tidak boleh bekerjasama dengan saya, tidak boleh sebab saya Menteri. Sebab itu kalau hendak dibincangkan di kalangan Ahli Parlimen, saya tidak mahu tahu pun. Itu Perdana Menteri beritahu saya, serah kepada MP hal Myanmar ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehkah Yang Berhormat, saya minta selesaikan Akta ini dahulu?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hah, saya hendak selesaikan Akta ini dahulu, ini pun tidak habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, baik, tolonglah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baik, terima kasih. Jadi kita pergi kepada perkara-perkara yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjawab perkara yang dibangkitkan yang telah pun dicatatkan oleh pegawai-pegawai kerajaan,

yang telah pun mendapat penghormatan daripada Jerai sebentar tadi. Jerai pun sudah tidak ada, sudah balik.

Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membangkitkan isu kenaikan elaun Ahli Parlimen yang dikatakan tidak seberapa, itu bukan kerana kita tidak mahu. Saya hendak beritahu di sini bagi menjawab Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Rantau Panjang tidak ada di sini, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang kata tadi seolah-olah kita ini sombong atau apakah, sebenarnya saya hendak beritahu, perjumpaan di antara Ahli-ahli Parlimen dengan Perdana Menteri yang telah disebutkan oleh beliau sebentar tadi, perjumpaan itu ialah sebenarnya membincangkan perkara yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang iaitu *timing*. Memang dalam keadaan begini, Ahli-ahli Parlimen merasakan tidak apalah, kalau boleh tidak usahlah dahulu, itu yang saya hendak beritahu, itu yang dikatakan, memang kita prihatin. Ini mereka katakan dan sebab itulah Ahli-ahli Parlimen ini hendak berjumpa dengan Perdana Menteri iaitu supaya kalau boleh untuk Ahli-ahli Parlimen tidak payah naiklah. Jadi sebab itu kita jumpa Perdana Menteri.

Kemudian Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga mengatakan bahawa mengapa pegawai kerajaan naik, sekarang kita naik sudah terlambat. Bukan begitu, pegawai kerajaan, kenaikan gaji mereka itu boleh dibuat secara pentadbiran tetapi Ahli Parlimen, apa kenaikan, mesti dibawa sekarang. Sebenarnya gaji kita ini kalau mengikut pengumuman, naiknya pada bajet yang lepas, waktu keadaan sedang elok, tidak ada harga barang naik semua. Maknanya sepatutnya kita naik sekali gus tetapi kita tidak boleh. Kita kena bawa ke Dewan Rakyat sebab kita Ahli Dewan Rakyat, apa-apa hal pun mesti dibawa ke Dewan Rakyat untuk bersetuju dengan apa yang dicadangkan sebab kita tidak mahu dikontrol oleh mereka, dia boleh naik. Tetapi kita boleh buat keputusan sama ada mahu atau tidak mahu naik.

Sebab itu bagi pegawai kerajaan, umumnya pada bulan sembilan tahun lepas, tidak ada masalah, pada ketika itu orang pun tidak bising. Pada ketika itu juga patut kita punya naik, tetapi kita tidak boleh dilaksanakan sehingga kita bawa ke Dewan Rakyat. Kesempatan yang pertama untuk membentang rang undang-undang ini ialah pada tahun ini. Jadi *timing* itu bukan pilihan kita, *timing* itu berlaku kerana mengikut kehendak

Perlembagaan Negara Malaysia kita yang mana kalau tentang Ahli Parlimen, mesti bawa ke Dewan. Itulah penjelasan saya.

Jadi, Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga telah membangkitkan tentang masalah beban dan tanggungjawab sosial Ahli Parlimen seperti memberi bantuan kewangan kepada rakyat yang datang berjumpa dan lain-lain. Di sini eloklah saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kenaikan elaun Ahli Parlimen hanyalah sebanyak RM591.69 sahaja sebulan bagi Ahli Dewan Rakyat dan RM373.80 sebulan bagi Ahli Dewan Negara. Adalah diakui kenaikan ini tidaklah tinggi berbanding dengan beban dan tanggungjawab Ahli Parlimen yang semakin hari semakin mencabar bagi memenuhi *expectation* rakyat. Walau bagaimanapun, diharapkan dengan kenaikan ini dapatlah mengurangkan sedikit beban kewangan yang ditanggung oleh Ahli-ahli Parlimen. Untuk kemudahan juga, kita juga mesti ingat bahawa...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Nanti sekejap....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, Jerai baru masuk sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya pandang sana, saya tidak nampak, saya pandang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, pandang sini, tidak payah pandang sana.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, pandang Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak nampak, saya tidak nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, tidak nampak.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya Yang Berhormat, kalau naik tinggi sekalipun, maka macam pepatah katalah, kerak itu ikut periuk itu. Kalau besar periuk itu, besarlah dia punya kerak, ia tidak akan kehabisan. Kalau kita naik tinggi sekalipun, maka beban kita, *expectation* rakyat kita lagi tinggi, ya, mesti jadi begitu punya sebab kita semua tahu iaitu walaupun orang kata bukan kerja wakil rakyat untuk bagi duit kepada orang. Dia boleh bercakap macam itu sebab dia tidak jadi wakil rakyat, dia tidak tahu, dia tidak tahu.

Saya ada baca satu tulisan, ini *letters to editor.* Dia kata, “walaupun susah, bolehkah tidak wakil rakyat mengajar rakyat supaya tidak berbuat demikian?” Kita ajar, pilihan raya akan datang tidak menangkah? Betul tidak? Jadi dia ajar kita dalam pilihan raya akan datang, jadi yang ini saya kata, kalau tidak tahu jangan cakap. Biar orang ingat kita bodoh daripada kita tulis, kita cakap, *confirm* dia bodoh. Sudah tentu dia bodoh sebab dia tidak tahu, dia tidak pernah jadi wakil rakyat. Mana boleh orang datang ke rumah kita, tidak hulur sedikit. Mesti hulur, dia datang ke rumah dengan penuh *expectation*. Oleh sebab itu, tidak betul kalau orang kata itu bahawa kita yang salah. Cuba ajar rakyat jangan jadi begitu. Dia bolehlah cakap sebab dia tidak pernah bertanding. Tetapi bagi orang yang bertanding akan tahu apa padahnya yang akan berlaku kepada kita.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai bangun.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, nanti sekejap, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk, nanti sekejap.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi sebab itu, juga dalam Kertas Status 235/80, ia telah memperuntukkan bayaran khas sebanyak RM500 sebulan untuk tujuan perbelanjaan sosial tersebut seperti sumbangan menghadiri kenduri perkahwinan, kematian, bencana alam dan sebagainya. Kita ada elaun ini RM500, tetapi memang elaun RM500 ini sudah tentu kita bahagi kepada mereka. Tidak cukup dengan itu, gaji kita pun kita bagi, lebih daripada itu. Saya dengar rintihan ini bukan daripada Barisan Nasional, saya dengar daripada Bukit Bintang. Bukit Bintang pun dia terpaksa keluarkan RM10 ribu sebulan tetapi kita faham sebab dia wakil rakyat, kita tahu. Jadi sebab itu pada saya, ya, kita faham tetapi masalahnya tidak akan habis dengan kita memberi imbuhan yang tinggi kerana lagi tinggi imbuhan, lagi tinggi *expectation* rakyat, semua juga habis kepada rakyat. Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Cuma hendak rekod dalam Parlimen ini, pertamanya saya hendak bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, berterima kasih kepada kerajaan dan rakyat yang telah memberi kami, Ahli-ahli Parlimen sedikit tambahan pada gaji. Jadi insya-Allah, dengan pendapatan, rezeki yang dapat ini, mudah-mudahan duit ini juga akan kita belanjakan kepada rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hendak berucap atau hendak minta penjelasan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak bagi pandangan supaya ucapan saya ini pun diterima oleh semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah, Menteri memang pandai jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi Yang Berhormat..

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi ada satu anggapan, balik kepada ucapan Yang Berhormat tadi, mungkin Yang Berhormat bersetuju orang mengatakan bahawa sebagai wakil rakyat ini, dia ada pepatah, 'tersedu di hati, terlinangnya air mata, tersentaknya jiwa, tiada siapa yang tahu, hanya Allah Taala yang akan membalas budi dan baik kami wakil rakyat.' Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat, saya hendak menangis *[Ketawa]* Saya juga wakil rakyat, cukuplah.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap, sekejap. Sri Gading juga menyentuh mengenai elaun Ahli Parlimen yang rendah berbanding dengan negara-negara lain.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita tidak mampu mengikut elaun Ahli Parlimen Singapura dan Hong Kong kerana elaun mereka berdasarkan gaji sektor swasta. Elaun Ahli Parlimen yang terdapat dalam rang undang-undang ini adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan kerajaan pada masa kini. Tetapi walaupun

di Singapura mendapat tinggi Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita mereka ialah sebanyak...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...USD20,987 berbanding dengan KDNK negara kita sebanyak USD4,142.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menunjuk ke arah kebocoran air yang berlaku dalam Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu sudah diambil tindakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itulah sebabnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sedang diambil tindakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Singapura mampu memberikan elaun yang tinggi kepada Ahli Parlimen mereka. Tetapi perbelanjaannya pun tinggi juga, barang mahal di sana. Jadi perkara ini telah pun saya jawab semasa penggulungan perbahasan Titah Diraja pada 12 April 2005.

Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga telah membangkit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebelum itu, ada kebocoran di sini. Nanti banjir di sini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya punya *floor,* Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya sudah maklumkan, Yang Berhormat. Sudah diambil tindakan. Sudah diambil tindakan. Bocor, air turun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bocor di sini, banjir.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey, okey.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu tidak apalah.

**Tuan M. Kula Segaran:** Apa ini Parlimen?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Benda macam ini beritahu kepada bentara pun sudah cukup. Sebab ia bukan merupakan ..........

**Tuan M. Kula Segaran:** Sekarang jadi, sekarang jadi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia keluar beritahu bentaralah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah beritahu Menterilah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab kalau beritahu kepada saya pun, saya berucap di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri sedang jawab. Jangan kacau.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya sedang jawab. Itu jawapan sayalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Betul, betul.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau beritahu kepada saya, saya hendak pergi sana, saya hendak menjawab ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah beritahu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Beritahu kepada bentara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya sudah beritahu. Tindakan akan diambil.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** *Renovation* baru lagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kerana tidak ada sebahagian dalam ucapan ini. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minta masa sedikit daripada Yang Berhormat

Menteri kerana saya tidak diberikan peluang berucap tentang kita sebagai wakil rakyat ini. Kita dibebankan dengan dua tugas – tugas sebagai Ahli Parlimen dan dalam masa yang sama juga kita sebagai pegawai kebajikan masyarakat di kawasan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita mewarisi satu sistem demokrasi ala *Westminster* di mana kita *first pass the post* ataupun *winner takes all*. Ini sistem yang kita amalkan sekarang ini. Berdasarkan kepada rintihan Ahli-ahli Parlimen ini, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri.... saya tidak akan menggunakan suatu pendekatan pemaksaan ataupun terburu-buru, tidak. Jadi apakah kita pada tahap yang ada pada hari ini dengan kita menilai beban tugas Ahli Parlimen ini yang sepatutnya mereka ini menjadi *law maker,* kita sebagai *law maker* ini, adakah kita sampai tahap pada hari ini kita tidak mahu memikirkan suatu keadaan di mana kita mengguna pakai kaedah *proportional representation,* ini sebagai contoh.

Sebab New Zealand, sebagai contohnya, New Zealand yang dikatakan *more British than British*, dengan izin. Setelah hampir 40 tahun dengan sistem mereka itu, mereka hari ini mengkaji supaya Ahli-ahli Parlimen mereka ini, termasuklah kita pada hari ini kalau kita kaji, kita benar-benar duduk di sini sebagai Ahli Parlimen, sebagai *law maker* dan ini akan tidak menjadikan kita bertanggungjawab kepada kawasan. Jadi adakah kita bersedia untuk memikirkan ke arah itu?

Mungkin perkara ini tidak akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat, tetapi adakah pada tahap yang ada pada hari ini dengan beban tugas ini, saya merasakan telah sampai masanya kita memikirkan tentang kaedah *proportional representation* ini. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, ini akan melibatkan menukar *mindset* rakyat tetapi saya rasa itu agak sukar kerana *mindset* ini sudah pun begitu. Wakil rakyat ini bila sebut wakil rakyat, jadi kepada mereka, apa sahaja masalah dia carilah wakil dia. Apa sahaja, itu sudah menjadi *mindset.*

Kalau kita menukar cara ini yang telah pun kita laksanakan sejak kita merdeka, ini akan merupakan satu perkara yang mungkin menjadi *cultural shock*. Saya tidak fikir itu bahawa kita boleh beritahu kepada rakyat bila dia mari berjumpa kita, "Oh, *sorry*, saya *law maker*. Saya bukan kerja ini." Tetapi masalahnya, lima tahun kemudian datang pilihan raya dan mereka mengundi. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Dan kemudian

mereka akan mengundi mengikut apa yang mereka rasa. Kalau tidak puas hati, dia hukum kita.

Agak sukar sebenarnya saya rasa hendak ditukar sistem ini kerana saya rasa rakyat tidak akan boleh terima kalau kita hendak beritahu, “Eh, ini bukan kerja saya. Awak sudah pilih saya untuk saya menjadi penggubal undang-undang. Yang ini pergi cari DO.” Saya ingat susah, Yang Berhormat sebab dia kata, “Baiklah, kalau begitu tunggulah.” Jadi ini masalah. Masalah *real* yang di bawah. Jadi saya rasa agak sukar, Yang Berhormat, untuk kita hendak *implement* sistem *proportionate representation* dan kemudian menyatakan kepada rakyat, “Okey, mulai hari ini jangan ganggu aku lagi. Aku *law maker*. Tahu tidak *law maker*? Penggubal undang-undang. Bukan hendak jaga hal kamu.” Kalahlah jawabnya.

Kalau kita rakyat tidak payah pilih, tidak apa, jadi susah, Yang Berhormat. Kalau jadi Senator yang dilantik, itu lainlah, tidak apalah. Tetapi tidak boleh. Pada saya, saya rasa memang sukar...

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...untuk melaksanakan perkara ini. Kenapa Yang Berhormat bagi Puchong? Ya.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai elaun dan juga gaji Ahli Parlimen. Tadi Yang Berhormat kata taraf hidup dan pendapatan per kapita untuk kita kalau hendak dibandingkan dengan Hong Kong dan Singapore, maka kita akan mengikut satu kadar yang mengikut per kapita sesebuah negara. Tetapi pada masa yang sama saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah masa yang kita sebagai Ahli Parlimen yang tolong mencurah jasa kepada rakyat dan juga tenaga kita, bolehkah ini mengambil faktor-faktor sebagai satu perbandingan supaya elaun ataupun gaji Ahli Parlimen di masa hadapan bergantung pada, sebagai contoh, ada *report card*, apakah penilaian *performance* seseorang itu.

Bolehkah kita ambil faktor-faktor ini sebagai satu cara untuk memberikan penilaian sebab apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading memang

betul. Kita bekerja 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya rasa untuk kita hendak minta orang lain menilaikan kerja kita, tidak usahlah saya ingat. *[Disampuk]* Ini kita punya hal, kita tahu sendiri. Tidak usah kita ambil badan luar pula hendak buat rekod kita, tidak payah. Pada saya, kita mampu untuk menilai sendiri tentang apa yang perlu kita lakukan untuk menjadi seorang wakil rakyat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan kad Ahli Parlimen. Saya setuju. Sebagai Menteri jaga kebajikan juga, walaupun tidak diiktiraf oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, tidak apalah, saya jaga kepentingan ini juga. Saya mahu supaya kad Ahli-ahli Parlimen ini mesti dijadikan sebagai satu perkara yang mesti diiktiraf oleh semua jabatan. *[Tepuk]* Sebab kalau beritahu kepada saya, orang boleh buat palsu, IC pun orang palsukan, betul tidak? Kita dengar cerita macam-macam, *Mykad* pun orang palsukan juga.

Jadi jangan bagi alasan iaitu bahawa kad ini tidak boleh digunakan kerana dia tidak ada apa-apa makna, tidak boleh. Kad ini tidak boleh digunakan kerana ia boleh dipalsukan. Saya hendak beritahu, IC pun orang boleh palsukan. Jangan guna jawapan ini untuk menidakkan sebenarnya pengiktirafan yang mesti diberikan kepada wakil rakyat. Sebab itu saya akan beritahu kepada Ketua Setiausaha iaitu bahawa kad ini mesti diterima sebagai maknanya *identification*. Itu dia, *identification*. Sebab gambar kita ada.

Sebab gambar kita ada, gambar kita ada dan bukan itu sahaja. Sebenarnya ia memberitahu juga tarikh kuat kuasa kad itu sendiri, apa yang kita nak takut? Ahli Parlimen ada 219 orang, apa makna kita mengeluarkan satu kad kalau ia tidak ada apa-apa kepada orang lain. Jadi, yang ini saya hendak beritahu bahawa saya minta kepada KSN memberitahu kepada pegawai kerajaan ini boleh diterima kerana wakil rakyat sebenarnya, orang kalau hendak kira daripada segi boleh percaya, tidak boleh percaya memang kita boleh dipercaya, kalau tidak bagaimana rakyat bagi sokongan kepada kita.

Jadi, yang ini saya setuju dan saya akan memanjangkan perkara ini kepada KSN supaya dilaksanakan perkara ini. Cuma ada undang-undang yang menyatakan dokumen pengesahan hanya kad pengenalan, kalau ada undang-undang, kita akan

tengok. Kalau ada undang-undang, perlu pinda, kita pindalah untuk memberikan makna kepada kad.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun sambil menunjukkan kad]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong tunjuk kad.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mana lagi bocor? Tiada bocorlah. *[Sambil melihat keadaan Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan, dia hendak tunjuk kad dia.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, tunjuk kad, tidak apalah, sudah ada kad duduklah. Kita sokong kad ini, saya sebagai Ahli Parlimen, saya rasa kalau orang tak boleh terima macam Santubong, mana boleh tak terima, bukan tiada gambar, gambar ada. Sebenarnya nilai kad Ahli Parlimen itu lebih tinggi daripada MyKad, maknanya bukan semua boleh dapat, bukan semua boleh dapat Kad Ahli-ahli Parlimen. Jadi, sebab itu saya akan bangkitkan perkara ini dengan KSN, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis pukul 4, jadi saya tak boleh bagi jalan, minta maaf.

Beluran mengemukakan masalah tambang teksi. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut amalan yang biasa dilakukan bayaran tambang teksi dibuat berdasarkan resit sebenar yang dikemukakan kepada pihak pentadbiran Parlimen semasa menuntut elaun perjalanan kita. Bagi tuntutan tambang teksi yang tidak mengemukakan resit sebenar, bayaran dibuat berdasarkan kadar tambang teksi biasa dengan kadar yang munasabah di atas jarak perjalanan dari hotel ke bangunan Parlimen. Pihak pentadbiran Parlimen tidak pernah menetapkan kadar tuntutan teksi Ahli-ahli Parlimen kepada RM10 sahaja. Jadi, kalau kita *claim,* kita akan ikut jarak yang sebenarnya dan kalau ada resit lagi bagus, senang untuk dibereskan.

Beluran juga bangkit masalah pencen Ahli-ahli Parlimen yang pada masa ini hanya dibayar semasa mencapai usia 50 tahun. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 2 Jadual (1) kepada Akta Ahli Parlimen Saraan 1980,

*"menetapkan bahawa seseorang yang menjadi Ahli untuk pertama kalinya pada atau selepas 1 Julai 1990 akan hanya dibayar pencen apabila mencapai umur 50 tahun."*

Ini adalah bagi menjimatkan wang rakyat dalam kes Ahli yang berhenti semasa usianya yang masih muda. Perkara ini adalah serupa juga dengan kakitangan kerajaan yang dilantik sebelum 12 April 2001, di mana mereka yang bersara pilihan seawal umur 40 tahun hanya akan dibayar pencen pada umur 50 tahun. Manakala yang dilantik selepas tarikh ini akan dibayar pencen setelah berumur 55 tahun.

Jadi, kita kena jimatkan wang rakyat sebagai contoh banyak Ahli-ahli Parlimen kita yang muda di sini, Batu Gajah, saya percaya Bandar Kuching pun, kalaulah dalam pilihan raya yang akan datang mereka tidak bertanding mewakili parti dia, jadi kita kena tanggung. Walhal dia masih lagi produktif kerana kalau kita bayar pencen selepas dia berhenti saja, walhal dia masih muda, kita akan mengajar dia menjadi non produktif. Dia boleh kerja lagi jadi kerjalah dulu, bukan bermakna bahawa dia tidak boleh bekerja sebab itu saya rasa bahawa kita kena bagi pencen setelah kita mencapai usia 50 tahun untuk menjimatkan wang kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Muar yang telah mencelah mengenai kemudahan kereta api, kita Parlimen bukan kita bagi kad kereta api ini berdasarkan kepada sama ada kawasan Parlimen kita itu ada stesen kereta api atau tidak. Kita bagi mendasarkan kepada bermakna ini untuk perjalanan di mana sekalipun bagi memberi kemudahan kepada wakil rakyat untuk menjalankan tugas dia dan kita tidak mahu membeza-bezakan di antara Ahli-ahli Parlimen kita. Ia akan berlaku satu keadaan yang tidak baik di mana yang tidak dapat itu akan mempertikaikan, *"Kenapa pula aku tak dapat, dia dapat?"* Jadi untuk mengelak daripada suasana ini berlaku, bukan kerana kesilapan ataupun, dengan izin, *oversight* tapi sememangnya kita memberikan permit *free* ini, kad kereta api *free* ini ialah untuk kemudahan wakil rakyat untuk mereka berjalan ke mana sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kemaman mencelah mengenai isu moral, apakah patutnya kita membincangkan hal kita. Saya rasa hal kita, kitalah bincang. Walaupun di Amerika, dia kata, membincangkan untuk *term* yang akan datang tetapi *term* akan datang kita juga, serupa saja, ini cuma nak *whitewash*, *let us be*

*frank*lah, kita punya hal, dengan izin, *let us be frank,* kita punya hal kita bincanglah. Lagipun kita pun menyatakan kita mahu tentang kebebasan kita. Kita tidak mahu orang lain bincang hal kita, sebab itu saya rasa dalam hal ini, sistem yang ada sudah mencukupi dan menepati kehendak kita yang mana hal kita, kita bincang.

Hal orang lain, itu dia punya fasal tapi hal kita, kita mahu bincang sama kita, *we want to discuss,* sesama kitalah, saya rasa itu baik walaupun ada pandangan kata bincang untuk yang akan datang. Yang akan datang saya juga, Padang Rengas juga, Ipoh Timor juga, sama saja *so* ini tidak akan dapat menunjukkan seolah-olah moral kita lebih baik kalau kita bincang tentang hal *term* yang akan datang. Saya rasa itu cuma untuk mengaburi mata saja, dengan realiti, kita nak bincang hal kita, kita bincang hal kita sebab kita hendak bekerja ke arah kebebasan, *independents of the Parliament.*

Kinabatangan membangkitkan isu pelantikan pegawai penyelidik untuk Ahli Parlimen yang lewat dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, waran perjawatan bagi pelantikan Pegawai Penyelidik Gred 48, seramai 10 orang telah diserahkan kepada Jabatan Parlimen, tindakan pengisian sedang diambil oleh pihak Parlimen. Yang mengisinya kita bukan JPA. Kita rujuk kepada JPA kerana ini membangkitkan soal duit. Jadi, kalau wujud kemudian tidak ada membuat rujukan, nanti mana hendak datang duit ini sebab itu jawatan ini kita hendak kena tanya kepada dia supaya duit itu ada. Tapi bila mari untuk mengisi, kita bukan ambil arahan daripada JPA, dia kata, *"Okey, sekarang sudah wujud 10 jawatan, ini dia 10 orang hendak letak".* Tentang pengambilan, itu hak kita dan kita boleh bincang sesama kita, siapa yang kita hendak ambil. Kita kenalah beritahu kepada *Club of Parliament,* siapa-siapa, Ahli-ahli Parlimen bincanglah.

Tidak timbul masalah siapa yang lebih berkuasa sama ada Parlimen atau Jabatan Perkhidmatan Awam. Selagi kakitangan Jabatan Parlimen merupakan kakitangan kerajaan, maka pengambilan mereka hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kerana ia melibatkan gaji, satu. Kedua, pencen, kemudian hari kelak sebab orang ini akan dapat pencen, sebab itu kita kena bincang dengan JPA supaya mereka boleh menyediakan apa-apa perkara yang perlu yang diberi kepada mereka yang merupakan *research* kepada kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sama ada waran sudah dikeluarkan supaya jawatan *researchers* boleh diisi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya dimaklumkan bahawa dalam jawapan ini pun memang saya sebut waran telah pun dikeluarkan. Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen berbincanglah sesama sendiri macam mana hendak ambil, kita tahulah - selesa bekerja, *I think* dengan izin, *MPs should discuss among yourself* macam mana hendak ambil. Kita beritahu kepada *Clerk of Parliament* yang ini keputusan kita. *It's yours. You* punya *researcher* bincanglah baik-baik. Ketua Pembangkang boleh berbincang dengan *Back-Benchers* macam mana dari segi untuk mengambil, mungkin daripada sepuluh dua untuk Pembangkang dan lapan ... macam manalah. Berbincanglah Ahli-ahli Parlimen. Saya tidak mahu masuk campur *because* ini you punya *researcher* jangan benarkan kepada *Clerk of Parliament* pula membuat keputusan untuk kita. Jumpa awal-awal. Adakan satu pertemuan minda kemudian bagi tahu kepada *Clerk of Parliament.* Saya akan sokong apa sahaja yang dipersetujui oleh Pembangkang dan *Back-Benchers*, walaupun saya bukan penghulu kepada Ipoh Timor.

Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor telah membangkitkan mengenai peruntukan perkara 43 (9), 43A (4), 43B (5), Perlembagaan Persekutuan di mana menurut beliau gaji, elaun dan kemudahan anggota pentadbiran perlu diputuskan di Parlimen. Beliau juga mempersoalkan kenapa elaun dan kemudahan Ahli Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak dibahaskan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 43 (9) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

> "Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan saraan bagi anggota-anggota Jemaah Menteri."

Perkara 43A (4) Perlembagaan Persekutuan pula peruntukan bahawa:

> "Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Timbalan-Timbalan Menteri."

Perkara 43B (5) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa:

> "Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Setiausaha-Setiausaha Parlimen."

Peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan tersebut sebenarnya memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi saraan-saraan Ahli Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Berdasarkan kepada peruntukan tersebutlah diwujudkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, di mana gaji anggota pentadbiran disediakan di bawah Seksyen 6(1) akta tersebut, di mana Seksyen 6(1)(a) gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Seksyen 6(1)(b) gaji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Seksyen 6(1)(c) gaji Menteri, Seksyen 6(1)(d) gaji Timbalan Menteri dan Seksyen 6(1)(e) gaji Setiausaha Parlimen. Oleh itu apa yang diperuntukkan sekarang tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan elaun dan kemudahan anggota pentadbiran pula ia dibuat berdasarkan Seksyen 6(v) Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 yang memperuntukkan anggota pentadbiran adalah juga berhak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan lain mengikut apa-apa kadar dan atas apa-apa had dan syarat, sebagai mana ditentukan oleh Jemaah Menteri dari semasa ke semasa. Oleh itu jelas bahawa elaun dan keistimewaan bagi anggota pentadbiran diberi kuasa oleh Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ditentukan oleh Jemaah Menteri tanpa perlu dibawa ke Parlimen. Peruntukan tersebut juga tidak mewajibkan elaun dan keistimewaan anggota pentadbiran diumumkan kepada mana-mana pihak.

Ini berlainan dengan elaun dan kemudahan Ahli Parlimen yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 yang memperuntukkan bahawa selain dari elaun yang kena dibayar di bawah Seksyen 3 dan gaji, dan elaun yang kena dibayar di bawah Seksyen 4, orang-orang yang dinyatakan dalam seksyen-seksyen itu adalah juga berhak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan lain mengikut apa-apa kadar dan atas apa-apa had dan syarat sebagai mana diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Dan arahan sedemikian itu hendaklah dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

Seksyen 3 adalah mengenai Ahli Parlimen di mana Seksyen 4 pula adalah mengenai Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Dengan peruntukan tersebut elaun dan kemudahan Ahli Parlimen perlu dibentangkan sebagai kertas statut di Parlimen setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Selama ini kerajaan tidak pernah melanggar peruntukan tersebut

kerana kertas statut telah dibentangkan di Dewan ini apabila berlaku sebarang perubahan dalam elaun dan kemudahan Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timor juga membangkitkan soalan mengenai bilangan Yang Berhormat Menteri yang tidak hadir di Parlimen. Yang ini saya sudah menjawab banyak kali sewaktu saya menggulung dan juga menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saiz Kabinet itu juga terpulang kepada kita, negara lain boleh ada kecil tetapi itu terpulang sebenarnya mengikut keperluan dalam negara kita. Ipoh Timor juga membangkitkan berkenaan dengan perlunya Parlimen berfungsi untuk menyelesaikan masalah rakyat, isu-isu semasa yang berbangkit misalnya kekurangan bekalan diesel. Ya, kita bersetuju. Sebenarnya kita rasa bahawa Tuan Yang di-Pertua sememangnya memberi ruang yang banyak untuk menyelesaikan isu masalah. Tidak kiralah sama ada dibentangkan oleh Ahli Parlimen *Back-Benchers* atau Ahli Parlimen Pembangkang, seperti yang kita lihat pada hari ini pun pada jam 4.30 petang Yang Berhormat Kubang Kerian akan membawa perkara mengenai diesel.

Peruntukan pembangunan yang tidak diberikan kepada Pembangkang saya sudah banyak kali menjawab di mana jawapannya adalah sama. Ya, jawapannya sama. Kemudian Yang Berhormat Kinabatangan bercakap soal bilik ini semua, saya ingin menyatakan di sini bahawa kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat memberi cadangan untuk pertimbangan dan keputusan kerajaan. Keputusan ini pada 20hb April 2005 baru-baru ini. Saya telah lama membangkitkan perkara ini dan telah pun menjadi satu memorandum dan diputuskan, dan saya harap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua daripada *Back- Benchers* dan juga dari Pembangkang dapat memberikan kalau perlu ada *Select Committee* punya perjumpaan - buatlah cepat.

Saya difahamkan semalam *Back--Benchers* telah mengadakan perjumpaan mereka. Saya harap DAP, PAS dan juga KEADILAN, walaupun saya bukan penghulu tetapi tidak mengapa saya berjiwa besar. Walaupun saya bukan penghulu, saya akan terima baik pandangan mereka dan juga saya akan mengemukakan pandangan mereka tetapi PAS dan KEADILAN menganggap saya penghulu tidak mengapalah, cuma DAP.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia menganggap sebagai penghulu, anggap, anggap bukan saya penghulu – tidak, cuma menganggap sebagai penghulu. Saya mahu cepat. Ini telah pun saya maklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya cepat. Tak mengapalah. Kalau macam Ahli Parlimen ada tujuh, sana ada empat orang kumpul, sekurang-kurang bagi input apa yang ada mereka rasakan sebagai Ahli Parlimen yang perlu kita putuskan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil dalam perbahasan ini dan sebenarnya menyokong dan tidak menolak .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading apa nak tanya lagi?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak apalah dia 'diesel' nak mati susah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Diesel habis. Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab apa yang dibangkitkan dan dibahaskan dalam Dewan ini, cuma saya ingin hendak bertanya. Ini penggal yang kedua saya di Parlimen ini. Pagi tadi Speaker mengeluarkan *ruling* yang macam-macam sebelum soal jawab. Itu tak boleh ini tak boleh macam semua tak boleh. Setahu saya Datuk Speaker yang duduk di atas ini senang sahaja. Kalau kami melanggar peraturan suruh berhenti habislah. Itulah kuasa Speaker, walaupun Speaker tidak boleh bercakap, tetapi dia hak memberhentikan. Kerana soalan mesti hendak soal yang berkaitan dengan nasional. Hai! kami orang politik, maka saya kena tanya hal ehwal Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah Yang Berhormat ambil kesempatan berucap?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini bertanya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, bertanya ya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yalah Tuan Yang di-Pertua jugalah ini. *[Ketawa]* Saya juga kena bawa perkara-perkara yang besar bagi orang Sri Gading walaupun tidak besar di peringkat Padang Rengas, benda itu tidak penting tetapi penting bagi Parlimen Seri Gading. Macam juga perkara besar di Padang Rengas, mungkin tidak penting bagi Seri Gading, jadi soalan itu mestilah, kata ada soalan lisan dan soalan bertulis. Menteri agaknya dia hendak soalan itu naik, jadi dia jawablah. Kalau cerita mengenai jambatan, okeylah soal jambatan katalah dekat Tumpat masalah jambatannya. Menteri jawab jambatan Tumpat tetapi saya pun ada masalah jambatan, saya bangunlah juga. Tidaklah bermakna soalan saya tidak berkait, betullah bukan di Tumpat tetapi di Seri Gading tetapi soal jambatan dan soal kementerian. Jadi kalau disekat-sekat tutup sahajalah Parlimen, tutup sahaja Parlimen, Yang Berhormat. Kalau banyak sangat Speaker, kenapa Speaker takut sangat kami hendak bercakap? Itu tidak boleh, ini tidak boleh, saya rasa berilah kebebasan macam sudah sedia ada ini, tidak menjadi masalah. Itulah hendak tengok kelayakan Speaker pula, handal atau tidak handal engkau duduk dekat atas itu.

Macam Tuan Yang di-Pertua ini memang handallah sebab itu dia benar saya bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat jangan ampu. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, pagi tadi saya hendak bangun Tuan Yang di-Pertua tetapi saya tidak hendaklah bertikam lidah dengan Speaker, akhirnya saya juga kalah, saya tahulah, dia akan gunakan kuasanya. Macam Yang Berhormat ini, Yang Berhormat boleh gunakan kuasa, duduklah saya, ini peraturan…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Maknanya saya minta kebebasan Yang Berhormat Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini, kami jangan diajar macam budak-budak sekolah. Kami bukan budak sekolah, kami boleh ditunjukkan ke kanan, ke kiri, *no way man*, kata orang Jawa. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tiba-tiba pula........

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Macam saya datang daripada Jawalah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bila belajar Inggeris?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yalah, saya kata macam orang Jawa kata No Way, Tuan Yang di-Pertua faham atau tidak faham itu terpulang pada Tuan Yang di-Pertualah. Jangan ajar kamilah, kami pemimpin Tuan Yang di-Pertua, kami orang politik dan kami ada beban politik. Kalau kami tidak suarakan masalah-masalah rakyat yang berkaitan dengan politik hancur Barisan Nasional. Kami datang ke sini untuk mempertahankan kuasa Barisan Nasional!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan marahlah Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan Speaker main cakap sedap mulut dia sahaja, sedap mulut kami macam mana? Ooh! *[Ketawa]* Ooh!

**Beberapa ahli:** Ooh!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Minta maaf, saya minta ampun dan maaf kerana saya suarakan perkara ini. Ramai kawan-kawan bercakap di luar tadi tetapi mereka tidak hendak cakaplah, macam Yang Berhormat katalah tadi. Saya sampaikan, tidak apalah nak jadi mangsa, mangsa sayalah tetapi belum tentu saya yang menjadi mangsa Ooh! *[Ketawa]* Tolong, tolong kebebasan Ahli Yang Berhormat dipilih oleh rakyat dan mandat rakyat kami datang ke sini. Tanpa mandat rakyat kami tidak datang ke sini, jangan ada orang hendak ajar kami itu dan ini, kalau kami melanggar peraturan tolong berhentikan kami bercakap, selesai masalah. You ada kuasa Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, eh you tidak boleh ya! Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ada kuasa. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri saya melahirkan rasa kurang senang kami kalau Speaker boleh keluarkan rasanya, kami tidak boleh keluarkan rasakah? Kita sama-sama ada rasa, siapa punya rasa kita tidak tahu lagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Lumrah hidup ini, buaya tidak pernah jadi mangsa ya. Orang lain jadi mangsa, jadi Yang Berhormat kebal, jangan

takut. Saya percaya apa yang telah diluahkan perasaan Yang Berhormat dari Seri Gading telah pun dicatat dalam *Hansard* dan saya berjanji bahawa oleh kerana saya dianggap sebagai penghulu………

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri ya!

**Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Anggap, anggap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri yang bertanggungjawab.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Menteri dah sah, saya menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Penghulu dekat mukim.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Penghulu itu dianggap, anggap sahaja, bukannya apa, anggap sahaja. Walaupun Ipoh Timor tidak menganggap sayalah tetapi okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apalah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tetapi tidak apa, saya akan bangkit perkara ini, bawa *Hansard*, saya akan beritahu kepada Speaker untuk menyatakan perasaan Ahli-ahli Parlimen kita…..

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Boleh, boleh, boleh, saya beri kawan lama saya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri dan terima kasih di atas banyak hujah dan penggulungan yang kita dengar tadi. Sering kali dalam pertelingkahan kita dalam Dewan ini kita merujuk kepada Peraturan Mesyuarat, kita merujuk kepada Perlembagaan dan tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang merujuk kepada Akta Parlimen dan Yang Berhormat sendiri pun merujuk kepada akta-akta dan statut-statut. Kalau kita perhatikan di dewan-dewan parlimen dan negara-negara lain khususnya negara-negara Komanwel biasanya di tengah-tengah dewan ini ada buku-buku, kitab-

kitab dan undang-undang dan sebagainya diletakkan di tengah ini. Mungkinkah satu idea yang baik untuk kita menetapkan bahawa di dalam Dewan kita ini*......*

*[Yang Berhormat Kepong baru sahaja masuk ke Dewan dan mencari tempat duduknya kerana di halang oleh Yang Berhormat Tumpat yang sedang berucap]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong, boleh duduk di sebelah sana? *[Ketawa]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** ....disediakan naskhah-naskhah Perlembagaan, naskhah-naskhah Peraturan-peraturan Mesyuarat, naskhah-naskhah atau statut-statut yang berkaitan dan mungkin *Hansard* yang mutakhir, *Hansard* yang seminggu atau dua minggu supaya jika ada pertelingkahan, kita ada rujukan yang sedia ada, jangan kita mencari-cari ataupun di ketika itu juga masing-masing mencari buku masing-masing untuk dijadikan rujukan supaya ada buku rujukan yang tetap, yang menjadi hiasan dan yang ada peranan yang praktikal dalam kita berbahas di dalam Dewan ini, sebagai satu cadangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Kepong boleh balik ke tempat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tumpat kerana Tumpat juga menganggap saya sebagai Penghulu dan saya akan ambil tindakan terhadap cadangan yang baik dari Tumpat itu. Ya, Sri Aman sila, Sri Aman ada buaya kah? *[Ketawa]*

**Tuan Jimmy Donald:** Ada, Tsunami pun ada di Sri Aman. Yang Berhormat Menteri, satu kenyataan Yang Berhormat Tan Sri Speaker pada pagi tadi yang saya rasa tidak dapat saya terima. Kata beliau kalau saya bertanya soalan yang spesifik, saya tidak usah membuat pertanyaan tambahan. Kalau saya menyoal tentang jambatan di Borneo Highway, berapa buah jambatan yang sudah runtuh. Memang saya boleh membuat dua, tiga kali pertanyaan mengapa runtuh, adakah sebab kecuaian atau pun apa-apa ribut ataupun *engineer* tidak lulus semasa peperiksaan tadi. Jadi saya rasa saya tidak dapat menerima ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri bukan penghulu, saya anggap sebagai menteri berbincang semula dengan Yang Berhormat Speaker supaya *ruling* ini janganlah kita berpandu kepada ruling ini. Saya tidak dapat terima *ruling* yang seperti ini, sekian.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ini yang terakhir ya memang Yang Berhormat punya pandangan ini dicatat dalam *Hansard*, seperti mana yang telah saya nyatakan saya akan bawa perkara ini kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa*****]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Rang Undang-Undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-Undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN (PINDAAN) 2005**
**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.21 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1983, Akta 275 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sekuriti kerajaan berprinsipkan Islam dikeluarkan mengikut peruntukan di bawah Akta Pelaburan Kerajaan 1983 ataupun APK. Akta ini merupakan akta yang membolehkan kerajaan menerbitkan terbitan pelaburan kerajaan ataupun TPK iaitu sekuriti yang berlandaskan konsep syariah untuk membolehkan institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam melabur dalam sekuriti berdasarkan konsep syariah. Ini adalah kerana, institusi perbankan dan kewangan Islam tidak boleh terlibat dalam aktiviti pelaburan yang mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan syariah seperti riba, untung bunga dan faedah, ‘garar’ ataupun ketidaktentuan atau ‘marsil’ perjudian seperti yang terdapat dalam instrumen-instrumen kewangan konvensional.

Pada masa kini, TPK dikeluarkan menurut konsep ‘baal inah’ ataupun jualan dan belian semula, di mana kerajaan menjual asetnya kepada pelabur dan pelabur dikehendaki membayar secara tunai dan kerajaan selepas itu akan membeli semula aset tersebut pada harga yang lebih tinggi dengan bayaran dibuat pada masa hadapan. Dengan itu, TPK mempunyai instrumen kewangan tanpa kupon yang boleh diperdagangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2004, kerajaan telah menerbitkan sejumlah RM185 bilion kertas-kertas kerajaan di pasaran tempatan yang mana RM9.1 bilion daripadanya adalah sekuriti Islam. Namun begitu, jumlah ini hanya mewakili 4.9% daripada keseluruhan sekuriti kerajaan. Jumlah ini adalah amat kecil bagi memenuhi keperluan pelabur yang memerlukan sekuriti Islam. Keadaan ini menjejaskan usaha kerajaan untuk menjadikan pasaran kewangan Islam sekurang-kurangnya setaraf

dengan pasaran konvensional. Antara penghalang utama kepada usaha ini ialah ketiadaan rangka kerja perundangan yang komprehensif bagi membolehkan penerbitan dan penawaran instrumen-instrumen pelaburan dengan jangka matang yang berbagai-bagai dan selaras dengan konsep syariah yang boleh dipelbagaikan secara *inflexible* bagi memenuhi keperluan pasaran.

Berdasarkan perundangan sedia ada, adalah jelas bahawa masih belum ada rangka kerja perundangan yang khusus bagi membolehkan penerbitan sekuriti Islam jangka pendek. Dengan sebab itu, sekuriti Islam oleh kerajaan yang terdapat di pasaran pada masa ini hanya terdiri daripada jangka sederhana dan panjang sahaja. Bagi menangani masalah ini, usaha-usaha perlu dibuat bagi meminda rangka kerja perundangan sedia ada bagi membolehkan penerbitan sekuriti Islam secara lebih fleksibel. Pelaksanaan usaha tersebut tadi memerlukan sokongan perundangan yang mantap. Oleh yang demikian, Akta Pelaburan Kerajaan (APK) perlu dipinda dan dikemaskinikan dengan sewajarnya bertujuan antar lain adalah seperti berikut.

(i) bagi membolehkan kerajaan menerbitkan instrumen kewangan dengan pelbagai tempoh matang, terutamanya instrumen jangka pendek;

(ii) menjadikan struktur dan mekanisme penerbitan instrumen Islam yang lebih fleksibel;

(iii) bagi mewujudkan suatu sumber rujukan prinsip-prinsip syariah yang formal, dan

(iv) pembaharuan-pembaharuan yang mengambil kira amalan-amalan masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, instrumen-instrumen Islam jangka pendek, sederhana dan panjang adalah perlu bagi menyediakan lebih banyak instrumen-instrumen kewangan di pasaran, terutamanya kepada pelabur yang memilih pelaburan Islam. Kepelbagaian pilihan instrumen pelaburan yang menepati syariah adalah penting bagi pembangunan pasaran modal di Malaysia. Oleh kerana peruntukan APK sedia ada hanya membenarkan kerajaan untuk menerbitkan instrumen-instrumen Islam jangka sederhana dan panjang sahaja, adalah dicadangkan supaya APK dipinda bagi membolehkan

penerbitan instrumen-instrumen Islam dalam pelbagai tempoh matang, terutamanya bagi tempoh matang yang kurang dari satu tahun.

Pasaran wang dan modal Islam sedang mengalami perkembangan yang pesat. Dengan itu, rangka kerja perundangan yang fleksibel adalah penting untuk pembangunan pasaran, menggalakkan inovasi struktur dan mekanisme instrumen pada masa hadapan. APK telah digubal untuk kaedah transaksi yang spesifik iaitu penerimaan pelaburan dan pembayaran dividen bagi menggalakkan kaedah pinjaman yang melibatkan riba. Walau bagaimanapun, ia tidak mengambil kira penerbitan instrumen berdasarkan prinsip syariah, melibatkan transaksi sewaan, 'ijarah', perkongsian keuntungan, musyarakah, pemberian hadiah, hiba atau lain-lain transaksi yang boleh digunakan pada masa hadapan.

Bagi membolehkan perkembangan dan pembangunan pasaran wang dan modal Islam pada masa hadapan, adalah dicadangkan supaya instrumen berlandaskan prinsip syariah yang berdasarkan transaksi tersebut dimasukkan ke dalam akta ini untuk memberi kan fleksibiliti kepada kerajaan untuk menerbitkan pelbagai sekuriti berdasarkan prinsip syariah.

Rujukan status kepada satu sumber yang diiktiraf bagi prinsip-prinsip syariah adalah penting bagi menyediakan satu sumber rujukan pematuhan syariah dalam penerbitan sekuriti-sekuriti Islam pada masa hadapan. Pengiktirafan satu badan tunggal ke atas prinsip-prinsip syariah dalam APK adalah amat penting untuk memastikan keseragaman serta meningkatkan keyakinan terhadap integriti instrumen Islam di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun infrastruktur bagi sumber-sumber menunjukkan prinsip-prinsip syariah yang diiktiraf telah pun wujud dan tertubuhnya Majlis Penasihat Syariah pada tahun 1997 yang mana ahli-ahli dilantik oleh Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia. AKPK sekarang tidak merujuk kepada mana-mana prinsip syariah tertentu kerana ketiadaan rangka kerja syariah yang menyeluruh untuk penerbitan sekuriti-sekuriti Islam. MPS ditubuhkan untuk bertindak sebagai badan penasihat syariah yang tunggal dengan objektif utamanya seperti berikut:

(i) menasihati Bank Negara dan institusi-institusi kewangan Islam dalam operasi perbankan Islam dan Takaful;

(ii) menyelaras isu-isu syariah dalam perbankan Islam dan Takaful, dan

(iii) menganalisis serta menilai aspek-aspek syariah dalam produk atau skim baru yang dilancarkan oleh institusi-institusi perbankan dan syarikat Takaful.

Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan Setiausaha Parlimen APK dipinda supaya instrumen-instrumen yang dikeluarkan berdasarkan prinsip-prinsip syariah mestilah diluluskan oleh MPS. Ini akan memberi keseragaman dan meningkatkan integriti pasaran kewangan Islam.

Dengan pelaksanaan beberapa sistem elektronik yang canggih seperti *fully automated system for issuing and tendering fast* atau *Real Time Electronic Transfer Of Fund And Security (RENTAS)*. Transaksi-transaksi tidak lagi berdasarkan dokumen fizikal di mana pada masa yang lepas. Notis dan resit dalam bentuk dokumen, fizikal sudah tidak diperlukan lagi pada masa sekarang. Sebaliknya, peruntukan sedia ada di bawah APK masih mengekalkan peruntukan-peruntukan berhubung transaksi berasaskan dokumen fizikal. Oleh itu, dicadangkan supaya beberapa keperluan dan prosedur yang tidak lagi diguna pakai pada masa ini tetapi masih terdapat dalam APK dimansuhkan selaraskan dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, secara terperinci fasal-fasal yang dicadangkan dalam cadangan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang APK, Akta 275 bagi mencerminkan tujuan akta yang dicadangkan, yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk menerbitkan instrumen-instrumen Islam menurut pelbagai prinsip syariah dan untuk tempoh matang berlainan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 1 bagi menamakan semula Akta 275 sebagai Akta Pendanaan Kerajaan 1983.

Fasal-fasal 4, 10, 14, 15, 16 dan 17 bertujuan meminda Akta 275 bagi mencerminkan amalan terkini dalam dagangan dan pindaan instrumen-instrumen Islam yang dikeluarkan oleh kerajaan di bawah sistem tanpa skrip.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 2 bagi memotong takrif resit makluman status dan penyata bulanan status dan seterusnya memperkenalkan beberapa takrif baru seperti instrumen pemberitahuan dan Majlis Penasihat Syariah.

Fasal 6 bertujuan memperkenalkan seksyen 2A supaya mana-mana instrumen yang dikeluarkan di bawah akta ini dalam pendidikan selaras dengan pemakaian prinsip-prinsip syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 3 untuk membolehkan kerajaan mewujudkan dan menyediakan instrumen dan menerima wang atau menerima pelaburan di Malaysia dengan pengaturan tertentu dengan memasuki mana-mana transaksi dengan mana-mana orang dan dengan membuat dan menerbitkan mana-mana instrumen yang disifatkan perlu oleh menteri.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 5 bagi membolehkan penerbitan instrumen jangka pendek, sederhana dan panjang di bawah pindaan akta yang dicadangkan.

Fasal 9 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen 5A bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menentukan terma dan syarat bagi instrumen atau pembayaran bagi setiap instrumen yang diterbitkan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 8 bagi memperuntukkan pembayaran pulangan ke atas instrumen Islam yang diterbitkan oleh kerajaan di bawah mana-mana konsep yang dibenarkan oleh syariah.

Fasal 12 dan 13 bertujuan untuk meminda seksyen 9A dan 9B masing-masing bagi membolehkan pembayaran instrumen yang dikeluarkan di bawah Akta 275 dilakukan mengikut terma dan syarat-syarat instrumen tersebut dan Fasal 18 bertujuan untuk memperuntukkan sebarang rujukan kepada Akta Pelaburan Kerajaan 1983 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Akta Pendanaan Kerajaan 1983 selepas akta yang dijalankan ini dikuatkuasakan.

Perlaksanaan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 tidak akan melibatkan kos tambahan kepada kerajaan sebaliknya ia akan menyediakan satu

rangka perundangan yang lengkap bagi membolehkan kerajaan memperluaskan instrumen pelaburan secara Islam melalui penerbitan sekuriti-sekuriti Islam jangka pendek, sederhana, atau panjang mengikut konsep-konsep yang bersesuaian.

Pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan matlamat kerajaan bagi menggalakkan kemajuan sistem perbankan dan kewangan Islam terutamanya dalam aspek sekuriti Islam kerajaan. Pindaan akan membolehkan kerajaan memainkan peranan yang lebih berkesan untuk menerbitkan sekuriti Islam berjangka pendek, sederhana atau panjang. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa permintaan yang tinggi terhadap sekuriti Islam kerajaan dalam pasaran wang antara bank dapat dipenuhi. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Silakan, Yang Berhormat bagi Tumpat.

**16.16 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlibat sedikit dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1983. Sebagaimana yang saya sering sebutkan dalam perbahasan berkaitan dengan Rang Undang-undang seperti ini, kami menyokong ini adalah pendirian PAS yang konsisten daripada dahulu lagi bahawa jika ada tindakan-tindakan, dasar-dasar, pindaan-pindaan yang memberikan perubahan kepada negara, masyarakat melalui undang-undang dalam Parlimen yang memberikan tempat yang sesuai, baik kepada perlaksanaan amalan Islam maka ianya kami sokong.

Oleh sebab itu sokongan ini diikuti dengan amalan sebagaimana yang berlaku tindakan kerajaan negeri Kelantan apabila ianya memerintah semula dalam tahun 1990 mengarahkan segala simpanan kerajaan negeri dipindahkan daripada bank-bank biasa kepada bank Islam yang baru diwujudkan ketika itu. Ini pendirian dan amalan yang jelas yang dilakukan oleh kerajaan yang dikuasai oleh parti PAS dan oleh sebab itu janganlah

sekali-kali kita melihat bahawa PAS atau kerajaan PAS di Kelantan adalah merupakan halangan kepada tindakan amalan pembangunan ekonomi negara ini.

Ini saya fikir perlu saya jelaskan sebab sering kali pemimpin-pemimpin kerajaan Barisan Nasional agak terlalu gemar untuk mengaitkan PAS dengan keburukan-keburukan dan halangan-halangan kepada pembangunan negara. Baru-baru ini berlaku wabak demam kepialu di Kelantan. Kita mengetahui bahawa Yang Amat Berhomat Menteri Besar Kelantan awal-awal lagi menegur rakyatnya bahawa amalan kotor dari segi fizikalnya mestilah dikurangkan atau dihapuskan langsung dan mulakan lah amalan-amalan bersih untuk kita mengelak daripada terkena penyakit seperti demam kepialu itu.

Itu suatu pengakuan dan arahan yang beliau buat selaku Menteri Besar sebuah negeri yang mana penyakit itu mula merebak. Pergi pula Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, beliau menambah lagi dan mengkritik lagi bukan sahaja rakyat kotor, kerajaan negeri tidak bertanggungjawab membenarkan amalan kotor inilah sebabnya dia kata Kelantan kena demam kepialu. Dua, tiga hari selepas apa yang beliau sebut kan di Kedah pula meletup penyakit kaki, mulut dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Dan hari ini dalam akhbar pula disebutkan di Negeri Sembilan pula mula ada penyakit kaki dan mulut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat cakap ada kena mengena dengan Akta Pelaburan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya, saya hendak bayangkan bahawa pendirian kami tentang dasar-dasar yang baik daripada mana-mana pihak pun kami sokong dan ini sebagai contoh bahawa amalan yang sama kita harapkan daripada pihak-pihak yang lain supaya jangan membuat satu jaringan gol politik, *making political score points* daripada pergolakan yang mana susah untuk kita hanya khususkan kelemahan itu kepada Kelantan sahaja seperti contohnya dalam kes penyakit-penyakit yang merebak hari ini.

Surat khabar hari ini melaporkan di Negeri Sembilan pula sudah ada tanda-tanda dua, tiga orang anak-anak kita yang terkena penyakit yang disyaki demam kepialu. Jadi

marilah kita mempunyai semangat membangunkan negara dan dalam semangat ini lah yang saya awal-awal lagi sebutkan oleh kerana kita dapati ianya baik untuk negara kita akan menyokongnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan sebagaimana yang saya juga kerap sebutkan apabila kita membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem kewangan Islam. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyentuh tadi tentang penubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS) dan hasrat untuk menyeragamkan prinsip-prinsip kewangan Islam melalui penubuhan majlis ini dan melalui pandangan-pandangan dan keputusan-keputusannya.

Saya sebutkan bahawa yang pentingnya juga ialah bukan sekadar penentuan prinsip syariah menurut Islam dan bidang kewangan dalam negara kita sahaja. Yang saya sebutkan daripada dahulu lagi ialah bahawa yang kita perlu beri keutamaan ialah untuk mendapatkan penentuan dan untuk membuat penyelarasan prinsip-prinsip kewangan Islam untuk seluruh dunia.

Saya sebutkan dahulu bahawa satu perkara yang saya dimaklumkan ialah bahawa prinsip-prinsip kewangan yang dipersetujui, yang diamalkan di Malaysia ini, yang secara umumnya dilaksanakan di negara kita ini tidak mendapat pengesahan dan penerimaan oleh pengamal-pengamal syariah Islam dalam bidang kewangan di Timur Tengah terutamanya.

Oleh sebab itu dunia Arab yang berhasrat terutamanya selepas peristiwa 11 September 2001 hendak melaburkan ribuan juta dolar Amerika yang mereka ada di Timur Tengah hari ini, terutama sekali akhir-akhir ini pula dengan harga petroleum naik sehingga melebihi USD50 satu tan. Maka wang minyak petrol dolar, petrol *money* yang sebegitu besar jumlahnya yang agak besar daripadanya tidak mahu mereka laburkan di Barat terutama sekali Amerika selepas peristiwa 11 September itu hendak mereka laburkan di sebelah Timur khususnya hendak mereka laburkan dalam pasaran dan sistem kewangan Islam tetapi oleh kerana tidak ada penyelarasan prinsip-prinsip kewangan Islam antara Malaysia yang mereka perhatikan, yang mereka hasrat untuk laburkan tetapi oleh kerana tidak ada penyelarasan maka prinsip-prinsip tertentu

kewangan Islam yang diamalkan di Malaysia ini, saya difahamkan tidak dapat diterima oleh pelabur-pelabur atau tuan punya dana-dana yang terdapat di Timur Tengah itu.

Oleh sebab itu wang Arab, *Islamic money* ini tidak datang ke Malaysia yang sepatutnya yang kita boleh memanfaatkannya jika kita mengamalkan prinsip-prinsip syariah kewangan Islam sebagaimana yang diselaraskan di seluruh dunia. Apatah lagi kita sekarang ini sebagai Pengerusi OIC Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa oleh kerana kita adalah Pengerusi OIC dan OIC ada cabang kewangannya, perbankannya dalam bentuk *Islamic development* bank itu kita seharusnya menggunakan kedudukan kita, jawatan kita dalam medan antarabangsa, dalam dunia Islam ini untuk mempengaruhi dan menggerakkan, gerakkan supaya diselaraskan sistem kewangan Islam ini bukan sekadar untuk negara Malaysia tetapi untuk seluruh dunia Islam

Saya ingin merayu sekali lagi kepada pihak kementerian supaya memikirkan bagaimana dan menggerakkan supaya ada usaha-usaha untuk menyelaraskan sistem kewangan bagi seluruh dunia Islam ini melalui kedudukan dan jawatan kita dalam OIC sebagai negara yang mempengerusikan OIC.

Tuan Yang di-Pertua kita juga dalam negara kita ada bank-bank Islam ada yang awalnya sebagaimana saya sebutkan tadi BIMB dan kemudiannya akhir-akhir ini Bank Muamalat kemudian akhir-akhir ini pula diumumkan wujudnya bank-bank Islam yang baru saya fikir empat jumlahnya termasuklah RHB, termasuklah bank-bank lain yang sedia ada yang besar-besar dibenarkan dan diberikan lesen dan dilancarkan bank-bank Islam baru. Saya yakin bank-bank Islam yang baru ini akan turut terlibat dalam membantu kerajaan dalam melaksanakan cita-cita kerajaan untuk mewujudkan sekuriti-sekuriti Islam ini melalui peranan mereka sebagai pengurus atau *managers* kepada pengeluaran sekuriti-sekuriti yang kerajaan hendak lakukan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian bahawa dahulunya kerajaan mempunyai dasar untuk mengkonsolidasikan bank-bank dalam negara kita ini kepada angka jumlah bank-bank yang agak terhad jumlahnya. Akhir-akhir ini dasar itu nampaknya tidak lagi diutamakan sangat malah bank-bank baru, lesen-lesen baru dengan agak mudah dibuka semula walaupun kami menyokongnya sebagai bank-bank Islam tetapi nampaknya pelancarannya dilakukan tanpa persiapan yang begitu teliti.

Walhal semalam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga apabila disoal oleh Ahli-ahli khususnya daripada *back-benchers* berkenaan dengan kenapa bank KPS ini tidak dilancarkan walaupun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah hampir setahun. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa mengambil masa untuk kita mewujudkan sesuatu bank tetapi dalam masa yang sama kita agak terlalu mudah untuk melancarkan, merasmikan bank-bank Islam yang baru ini walaupun pada prinsipnya saya bersetuju tetapi saya hanya sekadar ingin bertanya bahawa kita benar-benar yakin bahawa pelancaran bank-bank Islam yang baru ini adalah pelancaran-pelancaran yang diikuti dengan pelaksanaan yang baik, diikuti dengan pembukaan cawangan-cawangan bank-bank ini ke seluruh negara dengan cara yang cepat supaya jangan ada lagi soalan-soalan seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan misalnya, bahawa di dalam kawasannya tidak ada satu pun cawangan bank dan sebagainya.

Maka saya fikir dari sudut dasar kita perlu selaraskan dan dari sudut amalan juga kita perlu perhatikan supaya jangan, pertamanya di peringkat dasar sekali kita hendak satukan bank-bank supaya jangan ada bank-bank yang kecil dan sekarang ini nampaknya tukar dasar itu supaya nampaknya bercambah bank-bank baru dibenarkan wujud.

Keduanya, apabila kita sudah pastikan kita mahu benarkan bank-bank baru diwujudkan, adakah kita memastikan supaya bank-bank yang baru diwujudkan itu akan mempunyai pelaksanaan yang berkesan selepasnya.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa sebagai mana Setiausaha Parlimen sebutkan tadi, satu prinsip penting syariah dalam bank atau kewangan Islam ini ialah menolak unsur-unsur perjudian di dalamnya. Akhir-akhir ini kita tahu bahawa Kerajaan Singapura mengumumkan mereka akan membuka dua kasino besar di Singapura dan salah satu daripada pemohon yang disebutkan berpeluang untuk memenangi dipilih untuk menjadi syarikat yang akan dibenarkan untuk mengendalikan kasino itu ialah syarikat termasyhur daripada Malaysia iaitu Genting Berhad.

Adakah kita akan membuat reaksi-reaksi tertentu kalau Singapura ingin menjadi jaguh kasino di rantau ini, adakah kita ingin bertanding dengan Singapura, kita ada satu mereka buka, dua kita mahu buka, empat atau sebagainya ataupun kita mengambil

prinsip bahawa sebagaimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebutkan tadi ia bercanggah dengan prinsip Islam sebagaimana seluruh Ahli Dewan Rakyat daripada pihak kerajaan, mahupun daripada kami di pihak pembangkang menganggap bahawa perjudian itu amalan yang tidak baik, yang merosakkan masyarakat dan negara kita. Kita ingin mengambil kesempatan ini untuk kita keluar daripada dunia kasino dan oleh kerana Genting pun sudah mula mencari tempat-tempat yang baru untuk mengembangkan perniagaannya kita benarkan Genting untuk terus keluar daripada perniagaan itu dalam negara kita dan merubah dasar kita supaya di Malaysia ini bersih daripada adanya sesuatu kasino. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta induk rang udang-udang ini mengadakan peruntukkan untuk mendapatkan dana oleh Kerajaan Malaysia bagi masalah tertentu dan membayar dividen yang tertentu atas dana yang didapatkan itu. Rang-rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukkan pendapatan oleh Kerajaan Malaysia mengikut prinsip syariah.

Ahli Parlimen apa yang akan saya bincang dalam ucapan saya hari ini bukan berkenaan dengan cara mendapatkan dana tetapi berkenaan apa tujuan dana yang didapatkan oleh kerajaan harus digunakan. Dalam projek apakah dana-dana yang diperolehi itu akan dilaburkan oleh kerajaan.

Dana-dana yang diperolehi oleh kerajaan haruslah dibayar balik dalam masa kelak. Oleh itu jika kalau dana-dana yang diperolehi tidak digunakan dengan bijaksana dan jikalau pelaburan-pelaburan yang dibuat dengan dana-dana itu mengalami kerugian besar maka, kerajaan terpaksa menggunakan wang rakyat untuk membayar balik.

Apabila kita menyibuk mengenai pelaburan kerajaan, perkara yang paling penting sekali yang harus kita memberi perhatian adalah ketelusan dan akauntabiliti kerana yang melibatkan pengurusan dana awam, rakyat jelata ada hak tahu apa yang dibuat dengan dana-dana yang digunakan oleh kerajaan untuk melabur dan sama ada pelaburan-pelaburan kerajaan itu membawa keuntungan atau mengalami kerugian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, berapa lama lagi hendak berucap?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Setengah jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau begitu Yang Berhormat sambung kemudian.

**USUL**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT**
**DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**Kekurangan Bekalan Minyak Diesel**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi satu Usul di bawah di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini.

Saya sekarang ini memulakan perbahasan Usul itu. Seperti yang telah pun diputuskan tadi pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sila kemukakan.

**4.31 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Tuan Yang di-pertua. Isu yang paling kritikal setakat tengah hari tadi dalam negara kita ialah isu kekurangan minyak diesel. Sehingga tengah hari tadi saya menerima laporan-laporan daripada bandar-bandar besar seluruh negara Johor Bahru, Batu Pahat, di Kuantan, di Kuching, di Georgetown Pulau Pinang masih mengalami keadaan yang sangat kritikal termasuk Seberang Prai.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah membuat satu keputusan bahawa pada 1 Januari 2005, sistem kuota untuk mengehadkan jualan minyak diesel mengikut lokasi kuota kepada stesen minyak telah pun dilaksanakan, dan sekarang telah sampai kepada hujung bulan April, dan kita menyaksikan pada hari ini bahawa masalah yang melibatkan bekalan minyak diesel ini dalam keadaan yang masih di tahap yang kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, semalam juga saya menerima laporan seorang pesakit mati dalam ambulans dalam perjalanan dari Muar ke Johor Bahru kerana ambulans ini gagal mendapatkan bekalan minyak diesel. Ini satu perkara yang saya rasa walaupun

satu nyawa terkorban, tetapi ia melibatkan suatu kepentingan yang melibatkan kita semua sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk membincangkan perkara ini secara serius.

Kita sedia maklum bahawa diesel adalah merupakan salah satu daripada perkara yang menjana ekonomi negara, di mana kita semua faham bahawa bas-bas ekspres sebagai contoh yang melancarkan operasi mereka yang kebanyakan bas-bas ekspres ini adalah merupakan pengguna, digunakan dengan setia oleh kebanyakan majoritinya adalah merupakan rakyat yang marhaen, rakyat yang berpendapatan rendah.

Saya adalah di antara mereka yang masih setia menggunakan bas ekspres ini untuk saya pergi ke mana-mana destinasi jarak jauh dalam negara kita ini. Begitu juga dengan bas-bas sekolah Tuan Yang di-Pertua. Terdapat sekolah-sekolah di Johor, sekolah-sekolah di Kuantan, di Kuching dan juga di Pulau Pinang yang hari ini terpaksa anak-anak kita tidak dapat ke sekolah kerana masalah yang dihadapi oleh bas-bas yang mengangkut anak-anak sekolah ini tidak dapat beroperasi dengan sebaiknya. Ini yang menyebabkan bahawa persekolahan mereka menjadi masalah pada ketika ini.

Begitu juga dengan kenderaan-kenderaan yang membawa pekerja-pekerja kilang. Ribuan pekerja kilang hari ini terpaksa ada di antara mereka yang terpaksa dicutikan kerana masalah van, masalah bas-bas kilang ini yang tidak dapat bekalan diesel. Dan seperkara lagi yang perlu saya sebut ialah tentang *queue* tentang perbarisan yang panjang, yang terpaksa dihadapi oleh bas-bas, lori-lori yang terpaksa menunggu giliran untuk mendapatkan bekalan diesel di stesen-stesen minyak yang menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas, yang sudah tentu mengganggu kenderaan-kenderaan yang lain di pekan-pekan kecil mahupun di bandar-bandar besar, dalam negeri-negeri yang terlibat dalam masalah ataupun gangguan bekalan diesel ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperjelaskan bahawa minyak subsidi ini dijual pada paras 88 sen berbanding dengan harga pasaran RM1.70 sen. Apabila perkara ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, kerajaan, kementerian pada awal tahun ini telah menggunakan sistem kuota dan apa yang berlaku sebagai contoh, sekiranya satu lori tangki berkapasiti 48,000 liter diseludup kepada pembeli tanpa izin, pembeli haram, maka pedagang minyak diesel ini akan mendapat keuntungan haram sehari sebanyak RM16,300 ini *false money* ataupun *hot money* yang dilakukan oleh pihak-pihak yang

tidak bertanggungjawab. Oleh itu, dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menyatakan dan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apa sebenarnya yang berlaku? *What went wrong*?

Apa sebenarnya yang berlaku yang menyebabkan bekalan diesel ini daripada awal tahun sampai bulan April ini tidak selesai. Kita hendak tahu jawapan yang pasti. Adakah kurang penguatkuasaan? Adakah penguatkuasaan terlibat dengan rasuah ataupun telah dikenal pasti stesen-stesen minyak ini, yang diberikan kuota ini mereka juga mengelapkan, menjadi juga pedagang haram dalam waktu yang sama? Atau apa yang berlaku? Atau Menteri perlu letak jawatan? *[Tepuk]*

Jadi saya ingin mendapat satu kepastian kerana masalah ini Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah yang akan mengganggu-gugat perkembangan ekonomi negara, kerana apabila masalah diesel ini tidak dapat selesaikan sudah tentu perjalanan pengangkutan awam, bas-bas kilang yang membawa pekerja-pekerja kilang, bas-bas sekolah yang membawa anak-anak kita ke sekolah akan tidak dapat beroperasi dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh, apabila perkara ini berlaku di mana satu peristiwa di Kuala Lumpur ini yang telah berlaku, iaitu pegawai BPR telah dapat menangkap seorang pengusaha sebuah stesen minyak haram yang cuba menyogok pihak yang berkuasa dalam menjalankan tugas mereka untuk memastikan bekalan diesel ini tidak disempurnakan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan pujian kalau ada pegawai penguat kuasa yang bersikap seperti ini yang melaporkan kepada BPR yang dia mahu disogok. Tetapi ini satu orang. Satu orang sahaja tidak mungkin boleh menyelesaikan masalah ini. Yang kita bimbang ialah berlakunya sogokan, berlakunya rasuah, berlakunya perkara ini di seluruh negara yang mungkin menyebabkan pada hari ini empat bulan perkara ini tidak selesai. Oleh itu saya minta, sekali lagi mempertegaskan apa jawapan sebenarnya. Di mana kelemahannya? Apa yang perlu dibuat? langkah-langkah yang konkrit kerana ini masalah yang mengganggu-gugat masalah ekonomi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya hendak bangkitkan ialah sebagai contoh, apakah trak-trak ataupun lori-lori *tanker* ini, mereka mungkin boleh

*modified*, mereka mungkin boleh ubahsuai tangki-tangki mereka. Ini juga ada kaitan dengan kementerian lain, Kementerian Pengangkutan sejauh mana JPJ boleh siasat lori-lori *tanker* ini.

Dalam perjalanan kita seluruh negara baik di Lebuh Raya Utara-Selatan ataupun menggunakan jalan-jalan Persekutuan, kita sering kali berjumpa dengan *road block*, sama ada dibuat oleh pihak polis atau pihak JPJ. Dalam negara kita ini boleh dikatakan ada 25,000 lori *tanker* yang menjalankan operasi mengangkut minyak, sebagai contoh. Dalam operasi ini adakah benar-benar dapat kita tangkap ataupun kita dapat *identify* lori-lori yang diubahsuai, ini perkara yang seterusnya yang saya hendak sebut.

Dan adakah kita bersedia, kementerian bersedia untuk kita mencontohi Indonesia kerana Indonesia Tuan Yang di-Pertua, mereka menggunakan *Global Positioning System* iaitu GPS *Trucking System*. Saya tanya dengan pihak yang berkenaan, mungkin harganya lebih kurang RM2 ribu hingga RM3 ribu yang boleh diletakkan di lori-lori ini yang boleh mengesan ke mana mereka pergi. Ini masalah diesel, masalah yang serius, masalah yang kritikal. Ke mana lori-lori ini pergi?

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita juga mahu mendapat penjelasan pada petang ini bahawa adakah kita juga perlu menyiasat kemungkinan penapis minyak Malaysia yang sengaja mewujudkan keadaan dan suasana ini untuk memaksa kerajaan memberikan elaun dan subsidi tambahan kepada mereka kerana harga minyak tidak naik sejak Mac tahun 2004. Ini juga kita kena kenal pasti, adakah ini ada satu sindiket, ada satu perancangan untuk mereka menaikkan lagi harga diesel ini untuk memaksa kerajaan, untuk menekan kerajaan untuk menaikkan harga diesel ini.

Perkara yang seterusnya ialah kawalan ketat ke atas pembeli diesel asing terutama sekali daripada Thailand dan Singapura. Kita bersempadan dengan Thailand dan kita bersempadan dengan Singapura dan ancaman yang paling besar ialah kepada kilang-kilang yang mereka terpaksa membeli harga diesel tanpa harga subsidi. Sindiket ini saya rasa, sindiket yang beroperasi di seluruh negara yang menggunakan pakatan dengan pemandu-pemandu lori ini dan mereka boleh mengadakan stesen-stesen haram mereka dalam ladang kelapa sawit ataupun mereka boleh *parking* di tempat-tempat rehat R&R untuk mereka menukar ataupun menjalankan proses jual beli di mana lori

yang kosong akan memindahkan minyak mereka untuk dijual, bagi digunakan oleh pihak kilang-kilang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya melihat bahawa Dewan yang mulia ini mesti mendengar, mesti membincangkan dan mesti mengambil satu keputusan yang konkrit pada hari ini bagaimanakah langkah kerajaan yang terbaik. Kita mahu mendengar jawapan daripada Menteri yang paling konkrit supaya masalah ini boleh selesai dan saya harap perkara ini akan mendapat perhatian daripada pihak lain yang berkenaan. Jadi saya ingin memberikan juga keizinan kepada Ahli Yang Berhormat yang lain untuk sama-sama membahaskan usul ini kerana ia berkepentingan nasional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bagi Bandar Kuching, saya hendak hadkan masa. Kalau boleh Yang Berhormat bercakap lebih kurang lima minit ya.

**4.43 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya cuba. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita telah dengar banyak masalah yang telah ditimbulkan mengenai kekurangan diesel dan masalah-masalah ini kini telah menjadikan satu krisis kepada negara kita dan di mana-mana juga ada kekurangan diesel. Itu diakibatkan oleh kerana ada urus niaga jual beli secara haram mengenai diesel subsidi. Kenapakah sebab-sebab ada wujudnya urus niaga secara haram, jual beli diesel secara haram adalah kerana dua iaitu harganya. Diesel industri yang dijual ditetapkan oleh kerajaan pada tahap RM1.75 atau RM1.80 dan diesel komersial yang ditetapkan oleh kerajaan pada tahap 87.08 sen.

Pendirian kita, DAP adalah menyelaraskan dan menyeragamkan satu harga diesel industri dan diesel komersial pada tahap diesel komersial. Alasan yang diberi oleh kementerian sebelum ini adalah tidak mahu subsidi, kerajaan tidak sanggup subsidi industri tetapi maklumat yang saya dapat di sini, dalam tahun 2004 untuk penggunaan, jumlah subsidi yang diberi oleh kerajaan untuk kegunaan petrol dan diesel di Malaysia bagi tahun 2004 adalah sebanyak RM3.985 juta (RM3.9 bilion) dan hasil duti eksport pada tahun 2004 adalah sebanyak RM1.4337 bilion. Ya, memang kalau kita bandingkan kedua-dua angka ini adalah merupakan satu beban ke atas kerajaan. Tetapi 1 Julai

2004, dalam satu pengumuman Petronas, untuk laporan tahunan dari 1 April 2003 ke 31 Mac 2004, revenue Petronas adalah RM97.5 bilion. Pre tax profit, profit sebelum bayar tax adalah RM37.4 bilion dan after tax profit – RM23.7 bilion. Ini bermakna bahawa sejumlah RM13 bilion telah dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Malaysia sebagai tax atas keuntungan yang dibuat oleh Petronas.

Dengan sejumlah...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tidak payah kacau, Yang Berhormat, bagi dia gulung.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Dengan sejumlah tax revenue...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, gulung.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, okay, boleh, tetapi kasi saya satu minit untuk gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Dengan jumlah *tax revenue* yang dikutip dengan banyak, Kerajaan Malaysia boleh, sanggup dan berdaya untuk memberi subsidi ke atas *industrial*. Keadaan kekurangan diesel itu telah berlaku terlalu lama, empat bulan yang menunjukkan kelemahan dan kegagalan Menteri dalam tanggungjawabnya. Oleh itu adalah banyak teguran bahawa Menteri haruslah meletakkan jawatan *[Tepuk]* Itu bukan sahaja disuarakan oleh pembangkang tetapi disuarakan oleh seorang ADUN Sarawak Barisan Nasional yang menegur dan menyuruh Menteri meletakkan jawatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Yang Berhormat ya. Ya, Ayer Hitam.

**4.48 ptg.**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan perbahasan ini

**Beberapa Ahli:** *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya bagi peluang...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan perbahasan. Masalah diesel di negara ini kian menular.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Chong Eng:** Ini telah melanggar peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia mencadang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, Barisan Nasional pun hendak bela juga, minyak diesel tidak ada, Yang Berhormat susah hati apa?

**Puan Chong Eng:** Second half, second half, peraturan, peraturan, tidak boleh, tidak boleh, memang tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya bagi peluang Yang Berhormat, saya bagi peluang.

*[Dewan kecoh]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kita hendak membela rakyat juga, sama juga masalah sejagat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Second half!

**Puan Chong Eng:** Konvensyen ini Tuan Yang di-Pertua, nanti, nanti..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, saya tarik balik, saya bagi peluang. Yang Berhormat duduk dahulu, duduk dahulu, duduk dahulu. Saya ingin beri peluang kepada Yang Berhormat. *Backbencher* pun ada peluang untuk bercakap juga. Baiklah, saya bagi peluang kepada Rantau Panjang.

**4.49 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Datuk, masalah diesel yang dihebohkan ini sebenarnya nampak sangat kepada semua masyarakat. Rakyat melihat bagaimana kelemahan pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah kekurangan minyak diesel di seluruh negara sekarang ini. Sepatunya pihak Menteri membuat sesuatu keputusan drastik, membuat sesuatu yang meyakinkan kepada pengguna-pengguna diesel ini. Kalau setakat cakap sahaja dalam TV, kalau setakat heboh boleh menangkap beberapa orang yang cuba menyeludup diesel, kita hebohkan dalam TV dan akhbar, ini tidak cukup, memang tidak cukup. Kalau itu menjadi satu alasan, sebab saya bercakap dalam Parlimen ini, bukan hari ini, lama saya bercakap tentang penyeludupan diesel ini tetapi pihak kerajaan tidak tahu,

mendiamkan diri sahaja sebab perkara ini dikeluarkan oleh pihak pembangkang. Saya sebut penyeludupan diesel ini berlaku daripada enam bulan yang lepas lagi, waktu bajet dahulu lagi saya sebut bagaimana minyak diesel ini diseludup oleh kapal-kapal laut dalam yang berlaku khususnya di Tok Bali, berlaku di Kuala Kedah dan sebagainya. Bukannya sedikit kapal laut dalam ini.

Biasa kapal laut dalam ini, bila pergi ke laut selama 10 hingga 15 hari tetapi sekarang ini kapal laut dalam pergi ke laut dalam untuk 2 hari sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Maknanya dua hari. Dua hari itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai minta laluan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tidak bagi jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi jalan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Dua hari sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sepatutnya pihak kerajaan boleh menilai bagaimana kapal laut dalam yang dahulunya pergi 10 hari sehingga 15 hari, sekarang ini hanya masa dua hari sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Islam Hadhari, assalamualaikum.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tentulah kapal laut dalam yang dahulu mempunyai 30 ruangan ataupun 20 ruangan – satu ruangan untuk minyak diesel untuk tangkapan pergi ke laut dalam, satu ruangan untuk air bersih dan yang lain-lain lagi itu semuanya untuk masukkan hasil tangkapan ikan. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini kalau 30 ruangan, semua 30 ruangan itu dimasukkan dengan diesel. *Landing* di Thailand, *landing* di Songkhla, oleh kerana lesen *charter* kita membolehkan kapal laut dalam itu *landing* di sana.

Oleh yang demikian, penyeludupan yang berlaku itu terlalu amat besar sekarang ini melalui kapal-kapal laut dalam. Demikian juga kalau kita lihat tentang apa yang berlaku sistem kuota, ada kuota sekalipun kalau tidak dikawal, tidak guna. Menteri

sendiri mengakui stesen minyak biasa *order* 20 *tanker* satu bulan, umpamanya. Dari segi *order* kepada penapis minyak itu betul, 20 *tanker* satu bulan tetapi yang sampainya ialah 10 *tanker* sahaja. Tidak ada pegawai yang melihat atau menunggu, tidak ada pegawai yang menyiasat betul atau tidak betul yang *order*nya ialah 20 tanker, sampai betul-betul 20 *tanker* di stesen minyak itu. Tidak ada pegawai yang menunggu atau melihat, tidak ada pegawai yang memantau. *Check* tengok bagaimana sampai atau tidak sampai minyak yang di*order* sebanyak 20 *tanker* satu bulan itu, kalau betul-betul sampai sudah tentulah minyak ini tidak akan jadi kurang seperti mana yang berlaku sekarang ini.

Oleh kerana minyak tidak ada sampai di stesen itulah menyebabkan minyak ini kehabisan. Kalau semua *order* itu sampai, tidak ada masalah. Tetapi pihak penguat kuasa melihat di sana sahaja, betul *order*, cukup 20 *tanker* sampai, betul cukup. Sekarang tidak boleh hantar lagi. Kalau semua *tanker* dalam satu bulan itu sampai 20 *tanker* itu ke stesen minyak, sudah tentulah cukup. Tetapi apa yang berlaku tidak cukup. Pihak kerajaan kalau kita sebut macam ini, dia kata dia lebih pandai, penguat kuasa lebih pandai, Menteri lebih pandai, sebab itu jawabnya berbelit-belit. Sudah empat bulan berbelit-belit di Parlimen ini. Bulan ini sahaja berapa kali sudah jawab. Jawab yang sama juga.

Jadi saya harap apa yang berlaku sekarang ini, pendedahan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja daripada Pembangkang malah kerajaan juga...

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan di belakang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** ...mesti buat satu jalan yang lain. Jalan yang lebih tepat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Jawapan yang lebih tepat daripada apa yang berlaku sekarang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan, tidak bagi jalan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan, belakang, belakang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tidak perlu penjelasan, saya akan terus kepada soalan saya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Sedarkah Yang Berhormat, bukan sahaja kenderaan darat menghadapi masalah kehabisan diesel, malah nelayan-nelayan pun menghadapi masalah yang serupa. Kerajaan berkata kuota diesel diberi kepada persatuan nelayan, tetapi persatuan nelayan tidak dapat membekalkan kepada nelayan. Adakah ini seperti peribahasa, “harapkan pagar, pagar makan padi” *[Tepuk]* dan patut disiasat oleh BPR.

Lagi satu perkara, Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat mendesak kerajaan supaya membenarkan nelayan membeli diesel di *petrol station* dengan tunjukkan pas yang dibenarkan supaya mereka dapat meneruskan mata pencarian mereka dan rakyat pun boleh dapat bekalan dan hasil laut tanpa keputusan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Cadangan Yang Berhormat bagi Bagan itu cukup baik. Pandangan ini patut pihak Menteri yang ada sekarang ini ambil perhatian sedikit, walaupun pandangan ini daripada Pembangkang. Sekarang ini bukan sahaja “harapkan pagar, pagar makan padi”, pagar makan semua sekali. *[Ketawa]* Bukan setakat padi sahaja, apa yang ada dia sapu bersih habis. Ini yang teruk sekali ini.

Saya harap Menteri yang ada di depan saya, jawapan pada hari ini saya harap berlainan dengan jawapan-jawapan yang berlaku di Dewan ini sewaktu perbahasan baru-baru ini. Kalau jawapan Menteri sama dengan yang lalu, saya rasa apa yang berlaku sekarang ini akan berterusan. Oleh yang demikian, saya mengharapkan kepada pihak Menteri menggunakan kaedah yang lain. Kalau perlu, semua tenaga penguat kuasa di jabatan-jabatan yang lain juga dikerahkan habis-habisan untuk menyelesaikan masalah ini dalam masa yang pendek ini.

Jangan apabila pegawai kita tidak cukup, jawab di Parlimen ini, pegawai tidak cukuplah, stesen minyak banyaklah. Kita hendaklah menggunakan tenaga yang ada. Pihak Menteri hendaklah menggunakan budi bicara menteri-menteri yang lain yang mempunyai penguat kuasa supaya bekerjasama bagi mengatasi masalah ini. Kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, sudah cukup? Oleh yang demikian saya harap jawapan Menteri pada petang ini, jawapan yang paling baik daripada biasa. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, pencadang itu tidak semestinya daripada Pembangkang.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pencadang itu boleh jadi daripada kerajaan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Lagi dua minit, bagi dia cakap, habislah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kerajaan ialah menteri, timbalan menteri dan juga setiausaha Parlimen. Jadi saya akan bagi peluang, Yang Berhormat, saya akan bagi peluang. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dahulu.

**4.57 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pakai minyak jugakah?

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perbezaan harga diesel ini ialah untuk membantu industri-industri yang tertentu, tetapi pada waktu sekarang industri-industri ini telah terjejas dan ekonomi pun telah terjejas. Kalau hari ini kita tidak menghasilkan satu penyelesaian yang baik, pada minggu hadapan, *Federation Association of Lorry Operators* mengatakan bahawa 100 ribu lori tidak dapat berjalan dan juga bas-bas sekolah, bas-bas kilang tidak dapat beroperasi kerana tidak ada diesel. Ini sudah menjadi satu krisis.

Saya rasa ini bukan tujuan kerajaan untuk mendatangkan atau mengakibatkan krisis dengan memberi subsidi. Jadi pada bulan Februari pun *Federation Association of*

*Lorry Operators* pun telah mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menyelaraskan harga kerana kalau apa-apa barang pun kalau dia ada dua harga, tentu akan terjadi perniagaan atau jual beli yang haram untuk keuntungan. Oleh sebab itu saya rasa dan mereka pun mencadangkan supaya digantikan subsidi diesel ini dengan cara yang lain seperti mengurangkan atau merendahkan *tax* import lori ataupun *tax* import *spare part* ataupun lain-lain. Kalau nelayan, mungkin bot, macam mana kita boleh berbincang untuk...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat yang lain minta diam.

**Puan Chong Eng:** ... mengeluarkan dan memikir cara-cara yang lain untuk menggantikan subsidi ini. Jadi saya tidak mahu mengatakan bahawa kerana sebenarnya operator-operator ini mereka begitu menyokong kerajaan, tetapi kerajaan tidak mendengar kesukaran mereka sehingga mereka secara terbuka memanggil supaya Menteri letak jawatan. *[Disampuk]* Saya rasa mereka ini sudah sampai satu tahap tidak boleh tahan lagi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat, cukuplah, sudahlah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Apa kata kita merakamkan satu *vote of no confidence against the* Menteri. *[Disampuk]* Hari ini bolehkah? Sokongkah? Sokongkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sokongkah?

**Seorang Ahli:** Tidak sokong.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Biar sokong dua-dualah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Dia punya *floor*, awak diam.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain diam.

**Seorang Ahli:** Miow, duduk!

**Puan Chong Eng:** Saya rasa walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana di luar Dewan ini di depan...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tepat pukul 5, giliran saya.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sila duduk. Yang lain sila duduk.

**Puan Chong Eng:** ... operator lori, mereka akan mengatakan bahawa mereka juga sokong untuk memanggil Menteri meletak jawatan termasuk Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kata dia sokong juga.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** Nanti hari ini dan sekarang kita hendak lihat sama ada dia sokong atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cakap apa yang saya nak cakap. Saya tak nak hirau apa yang dia orang cakap.

*[Ketawa]*

Masalah diesel ini adalah satu masalah yang memang serius, jadi walaupun dari Barisan Nasional saya menganggap itu satu masalah yang perlu diselesaikan. Pengagihan melalui sistem kuota ini satu perkara yang tidak boleh digunakan lagi. Apa yang saya lihat sekarang, niat menteri bagus iaitu hendak mengurangkan subsidi yang dibayar oleh kerajaan kepada penyeludup tetapi berapa ramai penyeludup yang ditangkap? Dan yang menanggung kesengsaraan adalah ratusan ribu rakyat Malaysia.

Sebab itulah saya melihat petani, nelayan, pengusaha bas, kesemuanya hidup dalam keadaan yang susah. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri,

perkara ini perlu dikaji semula dalam tempoh 10 hari kalau tidak masalah ini akan menular dan ia mungkin akan membawa

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Hey, diam, minta diam. *[Ketawa].* Biarlah perkara ini ditangani dengan baik kalau tidak ia akan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat tahun 80'an, harga yang dijual untuk diesel industri lebih murah daripada harga komersial. Sebab itulah kita lihat dulu permintaan terhadap diesel tidak tinggi, orang membeli daripada industri. Sekarang keadaannya terbalik sebab RM0.88 berlawanan dengan RM1.75, itu yang menyebabkan orang membeli daripada stesen-stesen minyak. Jadi cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri, perkara ini perlu ditangani dengan serius, yang pertama secara prinsipnya, perlu memastikan semua petrol *kiosk*, semua stesen minyak mesti ada bekalan diesel. Kalau kerajaan tidak larat, tidak mampu lagi untuk membayar subsidi, sekurang-kurangnya diesel yang tanpa subsidi pun boleh dijual. Itu saya rasa perkara yang pertama perlu ada bekalan.

Kedua, dalam kita memikirkan sistem ini, kita kena cari satu cara alternatif bagaimana kita membantu golongan yang kita membantu termasuklah nelayan. Kita gunakan mekanisme yang lain termasuklah apa yang telah dicadangkan tadi, mungkin semua cukai jalan untuk kenderaan diesel boleh dikurangkan secara *nominal,* mungkin RM10, itu yang pertama. Kedua, kita boleh gunakan satu cara di mana setiap yang layak, pengusaha atau pengguna kenderaan diesel, mereka boleh membuat tuntutan melalui bil dan dihantar pada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dan orang akan kata mereka akan hantar bil yang tinggi tetapi ingat Lembaga Hasil Dalam Negeri pandai apabila kita nampak bil tinggi, kita tahu *turn over* syarikat itu tinggi. Kita akan siasat sampai kita dapat jawapan. Saya rasa dengan cara ini kita boleh membantu memberkas, bukan dengan cara kita membunuh seluruh, yang majority itu akan dihukum dan sasaran kita tidak sampai. Itulah masalah yang berlaku pada masa sekarang.

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Boleh minta penjelasan?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ha, minta.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Ayer Hitam, saya sangat sokonglah cadangan Ayer Hitam bahawa sistem kuota ini tidak boleh dipakai lagi. Kerana sistem kuota ini sekarang, contohnya satu stesen minyak yang ada di Cameron Highland, ia perlu purata diesel ini 420,000 liter, yang sistem kuota diberi hanya 250,000 liter. Ini tentunya menyebabkan kekurangan diesel di pasaran dan ini menyebabkan masalah pengangkutan lori-lori sayur yang bawa sayur ke pasar dan pada hari ini. Ini menjawab banyak masalah kepada kita.

Apa cadangan selain daripada kita beri rebet, adakah kita perlu meningkatkan penguatkuasaan kerana masalah sekarang adalah masalah penyelewengan ataupun penyeludupan dan bukannya kekurangan diesel. Oleh itu apakah cadangan kita, tingkatkan penguatkuasaan terhadap orang-orang yang menyeleweng ini.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya bersetuju sangat dengan pendapat Yang Berhormat Bentong. Sebenarnya apa yang telah disampaikan tadi berlaku di kawasan saya di Yompeng juga dan saya melihat kalaulah menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri hari ini, kuota yang digunakan ialah sampai bulan Jun. Apa kata kalau kita dah sampai Hari Kebangsaan 31 Ogos, kita akan habis pakai kuota tahun ini. Jadi adakah ini bermakna kita akan bercuti 4 bulan bagi pengusaha bas? Itu tidak mungkin berlaku dan itu tidak boleh dibenarkan berlaku.

Jadi sebab itulah saya mengatakan sistem kuota itu mesti dimansuhkan serta-merta dan digantikan dengan alternatif. Kita memastikan semua stesen minyak mempunyai bekalan walaupun tanpa subsidi. Dan untuk mereka yang akan mendapat subsidi itulah kita kena cari satu cara mekanisme untuk memberi bantuan kepada mereka. Kita ikhlas nak membantu nelayan, petani dan sebagainya. Dan begitu juga mereka yang menggunakan kenderaan diesel.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, gulung Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya tengah gulung ini. Sebab itulah saya mengatakan kita tidak boleh semata-mata untuk kenakan kuota dan menyusahkan orang ramai. Kita tidak dapat tangkap penyeludup. Penyeludup itu mereka pandai sangat, berapa ramai yang kita dapat? Tidak dapat, sebab itulah saya menyatakan benda ini harus dilihat secara objektif dan saya minta Yang Berhormat Menteri yang berjiwa rakyat carilah satu

penyelesaian dan sama-samalah kita meyakinkan rakyat bahawa kerajaan Barisan Nasional ........ *[gangguan mikrofon].* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, saya minta maaf, saya cuma membenarkan seorang saja lagi. Selepas itu Menteri menjawab. Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, sebenarnya bagi saya orang-orang yang menyeludup dan bersubahat ini adalah pengkhianat kepada negara, pengkhianat kepada ekonomi dan juga pengkhianat kepada orang-orang yang nak cari makan ini. Saya minta kita pinda Rang Undang-undang dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, bagi sesiapa yang terlibat dalam kerja-kerja pengkhianatan ini harus diambil tindakan yang mereka itu bukan setakat didenda tetapi dipenjarakan dan juga kita minta perniagaan mereka itu ditutup.

Kalau kedai minyak mengamalkan kerja-kerja yang kotor ini, apabila didapati bersalah bukan setakat denda, bermaknanya perniagaan mereka itu ditutup, kalau seorang dua dah kena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang Yang Berhormat?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Jerai, abang kekanda Jerai, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sependapat dengan Jerai tadi, niat kementerian baik tapi malangnya ada penyangak-penyangak yang mengambil kesempatan. Oleh yang demikian, adakah Jerai bersetuju bahawa niat yang baik itu diterjemahkan dalam bentuk tindakan lain, bukan dalam bentuk kuota dan tindakan itu dalam bentuk rebet pembayaran lain. Tidak perlu lagi bekalan diesel berkurangan dan sebagainya, kita pindahkan dalam bentuk lain. Maknanya kita pindah dalam bentuk tindakan-tindakan rebet dan sebagainya, mungkin ada cadangan-cadangan seperti Ayer Hitam dan lain-lain tadi. Apa pendapat Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang niat kerajaan murni, sebab itu kerajaan bagi subsidi berjuta-juta ringgit supaya subsidi ini membantu para peniaga, para petani, nelayan-nelayan yang hidup mereka atas penggunaan minyak diesel ini. Tetapi bagi kilang-kilang yang mengaut keuntungan berpuluh-puluh juta ini,

mereka tidak layak mengambil hak orang miskin ini. Subsidi ini adalah untuk orang miskin, orang yang berpendapat rendah, pembawa lori dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jasin bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okey.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sahabat saya Jerai, saya tengok Jerai punya marah orang sampai penyangak-penyangak. Saya nak tanya Yang Berhormat Jerai, yang penyangak ni siapa? Kalau saya berniaga minyak sejak tahun 1983, meniaga stesen, kalau, kalau industri ini membeli minyak mengikut harga industri, kita tidak ada masalah ini. Oleh sebab mereka juga datang membeli di pam minyak ini, timbul masalah. Jadi siapa yang penyangak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dah, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Yang meniaga ini pula, yang meniaga macam Yang Berhormat Jerai pun meniaga, bukan senang untuk satu pam minyak nak jual satu *tanker* satu hari, macam ................ dalam surat khabar, saya 15 tahun meniaga minyak, bukan senang. Satu *tanker* 20,000 liter tu kadang-kadang dua hari, tiga hari. Untung baru RM600 tapi sekarang industri sanggup beli RM1.50 yang mana satu lori saja, pengusaha pam minyak hantar kepada industri untung RM12,000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Siapa yang penyangak?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi Yang Berhormat ini orang minyaklah.

*[ketawa - dewan riuh seketika]*

Saya meniaga tapi bukan meniaga kedai minyak, ni saya bagi *clear* lah, sat ni kata dok bela saya pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minyak gamat Yang Berhormat?

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ..................... minyak bocorlah. Ha, minyak gamat, minyak urat, tu semua saya jual. *[Ketawa].* Yang itu tidak siapa yang berebut pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat, gulung.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri tidak payah letak jawatan. Kenapa nak letak jawatan kalau satu masalah letak jawatan habislah kabinet kita ni. *[Ketawa].* Tak pernah orang buat.

Yang Berhormat hendak duduk sebelah sana pun tak layak sebab majoriti tidak ada. Jadi Yang Berhormat elok-elok dan kita perbetulkan. Saya hendak mencadangkan kita balik buat masa sekarang ini kita buat gunakan kupon sistem.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Menegur Yang Berhormat Bukit Mertajam dalam bahasa China]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Diam-diamlah. Tak boleh kalau nyonya cakap saya memang angin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam sila diam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya minta kupon sistem. Saya ingat lagi semasa Malaysia *shortage of sugar* (kekurangan gula) macam inilah Mak Long hendak ramas cekodok hendak bubuh gula pun tak ada. Hendak beli gula, gula tidak ada maka kerajaan gunakan kupon sistem. Orang yang layak menggunakan minyak subsidi ini boleh mengambil kupon ini daripada pejabat-pejabat Daerah ataupun di pejabat-pejabat wakil rakyat ataupun di pejabat-pejabat *enforcement* dan Yang Berhormat, saya sendiri pakai kereta diesel. Ini saya hendak beritahu Menteri bahawa saya datang dari Alor Setar bubuh *full tank* sampai di Parlimen sudah naik kuning. Saya hendak balik minyak sudah tak ada ni. Mungkin saya muatkan kereta saya di atas lori sewa bawa balik lalu saya duduk atas kereta itu. Lori pun sangkut fasal minyak diesel.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baru ini saya hendak balik ke Alor Setar sampai di Rawang ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, belum habis. Buat apa pun kena habiskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Menteri hendak menjawab nanti menteri tidak ada masa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi saya berharap pihak kementerian pun saya faham. Saya minta *enforcement officers* ini tulus ikhlas bekerja untuk negara. Jagalah rakyat kesianlah terhadap orang-orang kampung. Orang-orang saya hendak buat bendang hendak pakai kabota, hendak pakai traktor minyak tidak ada. Bendang air sudah masuk traktor tidak ada tidak boleh jalan. Hendak serak padi tak boleh *income* mereka *miss* maka makan mereka pun *miss.* Jadi saya harap kepada Menteri gunakan *power* yang ada, ambil tindakan yang sewajarnya di mana pegawai-pegawai yang menyeleweng dipecat supaya kami akan sokong Menteri. Jangan susah hati jangan kira sangat mereka itu, mereka itu memang jahat-jahat. *[Dituju kepada ahli-ahli pembangkang]* Kita akan sokong Yang Berhormat untuk memastikan masalah diesel ini selesai. Dan saya percaya sekejap lagi Menteri akan beritahu masalah diesel ini akan selesai dalam masa dua hari lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri sila jawab.

**5.12 petang.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan-persoalan yang ada yang berlainan dan ada yang sama berhubung kait dengan menyatakan bahawa tidak cukup bekalan diesel di negara kita. Kalau berdasarkan kepada statistik yang kita perolehi, perbandingan di antara tahun 2004 dan juga 2005 apa yang Yang Berhormat Bentong cakap itu memang betul. Bekalan memang

mencukupi dan saya memberi contoh malahan bekalan lebih daripada apa yang sebenarnya telah kita berikan. Di Wilayah Persekutuan kita bekalkan 19,580,000 liter pada tahun 2004. Dalam tahun 2005 pada waktu yang sama April kita bekalkan 21,418,000 liter. Di negeri Sarawak pada tahun 2004 kita bekalkan 46 juta liter pada bulan yang sama dalam tahun 2005 kita bekalkan di Sarawak 55 juta liter. Where is the limit?

Bila mana kerajaan mengambil langkah untuk menjimatkan....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *Let me finish first. I'll give you chance.* Saya akan bagi peluang kepada Yang Berhormat Kepong yang selalu pemikirannya terkepung. Kerajaan memikirkan apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk memastikan supaya kita boleh mengurangkan bebanan kerajaan boleh memastikan agar subsidi ini diberikan kepada mereka yang hanya berhak bukan Kepong, Yang Berhormat Kepong keretanya diesel. Dia sepatutnya tidak layak untuk mendapat subsidi tetapi dia ambil subsidi.

Saya boleh nyatakan, fakta yang kita tidak boleh lari di mana pada tahun 2000 permintaan di stesen minyak dengan izin ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *You sit down, I'll give you chance.* Permintaan di stesen minyak 2.8 bilion liter pada tahun 2000. Meningkat pada tahun 2004 kepada 5.5 bilion liter di pam stesen. Permintaan industri pada tahun 2000 ialah 7.1 bilion liter. Pada 2004 permintaan industri menurun kepada 4.3 bilion liter. Ini yang dikatakan oleh kawan-kawan semua sebagai sabotaj dan perosak ekonomi negara. Inilah sebenarnya kalau kita lihat, takkanlah industri ini dijalankan menggunakan mineral *water* tidak berfungsilah dia. Kalau berdasarkan kepada fakta yang saya nyatakan, di Sarawak sendiri hendak bagi *on top of what I mention just now* 55 juta kita bagi untuk sungai sahaja bagi tahun ini 4.9 juta, untuk sektor perikanan 7.1 juta, untuk sektor pengangkutan darat 1.8 juta, yang itu pun tidak cukup. Banyak lagi pam stesen kononnya terkandas. Adakah ini hasil daripada langkah-langkah yang diambil kerajaan.

*[Beberapa Ahli Parlimen bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya bagi Kepong dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong dan yang lain sila duduk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Soalan memang soalan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini bukan kekurangan diesel sahaja, yang penting sekali mengapa semua operator, bas teksi dan saya sendiri tidak dapat bekalan. Itulah masalahnya. Jangan bagi angka-angka demi angka sejak bulan yang lepas. Saya dan rakan-rakan di sini bangkitkan hal diesel dia jawab semua beres. Ada kuota semua beres tetapi saya hendak beri peringatan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa di Indonesia presiden itu jatuh salah satu sebab ialah subsidi diesel. Negara kita pun akan kucar kacir dengan diesel sekarang, akan ada mogok, akan ada demonstrasi dan sebagainya di seluruh negara. Beberapa bulan yang lepas saya bagi amaran dia tidak mengendahkan, hendak kuota sahaja. Selagi ada perbezaan harga sama ada subsidi atau tanpa subsidi akan berlaku ada penyangak-penyangak termasuk daripada UMNO. *[Dewan riuh]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang hendak menganjurkan demonstrasi ini DAP, betul tak Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia pakai *badge.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Jerai. Kepong cukuplah.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam mengurus ..*[Disampuk] ....* saya tahu, hendak mengurus pentadbiran bukanlah semudah seperti apa yang rakan-rakan nampak. Kalau kita nampak semenjak tahun 2002 sehingga 2004 kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan subsidi 27 bilion. *Last year alone* kita menampung 14 bilion dan saya yakin kalau *the sky is the limit* ini akan membankrapkan negara kita dan yang sedih ialah kewangan kerajaan setiap bulan kita terpaksa membelanjakan pembayaran subsidi RM100 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, ada dua yang bangun. Mana satu Yang Berhormat hendak beri? Ipoh Timur?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi kepada Tuan Lim Kit Siang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Di sini ada diberi angka yang terbaru mengenai bekalan lebih daripada permintaan dan kerugian yang perlu ditanggung oleh kerajaan.

Ini sudah empat bulan, masuk bulan lima rakyat tidak mahu dengar lagi mengenai statistik-statistik ini, sama ada permintaan lebih daripada pembekalan, tidak mahu dengar berapa juta, berapa bilion yang kerajaan rugi, rakyat mahu perkara ini diselesaikan. Itu sahaja empat bulan, bolehkah satu jaminan dibuat itu boleh diselesai esok, bukan 10 hari. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, oleh kerana 6,500 lori, *bus* operator mahu mogok tidak boleh jalan lagi, kalau tidak boleh Yang Berhormat *resign* sebagai Menteri. Apa guna teruskan, empat bulan tidak mahu dengar sebab-sebab, selesai masalah, itu yang kita mahu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kita hendak, kita hendak……

**Tuan Lim Kit Siang:** Contoh *nonsense* apa salah selesai itu. Apa guna cakap statistik selepas itu tidak mahu dengar, apa cara untuk selesai itu. Kalau tidak boleh *resign*, tiada *sorry*, besok bolehkah selesai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor cukup, Ipoh Timor cukup. Ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Inilah*…*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Ipoh Timor. Ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Inilah kadang….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Duduk, duduk.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Inilah kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada Pembangkang. Saya tahu kadang-kadang di setengah-setengah tempat ada ugutan daripada samseng-samseng ini yang membuat supaya tekanan kepada kerajaan, kepada pihak-pihak tertentu di kawasan-kawasan tertentu dan sehingga mereka menjadi penyampai kepada samseng-samseng ini, yang mendesak kerajaan supaya kewangan setiap bulan yang kita terpaksa bayar RM100 juta ini dikeluarkan.

Ini yang saya katakan, contohnya macam apa yang disebutkan oleh Kepong tadi Tuan Yang di-Pertua, bas-bas kilang dan juga rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari Kubang Kerian. Sebenarnya kita ada membuat pendekatan dengan pihak industri ini untuk mendapatkan bekalan bagi industri kilang yang besar, kita bekalkan mereka minyak dengan menggunakan *skip tank* pada tangki mereka untuk mengisi minyak, bukan hanya untuk kilang yang dijalankan termasuk bas-bas kilang. Bas kilang tidak *entitled*, tidak layak mendapat subsidi…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ini yang kita katakan, saya akui bahawa sistem yang kita amalkan 100% tidak boleh menyelesaikan masalah. Kita perlukan pendekatan*…..[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Tangga Batu]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tunjuk saya dahulu, saya bangun kerana saya berminat. Saya nampak Yang Berhormat Menteri kita ada satu cara yang mungkin kita dapat selesaikan ialah dengan membiarkan kedua-dua pihak ini menikmati subsidi ini. Bila tidak ada perbezaan harga, maka tidak ada pihak yang akan mengambil kesempatan.

Caranya ialah kita mengetahui berapa *volume*, berapa isi padu minyak yang akan digunakan oleh industri itu, dan pada penghujung tahun kita kenakan dalam bentuk cukai kepada mereka setimpal dengan harga diesel yang mereka gunakan tanpa menikmati subsidi. Boleh tidak cadangan ini difikirkan oleh pihak kementerian Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sebenarnya seperti yang saya katakan tadi, niat kerajaan untuk memberikan subsidi ialah membantu sektor-sektor yang memerlukan termasuk petani, termasuk pengangkutan-pengangkutan awam teksi, bas-bas sekolah, inilah yang merupakan yang layak, industri tidak layak. Seperti yang disebut oleh Ayer Hitam, pada tahun 1980 bila mana harga industri menurun, waktu itu

berlaku penyeludupan daripada industri kepada kilang dan kepada *pump station*, maka perlu kita mengatasi masalah ini, maka dengan itu seperti yang saya nyatakan…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ……langkah-langkah perlu kita mengatasinya, bukan menggunakan kaedah. Kalau pemberian subsidi ini kita kekalkan menerusi penggunaan secara terbuka menerusi *pump station*, maka ini kita tidak akan kita berupaya untuk menanganinya 100%, *everyone*, dengan izin, *will be entitled including the grass cutter, including the public* yang menggunakan diesel ini akan ke *pump station* dan walaupun mereka tidak layak akan ke *pump station.* Dan ini adalah sebahagian daripada pendekatan yang akan diambil, akan diteliti oleh kerajaan untuk memastikan supaya kita dapat mengatasi dalam jangka masa yang panjang. Bagaimana untuk mengatasi supaya dia tidak ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat , duduk dahulu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ….. .*open space system*, dengan izin,….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi Mambong, Mambong sudah lama sudah tunggu.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah diesel ini memang saya sudah tahu dah lama, itulah sebabnya soalan yang terkeluar pada minggu pertama ialah soalan daripada saya.

Saya merekakan soalan ini kerana saya tahu masalah diesel sudah berlaku, jadi sekarang bukan yang saya dengar ini, *base on hearsay*, dengan izin, saya membuat pemantauan dan *survey* apabila saya balik minggu lepas ke stesen-stesen minyak. Siapakah sebenarnya penyangak-penyangak ini. Di tiap stesen satu trak stesen ini hanya membenar 200 liter di Kuching, ini yang saya tahu, saya buat *survey*, 200 liter, selepas itu dia balik, satu jam lagi dia datang lagi, orang yang sama, banyak trak yang buat macam ini.

Siapakah mereka ini? Mereka inilah samseng-samseng yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan atendan di *pump station* itu tidak boleh membuat apa-apa kerana mereka ini samseng. Soalan saya mengatakan bahawa kementerian akan terus meningkatkan penguatkuasaan. Apa terjadi sekarang sebab masalah ini terus berlaku di Kuching, Sarawak. Bukannya Yang Berhormat bagi Kuching buat *survey*, saya yang buat *survey* bukan dia*…..[Ketawa]…..*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kuching ini bila kena tekan dengan samseng itu yang dia bersuara bagi pihak tertentu ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengatakan tadi…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat yang lain diam.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** …..masalah pada hari ini, insya-Allah ya, saya bagi jaminan bahawa tidak perlulah Lim Kit Siang, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mengatakan sepuluh hari, dua hari, insya-Allah kita boleh selesaikan. Saya ada menyatakan bahawa bekalan akan mencukupi di setiap stesen di seluruh negara, tetapi langkah-langkah yang perlu kita atasi ialah bagaimana untuk membanteras kegiatan-kegiatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga kerajaan terpaksa menanggung RM14 bilion pada tahun yang lalu.

Kalau keadaan ini berleluasa, maka ini akan menjejaskan ekonomi negara, dan dia boleh melumpuhkan, dia boleh membankrapkan negara kita…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** …..saya setuju dengan apa Yang Berhormat bagi Kubang Kerian……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ……dengan beberapa langkah perlu….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** …...kita ambil. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang ya, sila.

